

"KITA juga penuh yakin bahawa sektor swasta akan bersedia untuk memainkan peranan lebih besar serta bersikap proaktif dengan meneroka dan merebut peluang-peluang yang ada ke arah menggerakkan serta mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara." - Titah sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19 pada 23 Februari 2003.



"DAN beriklanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya." - Surah Al-Isra' ayat 26 - 27.

Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet

Oleh
Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mempengerusikan Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet. Berangkat sama ke mesyuarat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Mesyuarat kali pertama sejak rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet baru-baru ini dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Juga berangkat ke mesyuarat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Mesyuarat pada pagi itu bermula dengan bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.

Rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet telah ditahkikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 24 Mei lalu dan baginda telah mengumumkan perantaraan beberapa orang Menteri dan Timbalan

Menteri yang baru.

Baginda juga bertitah mengenai perantaraan Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan II (Kedua) dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua).

Menteri Tenaga (Minister of Energy) di

Jabatan Perdana Menteri juga diwujudkan selain perantaraan lima Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Perhubungan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan.

RUSSIA PENTING DALAM KERJASAMA MODEN A'BANGSA

MOSCOW, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa salah satu tujuan lawatan keberangkatan rasmi baginda ke Moscow, Persekutuan Russia adalah untuk mengesahkan lagi peranan sangat penting Russia iaitu dalam memainkan peranan dalam bal-ehwal serantau yang kini meliputi spektrum kerjasama moden antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian ketika majlis 'Joint Press Statement' bersama TYT Presiden Putin yang berlangsung di Red Room, Grand Kremlin Palace di sini.

Baginda seterusnya bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam sangat gembira untuk mendapat peluang berkongsi pandangan dengan sebuah negara anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap keselamatan, bukan sahaja di rantau sebelah sini tetapi juga seluruh dunia. Baginda juga bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam berminat untuk membincangkan perkara berkenaan dalam perspektif yang luas dan mendalam.

Menyentuh mengenai keselamatan dan kestabilan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam melihat perkara tersebut sebagai satu faktor

positif dalam penghidupan seharian rakyat baginda.

"Ini, kami percaya, memerlukan kami untuk menimbangkan keselamatan dalam erti kata yang menyeluruh. Kita melihat perkara tersebut sebagai satu faktor yang positif dalam penghidupan seharian rakyat negara kami. Dengan itu, kami meletakkan nilai yang sangat tinggi terhadap jenis kestabilan yang menggalakkan keluarga kami dan masyarakat kami memiliki keyakinan diri di masa akan datang," titah baginda.

Dalam titah baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyentuh mengenai pentingnya keyakinan dalam mengatasi ancaman dalaman dan juga luaran.

Lihat muka 5

Liputan Jaafar Haji Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
dan Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh Pg.
Haji Bahar Pg. Hj. Omar dan Haji
Masmaleh Haji Mohd. Ali
dari Persekutuan Russia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Presiden Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin selepas kedua-dua pemimpin mengadakan Sidang Akhbar Bersama bertempat di Red Room, Grand Kremlin Palace pada 7 Jun 2005. (Lagi berita dan gambar-gambar muka 4, 5 dan 16).

KELUARGA
RIANG,
MASYARAKAT
CEMERLANG,
NEGARA
TERBILANG

ANTARA
YANG
MENARIK

Haluan:
Amalkan falsafah
pendidikan sepanjang
hayat
- Muka 2

Lawatan rasmi
Kebawah DYMM ke
Russia
- Muka 4 dan 5

ABDB genap 44 tahun
- Muka 12 dan 13

Keberangkatan
lawatan kerja ke
Kementerian
Kesihatan
- Muka 16 dan 17

Rombakan kabinet
dan lantikan baru
'Komposisi mantap ke
arah masa depan lebih
cemerlang'
- Muka 2 ANEKA

Hutang penghalang
untuk masuk Syurga
- Muka 3 ANEKA

Pusat Bahasa
Universiti Brunei
Darussalam
- Muka 9 ANEKA

TAHUKAH AWDA

BERDASARKAN maklumat sehingga 30 Disember 2004, Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam mempunyai 42,191 kakitangan iaitu Bahagian I, 662 orang (2 peratus); Bahagian II, 6,759 orang (16 peratus); Bahagian III, 10,266 orang (24 peratus); Bahagian IV, 11,571 orang (27 peratus) dan Bahagian V, 12,933 orang (31 peratus). Daripada jumlah itu, jawatan tetap (56 peratus), sebulan ke sebulan (26 peratus), kontrak (4 peratus) dan open vote (14 peratus). Manakala 52 peratus (22,103) daripada mereka adalah lelaki dan 48 peratus (20,088) adalah perempuan. - Sumber: JENDELAK, keluaran Disember 2004. Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (2004 : 21).



8 JUN 2005 BERSAMAAN 1426 1 جمادى الأول

MESRA RAKYAT DAN PEMELIHARAAN ALLAH

ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) adalah sebuah nama yang sangat berharga bagi Negara Brunei Darussalam. Namun siapa pun tidak dapat membayarnya dengan wang mahupun material, kerana nilai jasa dan sumbangannya sebagai benteng utama pertahanan negara tidak dapat diukur dengan wang ringgit ataupun harta benda. Keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati selama ini adalah hasil kerja keras dan kecekapan anggota ABDB dalam mengawal dan mempertahankan negara dari sebarang ancaman musuh atau anasir-anasir yang tidak diinginkan.

Dengan keamanan dan ketenteraman yang jitu telah membolehkan projek-projek pembangunan dan kemajuan negara berjalan dengan lancar dan menghasilkan buah yang lazat dan manis di mana kita semua menikmatinya. Demikian juga halnya dengan kegiatan-kegiatan kehidupan rakyat sehari-hari sentiasa berjalan dengan baik dan cukup mengizinkan tanpa halangan-halangan yang tidak diinginkan.

Memang semua warga dunia ingin hidup dalam aman dan tenteram, namun ramai dari kalangan mereka hanya bermimpi. Kejadian-kejadian yang berlaku di beberapa bahagian dunia seperti peperangan, pertelingkahan sesama sendiri, bencana alam, wabak penyakit dan sebagainya sudah cukup untuk menjadi iktibar dan keinsafan kepada kita semua - betapa beruntung dan bahagiannya kita di negara ini.

Namun demikian, kita tetap mengharapkan sebuah angkatan bersenjata yang lebih mantap, cekap dan berwibawa, kerana bidang pertahanan seperti juga bidang-bidang lain, tidak boleh statik, sebaliknya dinamik, terus berkembang, berwibawa dan mampu bersaing. Kerana kerana musuh atau anasir-anasir jahat juga turut berkembang mengikut kemajuan zaman dan kecanggihan teknologi.

ABDB baru-baru ini telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-44. Empat dekad tentunya usia yang sudah mantap, banyak pengalaman dan lebih kreatif dalam menyusun strategi bukan sahaja sebagai benteng pertahanan bahkan juga untuk menutup mata dan hati musuh supaya tidak berminat langsung atau berniat untuk mengacau atau merancang sebarang aktiviti kejahatan terhadap negara kita, rakyat dan semua kepentingan kita. Berhubung perkara ini, bukan bermakna kita semata-mata memerlukan anggota angkatan bersenjata yang ramai dan peralatan senjata yang canggih. Tetapi ada lagi aspek-aspek lain yang perlu diberi perhatian dan ditanam sešubur-suburnya di dalam jiwa setiap anggota perajurit kita.

Raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam titah baginda baru-baru ini telah menegaskan supaya ABDB di samping unggul dan kuat, perlu juga memiliki sifat mesra rakyat iaitu satu ciri moral dan disiplin yang tinggi yang mana pelengkap-pelengkap ialah mengeratkan lagi hubungan kita dengan Allah supaya terus berada di bawah inayah dan pemeliharaan-Nya.

Titah baginda itu merupakan isyarat penting sekali gus jawapan kepada matlamat yang hendak dicapai dan dicapai oleh ABDB. Kunci besarnya ada dua iaitu 'mesra rakyat' dan 'inayah dan pemeliharaan Allah'. Dalam kehidupan berbangsa dan bernegara rakyat adalah aset terpenting kepada negara yang akan menyumbang dan mendukung kemajuan serta aspirasi negara termasuklah bidang pertahanan. Apa pun yang dilakukan tanpa sokongan dan dukungan rakyat, nati-jahnya adalah kegagalan. Justeru itu pilihan untuk ABDB ialah 'bergabung' dengan rakyat melalui jalinan mesra yang dianjurkan oleh baginda itu. Mesra rakyat yang baginda maksudkan itu konsepnya luas yang merangkumi kerjasama, bantu-membantu, berinteraksi dan bermuzakarah secara lebih akrab, kedua-dua aktiviti-aktiviti yang memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak dan sebagainya. Apabila kemesraan yang menjambatani kedua belah pihak, bukan sahaja akan mewujudkan suasana harmoni dan aman, malahan gabungan kedua-dua institusi (ABDB dan rakyat) itu akan memberi kekuatan yang luar biasa kepada negara. Inilah sebenarnya cita-cita bangsa dan negara.

Pelengkap kepada mesra rakyat itu ialah 'inayah dan pemeliharaan Allah'. Ini sangat tepat. Dalam apa jua perkara kalau Allah 'turut campur' melalui inayah dan pemeliharaan-Nya pasti mendapat jaminan yang tidak boleh diganggu gugat oleh sesiapa pun. Kita tidak pula perlu banyak menyoal bagaimana untuk mendapat inayah dan pemeliharaan Allah itu. Kerana Allah sudah menyediakan landasan untuk kita melaluiNya, iaitu Islam - Iman - Takwa.

Maka dapat disimpulkan di sini, kehebatan sesuatu angkatan tentera bukan semata-mata terletak pada jumlah anggota yang ramai dan peralatan canggih, tetapi mesti ada kekuatan dalaman dan petunjuk serta pemeliharaan dari Allah. Inilah rahsia yang boleh mengalih perhatian musuh sehingga mereka tidak berminat atau giat untuk melakukan perkara-perkara yang tidak baik terhadap negara kita dan kita pun selamat serta aman damai.

HALUAN...

AMALKAN FALSAFAH PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-LAH! Rabbil
'Alameen, Wabi-
hee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihiie Wasah-
bihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, segala
puji-pujian dan syukur ke
hadrat Allah Subhanahu
Wataala kerana dengan izin
dan limpah rahmat-Nya
jua, dapatlah kita hadir
beramai-ramai di majlis
ilmu yang penuh dengan
keberkatan ini.

Pada kesempatan ini,
saya ingin mengucapkan
tahniah kepada graduan-
graduan yang akan mene-
rima diploma yang telah
berjaya mengharungi ca-
baran dan dugaan dalam
pencarian ilmu yang men-
jadi bekal menentukan hala-
tuju kerjaya mereka sete-
rusnya.

Sesungguhnya cabaran
dan pengalaman semasa
dalam pengajian itu me-
rupakan satu perkara yang

tidak dapat dinilai harga-
nya, walaupun kadang-
kalanya amat pahit untuk
diterima. Kepayahan dan
penat lelah itulah yang
juga mengajar erti hidup
sebagai penuntut, remaja
dan ahli masyarakat dan
seterusnya dalam berke-
luarga dan bernegara.

Saya juga berharap para
ahli akademik Institut
Teknologi Brunei akan
terus-menerus berusaha
seperti yang dibuktikan
pada hari ini, dengan ber-
jaya mendidik graduan-
graduan ke arah pem-
angunan sumber tenaga
manusia yang mahir, da-
lam bidang-bidang kejuru-
teraan, perdagangan dan
teknologi infokomunikasi
(ICT).

Saya juga ingin me-
nyarankan kepada gra-
duan-graduan supaya akan
sentiasa terus berusaha me-
ingkatkan ilmu pengeta-
huan dan kemahiran ma-
sing-masing dengan me-
manfaatkan sepenuhnya
apa jua kemudahan-kemu-
dahan teknologi infoko-
munikasi dan peluang-
peluang pendidikan yang
sedia ada.

Ini adalah sejajar de-
ngan kehendak masa kini
yang memerlukan setiap
individu mengamalkan fal-

safah pendidikan sepan-
jang hayat, demi memasti-
kan kita tidak akan ter-
tinggal, malah terus dapat
bersaing dalam arus glo-
balisasi dan era ekonomi
yang berasaskan penge-
tahuan.

Penuntut-penuntut juga
seharusnya mensyukuri de-
ngan kemudahan-kemu-
dahan yang telah disedi-
akan oleh kerajaan paduka
ayahanda yang melibatkan
peruntukan kewangan
yang besar.

Di samping itu, keja-
yaan sesebuah institusi
pendidikan itu akan lebih
bermakna melalui pene-
rapan nilai-nilai etika dan
jati diri graduan-graduan
dalam memanfaatkan ke-
mahiran masing-masing.

Jika perkara ini diambil
ringan maka kesannya
akan dirasakan terhadap
keharmonian dan kemak-
muran negara.

Seterusnya, saya ingin
berseru kepada graduan-
graduan yang masih lagi
mencari pekerjaan, supaya
tidak akan terlalu ber-
gantung kepada pihak ke-
rajaan semata-mata dalam
menghulurkan peluang-
peluang pekerjaan ini
kepada mereka.

Tidak dapat dinafikan,

**SESUNGGUHNya cabaran dan pengalaman
semasa dalam pengajian itu merupakan satu
perkara yang tidak dapat dinilai harganya,
walaupun kadangkalanya amat pahit untuk
diterima. Kepayahan dan penat lelah itulah
yang juga mengajar erti hidup sebagai penuntut,
remaja dan ahli masyarakat dan seterusnya
dalam berkeluarga dan bernegara.**



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Majlis Konvokesyen Ke-14 Institut Teknologi Brunei Tahun 1426 Hijrah/2005 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 5 Rabiulakhir 1426/14 Mei 2005.

**PENUNTUT-PENUNTUT juga
seharusnya mensyukuri dengan
kemudahan-kemudahan yang
telah disediakan oleh kerajaan
paduka ayahanda yang
melibatkan peruntukan
kewangan yang besar.**

sudah ada sebilangan kecil
graduan institut ini yang
memilih untuk bekerja di
sektor swasta, namun jum-
lah mereka untuk mem-
buka perusahaan sendiri
masih amat berkurangan.

Sebagaimana jua yang
telah dititahkan oleh pa-
duka ayahanda sempena
Majlis Sambutan Maulud
Nabi Muhammad Sallal-
lahu Alaihi Wasallam baru-
baru ini, peluang bagi
memperolehi kemahiran
bekerja dan pengalaman
berusaha sememangnya
sudah banyak tersedia,
yang mana tahap pen-
capaian matlamatnya tidak
terlepas antaranya dari
sikap individu sendiri.

Saya mendapat maklum
bahawa Institut Teknologi
Brunei kini juga sedang
giat merancang untuk me-
nubuhkan 'Business Incu-
bation Centre' bagi mem-
bimbing graduan-graduan
yang berminat menceburi
bidang perniagaan dan
perusahaan sendiri.

Saya percaya penubuh-
an pusat tersebut akan
memberikan suntikan se-
mangat kepada graduan-
graduan untuk menceburi
bidang keusahawanan se-
telah mereka menamatkan
pengajian di institut ini.

Dalam keghairahan me-

rancang kursus-kursus dan
program-program baru ke
arah memenuhi keperluan
sumber tenaga manusia
dan seterusnya mendukung
pembangunan industri-
industri baru, pihak Institut
Teknologi Brunei hendak-
lah mengambil kira bid-
ang-bidang yang relevan
bagi tujuan rancangan
penggantian tenaga-tenaga
mahir dari kalangan tek-
nisyen dan teknologis yang
dijangka akan bersara
dalam beberapa tahun yang
akan datang ini.

Dalam hal ini, pihak
Institut Teknologi Brunei
adalah disarankan untuk
mengadakan perundingan
secara berterusan dengan
agensi-agensi kerajaan dan
pihak swasta yang terlibat
demi memastikan kuri-
kulum yang digubal mene-
pati kehendak dan keper-
luan semasa agensi-agensi
dan sektor swasta tersebut.

Akhirnya, saya penuh
yakin penerima-penerima
diplomat pagi ini akan
terus berusaha dan ber-
khidmat dengan kecemer-
langan demi agama,
bangsa dan negara yang
sama-sama kita cintai ini.

Sekian, Wabillahit Tau-
fik Walhidayah, Wassa-
lamualaikum Warahma-
tullahi Wabarakatuh.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Great Britain dan Ireland Utara, Tuan Yang Terutama John Donald William Saville (atas) dan Duta Besar Republik Chile ke negara ini, Tuan Yang Terutama Patricio Torres Espinosa (kiri). - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar Pengiran Haji Omar.

DYTM berkenan menerima mengadap wakil Menteri Luar Republik Rakyat China

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri hari ini berkenan menerima mengadap Xu Dunxin wakil Menteri Luar Republik Rakyat China. Perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Semasa perjumpaan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia menerima warkah dari Menteri Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Zhaoxing yang disembahkan oleh Duta Besar Xu dan bertukar-tukar pandangan mengenai hal-ehwal semasa serantau dan antarabangsa.

Tuan Yang Terutama berada di negara ini bagi lawatan tiga hari.

Menerima mengadap dua perwakilan asing

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Men-

teri Hal Ehwal Luar Negeri hari ini berkenan menerima mengadap dua perwakilan asing yang baru dilantik. Pesuruhjaya Tinggi Great Britain dan Ireland Utara, TYT John Donald William

Saville dan Duta Besar Republik Chile, TYT Patricio Torres Espinosa. Perjumpaan itu berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Mulia mengalu-alukan kedua-dua perwakilan tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala. Sebelum lantikan ini, TYT John Donald William

Saville merupakan Kaunselor di Pejabat Luar dan Komanwel London.

TYT Patricio Torres Espinosa pada masa ini beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Hapuskan dan jangan sebarkan SMS berunsur ancaman

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) hari ini menasihatkan orang ramai, sekiranya mereka menerima Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) yang berunsur ancaman ke atas keselamatan anak-anak di sekolah supaya SMS itu dihapuskan sama sekali dan tidak menyebarkan atau dihantar kepada orang-orang lain supaya tidak mengakibatkan kere-

saan dan kecemasan kepada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak sekolah berkenaan. Jabatan Siasatan Jenayah PDB dalam siaran akhbar hari ini menjelaskan bahawa kebelakangan ini terdapat orang yang tidak bertanggung-

jawab menghantar SMS berunsur sedemikian. "Orang yang tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran SMS itu telah disiasat oleh Jabatan Siasatan Jenayah dan telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya. Berpandukan siasatan polis

ke atas kejadian itu, pihak polis berpendapat bahawa isi SMS itu adalah tidak berasas dan tidak betul. Penghantaran itu adalah dibuat-buat dengan bertujuan untuk mempersendakan kawan-kawan sahaja," jelas siaran akhbar itu lagi. Sehubungan itu, pihak PDB memberi amaran kepada orang ramai, bahawa perbuatan menyebarkan khabar angin ada-

lah suatu kesalahan yang serius. "Pihak polis tidak akan ragu-ragu untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang terlibat," tegas siaran akhbar itu.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Duta Besar Xu Dunxin wakil Menteri Luar Republik Rakyat China. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar Pengiran Haji Omar.

Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

YTM adakan perjumpaan dua hala

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri hari ini mengadakan perjumpaan dua hala bersama Menteri Hal Ehwal Negeri Chile, Tuan Yang Terutama Ignacio Walker yang diadakan di Hotel Lotte, Pulau Jeju, Republik Korea.

Menurut Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam dalam siaran akhbar hari ini, dengan perjumpaan itu, YTM telah membincangkan perkara dalam agenda Mesyuarat Menteri-menteri Perdagangan APEC yang akan berlangsung pada 2 hingga 3 Jun di Pulau Jeju termasuk perkembangan terkini mengenai Agenda Pembangunan Doha. Kedua-dua menteri juga bertukar pandangan terhadap isu-isu dua hala.

YTM berada di Pulau Jeju untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Perdagangan APEC. Republik

Korea adalah tuan rumah bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2005 pada bulan November tahun ini. Sementara pada 3 Jun, YTM berangkat menghadiri Sesi Retreat bagi Mesyuarat Menteri-menteri Perdagangan APEC di Pulau Jeju, Republik Korea. Menurut siaran akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang diedarkan di sini hari ini di sesi itu, Pengarah Agung Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Dr. Supachai Panitchpakdi telah memberi taklimat mengenai perkembangan terbaru Agenda Pembangunan Doha. YTM merakamkan penghargaan kepada Dr. Supachai di atas usaha beliau memajukan Agensi Pembangunan Doha selama tiga tahun ini. Di sesi itu, para Menteri Perdagangan APEC sedang mengkaji semua perkembangan dalam usaha mencapai Matlamat Bogor menuju perdagangan bebas dan terbuka bagi rantau Asia Pasifik pada tahun 2020. Proses itu juga menganalisa kemajuan

setiap ahli ekonomi APEC dalam mencapai matlamat berkenaan. Para menteri juga telah menerima laporan dan cadangan daripada para pegawai kanan APEC mengenai kemajuan APEC menuju Matlamat Bogor yang telah mereka bincangkan di simposium mengenai Mid Term Stocktake yang diadakan baru-baru ini. Salah satu cadangan itu ialah pembentukan petajalan (roadmap) yang berfokus lagi realistik. Di sebelah malam, YTM telah menghadiri Majlis Jamuan Makan Malam yang diberikan oleh Menteri Perdagangan Republik Korea, TYT Hyun Chong Kim yang diadakan di Hotel Shilla.

Dilantik jadi SUT KEM. PERTAHANAN BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah supaya Awang Haji Mustapha bin Haji Sirat, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan dilantik menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan (gambar kiri). Tarikh lantikan tersebut berkuat kuasa mulai hari Jumaat, 25 Rabiulakhir 1426 bersamaan 3 Jun 2005.

Menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kebudayaan Asia - Eropah (ASEM) di Paris

Oleh
Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kebudayaan Asia-Eropah (ASEM) yang akan diadakan pada 7 hingga 8 Jun 2005. Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dan beberapa pegawai kanan KKBS juga turut menyertai mesyuarat itu. Menurut siaran akhbar Bahagian Penyelidikan, Perkembangan dan Perhubungan Awam KKBS, mesyuarat itu adalah kali kedua diadakan. Mesyuarat pertama diadakan di Beijing, Republik Rakyat China pada bulan

Disember 2003. "Mesyuarat yang bertemakan 'Cultural Diversity: Opportunities and Challenges - ASEM's Long Term Plan' ini dianjurkan antara lain bertujuan memajukan pertukaran kebudayaan dan kerjasama di antara Asia dan Eropah. Mesyuarat dijangka akan membincangkan dan meluluskan pelan-pelan tindakan jangka panjang dan mencari jalan untuk mempromosikan proses dialog yang sedang dijalankan pada masa kini di antara kedua Asia dan Eropah dalam bidang kerjasama kebudayaan dan tamadun," jelas siaran akhbar itu.



DILANTIK JADI SUT KEM. PERTAHANAN

Lawatan rasmi Kebawah DYMM ke Russia

Memperkukuh hubungan Brunei - Russia

MOSCOW, 6 Jun. - Keberangkatan lawatan rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Russia selama empat hari dari 6 hingga 9 Jun tidak syak lagi merupakan milestone yang sangat penting dalam meningkatkan hubungan Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia.

Lawatan rasmi baginda ke negara kuasa besar itu amatlah signifikan dan merupakan sejarah penting dalam urutan sejarah negara ini. Dengan keberangkatan baginda ke Persekutuan Russia maka rapuslah sudah keberangkatan lawatan baginda kelima buah kuasa besar dunia. Sebelum ini baginda telah berangkat sama ada mengadakan lawatan negara dan lawatan rasmi ke Amerika Syarikat pada tahun 2002, United Kingdom pada tahun 1992, Republik Rakyat China pada tahun 1991, 2001 dan 2004 serta Republik Perancis.

Lebih bermakna lagi, lawatan baginda itu akan terus dapat memahat hubungan persahabatan dan merapatkan serta mengukuhkan lagi hubungan sedia terjamin antara Bandar Seri Begawan dan Moscow. Lebih penting menjana ke arah menajalin hubungan pelbagai hala dan kerjasama dalam pelbagai bidang yang manfaatnya akan diraih oleh rakyat kedua-dua buah negara.

HUBUNGAN

Hubungan rasmi antara Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia teramat terai pada 1 Oktober 1991 dengan penandatanganan hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara yang berlangsung di Bilik Perundingan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.

Hubungan bersejarah Bandar Seri Begawan - Moscow itu ditandatangani oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Boris Pankin.

Dengan penandatanganan Kenyataan Bersama itu, kedua-dua buah negara melahirkan hasrat untuk meningkatkan hubungan antara kedua-dua buah negara berdasarkan prinsip-prinsip hubungan damai dan juga prinsip yang terkandung dalam Piagam PBB.

Dalam konteks berkenaan, Bandar Seri Begawan dan Moscow akan meneruskan hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara bagi kepentingan bersama serta meningkatkan perdamaian dan kemajuan kerjasama antarabangsa.

Dalam mengimbas penjalanan hubungan diplomatik itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah melahirkan keyakinan bahawa dengan termeterainya hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara yang ada sekarang akan dapat dipertingkatkan lagi bagi faedah kedua-dua buah negara.

Berikutan dengan

hubungan itu, kerajaan kedua-dua buah negara telah bersetuju untuk menjalin hubungan diplomatik di peringkat kedutaan mulai dari tarikh penandatanganan tersebut.

Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan pejabat perwakilannya di Moscow pada tahun 1998. Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang pertama ke Persekutuan Russia ialah Dato Paduka Awang Haj Mahadi bin Wasli, sementara itu, Kerajaan Persekutuan Russia juga bersetuju dengan menempatkan dutanya yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Russia ketika ini ialah Tuan Yang Terutama Mohd. Janin bin Erih. Sementara Duta Besar Russia yang Tidak Menetap ke Negara Brunei Darussalam ialah Tuan Yang Terutama Alexander Alexeevich Karchava sejak 26 Mei 2005. Tuan Yang Terutama beribu pejabat di Kuala Lumpur. Persekutuan Russia dalam pada itu juga melantik Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad sebagai Konsul Russia

Liputan Jaafar Haji Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
dan Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kassim@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh Pg. Haji Bahar
Pg. Hj. Omar dan Haji Masmaleh
Haji Mohd. Ali
dari Persekutuan Russia

Kehormat pada 25 Mei 2000.

Semasa Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada tahun 2000 di Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin merupakan Presiden Persekutuan Russia yang pertama mengahdirinya dan datang ke Negara Brunei Darussalam.

Dalam Sidang Kemuncak itu, kedua-dua pemimpin, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan TYT Presiden Vladimir V. Putin berkesempatan mengadakan pertemuan.

Di Sidang Kemuncak itu, Bandar Seri Begawan dan Moscow juga telah menandatangani protokol bagi Konsultasi Dua Hala pada 15 November 2000. Konsultasi pertama antara kedua-dua buah negara telah diadakan pada 23 April 2002 di Bandar Seri Begawan. Sehingga kini sebanyak dua sesi konsultasi dua hala telah diadakan masing-masing di Bandar Seri Begawan dan Moscow. Konsultasi seterusnya akan diadakan di Negara Brunei Darussalam selepas lawatan rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Russia.

Pada 15 Oktober 2001, Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia telah mengadakan sambutan Ulang Tahun Ke-10 penubuhan hubungan diplo-

matik yang telah diadakan di 'Guest Residence', Kementerian Hal Ehwal Luar Russia di Moscow.

Timbalan Menteri Luar Negeri Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Alexander Losyukov ketika berucap di sambutan itu menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam sangat penting bukan saja dalam hubungan dua hala bahkan di dalam pertubuhan serantau dan antara-bangsa seperti PBB, APEC, ASEAN dan Forum Serantau ASEAN (ARF).

Tuan Yang Terutama menjelaskan bahawa Persekutuan Russia akan sentiasa bekerjasama dengan pihak Negara Brunei Darussalam demi meningkatkan hubungan dan kepentingan kedua-dua buah negara di masa akan datang.

KERJASAMA

Sejak termeterainya hubungan diplomatik 21 tahun lalu, hubungan Negara Brunei Darussalam bertambah kukuh dan mantap. Bertolak dari tarikh 30 September 1991 hingga sekarang, pelbagai kerjasama antara kedua-dua buah negara telah dapat dijalin. Dalam konteks yang luas, kerjasama itu meliputi pelbagai bidang kerjasama pendidikan, pertahanan, pelancongan, kebudayaan dan sukan, pelaburan, minyak dan gas serta kerjasama memerangi keganasan antarabangsa.

Dalam bidang pendidikan, awal tahun ini, Kerajaan Russia menawarkan dermasiswa kepada penuntut-penuntut Brunei untuk menuntut di institusi pendidikan di Russia. Walau bagaimanapun, tidak



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat turun dari pesawat khas sejurus tiba di Lapangan Terbang Vnukovo - 2 Moscow bagi lawatan rasmi selama empat hari ke Persekutuan Russia.

ada seorang penuntut Brunei mengambil peluang dermasiswa itu.

Baru-baru ini, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Moscow Institute of International Relations (MGIMO University), Kementerian Luar Russia telah menandatangani perjanjian kerjasama MOU antara kedua-dua buah institusi.

Kerjasama teknikal dan pertahanan - dalam tahun 2000, The Russian Federal State Unitary Enterprise State Corporation 'ROS-VOOROUZHENIE' telah mengadakan taklimat mengenai produk pertahanan negara itu di Ibu Pejabat Tentera Udara Diraja Brunei.

Kementerian Pertahanan Russia juga mengemukakan undangan bagi pegawai-pegawai Brunei untuk melawat Russia pada tahun 2005. Kedua-dua pegawai pertahanan negara itu berusaha untuk menubuhkan MOU dalam bidang pertahanan.

Kerjasama di bidang pelancongan di antara kedua-dua buah memanglah amat kecil. Sehingga kini sekumpulan 168 pelancong Russia melancong ke Negara Brunei Darussalam, namun usaha sedang digiatkan untuk menarik lebih ramai pelancong negara berkenaan melawat negara kita.

Dalam bidang kerjasama kebudayaan dan sukan, negara berkenaan menawarkan kepakarannya untuk membantu memperkembangkan sukan di Negara Brunei Darussalam dan juga pertukaran dalam bentuk kebudayaan serta sukan antara kedua-dua buah negara.

Persekutuan Russia juga berhasrat untuk menubuhkan perjanjian bagi Treati Pelancongan Dua Hala (BITS) dengan Negara Brunei Darussalam. Draf perjanjian dalam perkara itu telah pun dipanjangkan dan masih dalam penelitian Kementerian Kewangan.

Di bidang kerjasama minyak dan gas pula, Tuan Yang Terutama Presiden Vladimir V. Putin menjelaskan mengenai keinginan negara itu untuk mengadakan kerjasama dalam bidang minyak dan gas dengan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun 2000. Kemudian perkara ini disusuli oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Russia pada Februari 2005. Unit Petroleum mengalu-alukan inisiatif berkenaan.

Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia juga berhasrat membuat cadangan bagi menandatangani perjanjian

MOU ke arah memerangi keganasan antarabangsa.

Di bidang kerjasama antarabangsa, kedua-dua buah negara memainkan peranan penting dalam keamanan dunia sejagat. Kedua-dua buah negara adalah ahli PBB, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), ARF dan lain-lain pertubuhan-pertubuhan berkenaan. Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia sering bekerjasama rapat bagi menyelesaikan apa-apa jua isu yang berhubung dengan keamanan dunia sejagat termasuk perkembangan ekonomi dunia.

Ternyata, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Persekutuan Russia akan terus memantap dan mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara Bandar Seri Begawan dan Moscow. Hubungan itu bukan sahaja dalam konteks hubungan dua hala tetapi lebih daripada itu ianya turut merangkumi pelbagai kerjasama. Kita percaya lawatan rasmi pemimpin kita ke negara kuasa besar dunia itu akan terus membuka lembaran dalam mengukuh dan meningkatkan lagi hubungan dua hala yang sedia terjalin sejak 15 tahun yang lalu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima kawalan perbarisan kehormatan.

Lawatan rasmi Kebawah DYMM ke Russia

Dari muka 1

"Kami juga maklum bahawa masa depan ini adalah dalam ancaman, sama ada secara dalaman atau luaran, kami merasa, keyakinan hanyalah dimiliki melalui saling faham-memahami yang lebih baik antara sesama orang, saling kenal-mengenal dan menghormati, saling menghargai kepelbagaian kemanusiaan dan berkongsi pengalaman dan kepakaran antara satu dengan yang lain," titah baginda lagi.

Baginda juga bertitah, menyifatkan semangat perbincangan antara baginda dengan Presiden Putin sebagai suatu yang positif di mana kedua-dua Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia telah melangkah setapak lagi ke hadapan dalam penguatkuasaan hubungan kedua-dua buah negara dalam bidang kerjasama yang sangat penting itu.



DIALU-ALUKAN ... Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Russia, TYT Alexander Saltanov (atas kanan). Sementara gambar atas kiri, baginda semasa dijunjung oleh Pemerintah Kawalan Perbarisan Kehormatan untuk memeriksa perbarisan.



Liputan Jaafar Haji Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
dan Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn
dari Moscow, Persekutuan Russia

Kebawah DYMM berangkat ke Russia

LAWATAN BERSEJARAH



BAGINDA semasa berkenan menerima kawalan perbarisan kehormatan yang terdiri dari tentera udara, laut dan darat Persekutuan Russia.

MOSCOW, 6 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di sini dengan hamparan permaidani merah bagi mengadakan lawatan rasmi selama empat hari ke Russia.

Lawatan yang bermula hari ini di sini dan akan berakhir pada 9 Jun nanti meliputi keberangkatan ke Moscow dan Saint Petersburg merupakan lawatan bersejarah sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan 21 tahun yang lalu.

Tinta bersejarah itu bermula apabila pesawat khas baginda mendarat di Lapangan Terbang Vnukovo terletak di bandar raya Moscow yang mempunyai 11 juta penduduk tepat 6.00 petang waktu tempatan dan 10.00 malam waktu Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan lawatan baginda pertama kali ke negara kuasa besar itu adalah atas jemputan Presiden Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin. Lawatan tersebut merupakan jambatan yang akan terus mengukuh dan meningkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara. Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia telah menjalin hubungan diplomatik pada 30 Oktober 1991.

Sejak 15 tahun yang lalu, hubungan Bandar Seri Begawan dan Moscow terus

mesra dan erat, di samping itu keberangkatan baginda merupakan 'milestone' penting yang akan dapat menjalin hubungan kerjasama yang sedia ada.

Sebaik-baik saja pesawat khas baginda mendarat, Ketua Protokol Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Mikhail E. Timoshkin bersama-sama Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Awang Janin bin Erih naik ke atas pesawat bagi menjunjung baginda turun dari pesawat.

Mengalu-alukan keberangkatan baginda ialah Tuan Yang Terutama Alexander Saltanov, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Russia.

Baginda kemudiannya dijunjung berangkat berdirinya di atas permaidani disertai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Russia, Serentak dengan itu, Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dikumandangkan.

Kemudian selepas itu, baginda dijunjung memeriksa perbarisan kawalan kehormatan terdiri anggota tentera laut, udara dan darat Persekutuan Russia. Setelah itu, baginda disembahkan kepada ketua-ketua perwakilan ASEAN di Moscow.

Dari lapangan terbang, baginda dijunjung berangkat ke motoked bagi menuju 'Kremlin Residence' tempat persemayaman baginda sepanjang tiga hari berada di sini sambil melintasi Dewan Utama Lapangan Terbang.

Kemuncak atur cara lawatan baginda ialah perjumpaan bersama Presiden Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin di Istana Grand Kremlin dan Pengumuman Ijazah Doktor Kehormatan daripada Moscow State Institute of International Relations (University) of The Foreign Affairs.

Semasa berada tiga hari di sini, atur cara baginda pada 7 Jun bermula dengan berangkat ke 'Tomb of The Unknown Warriors' yang terletak di Alexanderovskiy, Kremlin untuk meletakkan kalungan bunga.

Dari sana Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan mengadakan perjumpaan empat mata bersama Presiden Perse-

kutuan Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin bertempat di Green Room di Istana Grand Kremlin.

Selepas mengadakan perjumpaan itu, baginda dan TYT Presiden Putin akan mengadakan Mesyuarat Plenari dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia.

Kedua-dua pemimpin akan mengadakan sidang akhbar bersama (joint press statement) bertempat di Red Room, Istana Grand Kremlin.

Pada sebelah malamnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan berangkat ke Majlis Santap Negara yang disembahkan oleh Presiden Russia bertempat di Istana Grand Kremlin.

Di hari ketiga lawatan rasmi itu pada 8 Jun, baginda akan berangkat ke Moscow State University (MGIMO) di mana baginda akan dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormatan oleh universiti berkenaan.

Keberangkatan ke Special Weapons Firing Range (Tsniitochmash) yang terletak di Bandar Klimsk merupakan destinasi seterusnya. Dari sana baginda berangkat pula ke Zhukovsky Airfield bagi menyaksikan pertunjukan akrobatik dan pesawat-pesawat terbang buatan Russia.

Di sebelah malamnya pula, baginda berangkat menyaksikan persembahan Ballet Russia bertempat di Bolshoi Theatre.

Dari Moscow baginda akan berangkat mengadakan lawatan ke Saint Petersburg pada 9 Jun yang terletak di utara ibu negara berkenaan dengan mengambil masa penerbangan selama 50 minit menggunakan pesawat udara.

Di Saint Petersburg, acara baginda bermula dengan Majlis Santap Tengah Hari yang disembahkan oleh Gabenor Saint Petersburg, Puan Yang Terutama Valentina Matviyenko.

Pada sebelah tengah hari pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat melawat Muzium Hermitage.

Sebelum menamatkan lawatan ke Russia, baginda akan berangkat menyaksikan persembahan 'Balety U Forsaita' bertempat di Teater Marinsky.



DISEMBAHKENALKAN ... Baginda ketika disembahkan kepada ketua-ketua perwakilan ASEAN di Moscow (kiri). Sementara gambar bawah kiri, baginda ketika berkenan memeriksa perbarisan kehormatan.

BENDERA Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia dikibarkan megah di Kremlin Residence, tempat persemayaman baginda sepanjang berada di Moscow (bawah).



Perlantikan Ahli Lembaga Pengarah, Pengarah Urusan YSHHB

BERAKAS, 30 Mei. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Daud telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, dan seterusnya dilantik menjadi Pengarah Urusan YSHHB mulai 1 Jun ini.

Pengarah Urusan YSHHB adalah juga bertindak selaku Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim.

Seterusnya Kebawah

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga memperkenankan lantikan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim sebagai Ahli Lembaga Pengarah YSHHB diteruskan sehingga tempoh lantikan Lembaga Pengarah YSHHB pada masa ini yang akan berakhir pada 4 Oktober 2007.

Berikutan dengan lantikan Pengarah Urusan YSHHB; Majlis Penerimaan Tugas (timbang terima) diadakan pada hari ini, di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang. Majlis tersebut disaksikan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna

Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Timbalan-timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB.



PENYERAHAN TUGAS ... Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim (kiri) dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah dan menjadi Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mulai 1 Jun 2005. Manakala YDM Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani (kanan) sebagai Ahli Lembaga Pengarah YSHHB diteruskan hingga 4 Oktober 2007. - Gambar oleh Masri Osman.

Hubungan ketenteraan Brunei - Malaysia terus kukuh

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BERAKAS, 27 Mei. - Hubungan yang erat dalam bidang ketenteraan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia kukuhkan lagi melalui latihan-latihan ketenteraan, pertukaran lawatan sambil belajar pegawai dan anggota serta

PANGLIMA Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Laksamana Dato Sri Mohd. Anwar membuat kunjungan muhibah kepada Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi (kiri). - Gambar oleh Pengiran Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

lawatan di peringkat tertinggi.

Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Laksamana Dato Sri Mohd. Anwar bin Haji Mohd. Nor hari ini mengadakan lawatan rasmi ke Negara Brunei Darussalam khususnya ke Kementerian Pertahanan.

Yang Berbahagia tiba di negara ini kelmarin, memulakan lawatan rasmi

selama tiga hari dengan membuat kunjungan muhibah kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi yang berlangsung di Pejabat Pemerintah ABDB, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison di sini.

Terdahulu Panglima Angkatan Tentera Malay-

sia memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada pegawai dan anggota Batalion III, Tentera Darat Diraja Brunei.

Sepanjang berada di negara ini, Panglima Angkatan Tentera Malaysia juga akan mengadakan kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menerima pengurniaan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam.



MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

MEDIA HIBURAN : ANTARA DULU DAN SEKARANG

DULU, apabila disebut sahaja 'medan hiburan', ramai yang sudah tahu akan kaitannya dengan sesuatu yang fungsinya adalah semata-mata untuk hiburan dan juga selaku tempat berhibur. Medan diertikan sebagai tempat atau lapangan yang merupakan lokasi sesuatu itu diadakan. Namun ianya tidak khusus untuk hiburan itu sahaja kerana ia selalu juga digunakan untuk hal-hal yang lain seperti yang berkaitan dengan ketenteraan, umpamanya medan peperangan, medan pertempuran, medan perkelahan dan hal-hal yang serupa dan kait-mengait dengan perkataan itu.

Kita bukan bertujuan hendak membuat tafsiran mengenai dengan perkataan medan itu tetapi sekadar menyatakan bagaimana orang dahulu itu berekspresi atau melahirkan perasaan mereka terhadap sesuatu yang memerlukan perasaan mereka sama ada mereka suka atau sebaliknya. Sebab, dahulu itu, apabila ada usaha untuk memperkenalkan sesuatu yang berkaitan dengan hiburan itu amat sukar untuk mendapatkan kefahaman yang menyetiujinya untuk diadakan sekalipun dalam konteks beramai-ramai kecuali ada penglibatan pihak atasan.

Ini berlaku disebabkan oleh pengaruh budaya yang sangat kuat di kalangan mereka yang sangat mendukung beberapa pantang larang orang tua yang tidak membenarkan percampuran lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Demikian juga budaya yang kuat dan sama sekali tidak membenarkan melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan waktu-waktu sembahyang serta selalu memperingatkan supaya anak-pinak mereka tidak berada di luar rumah sewaktu Maghrib bercacau-cacau, sewaktu azan Maghrib dilaungkan dan hendaklah menghayati waktu-waktu sembahyang itu, tetapi bukan sekadar menghormati dalam pengertiannya yang sangat subjektif itu.

Demikian juga dengan perkara-perkara yang banyak dan boleh mempengaruhi pembawaan (dulu tidak banyak orang bercakap tentang akidah dan seumpamanya) atau boleh mengubah 'cara' terutamanya budaya perpaduan berkeluarga dan kekukuhan pegangan hormat-menghormati, budaya berpakaian yang sopan, keolahan yang terpuji seperti lemah lembut dalam pertuturan dan kesikapan, beradab, tidak pencamah mata dan bersopan dalam bermajlis-majlis baik majlis sendiri apa lagi dalam majlis orang-orang lain.

Semua itu adalah antara 'sangga-sangga' yang selalu menjadi hujah orang-orang tua dahulu dalam memikirkan patut tidaknya sesuatu yang

dinamakan hiburan itu diadakan atau tidak atau boleh diadakan mengikut syarat-syarat yang diberikan. Maka, syarat-syarat itu sudah barang tentu akan mengandungi unsur-unsur yang disebutkan di atas. Semuanya adalah untuk mengawal agar bangsa kita tidak mudah kehilangan 'cara' apa lagi budaya modifikasi itu sudah semacam amalan untuk mencari jalan keluar dikeranakan kehendak dari satu lagi amalan iaitu 'melalui jalan pintas', sedangkan erti hidup yang berbudaya itu sebenarnya bukan untuk dipintas-pintas malah hendaklah melalui disiplin yang menjamin kesempurnaan dalam menunaikan tuntutan dunia apa lagi tuntutan akhirat.

Perkara yang kita sebutkan di atas itu, kita yakin adalah antara semangat yang ditanamkan di ketika kerajaan mewujudkan sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penapis Filem dan Hiburan Orang Ramai sekitar kira-kira tahun 1970-an dahulu, dan dari masa ke semasa dasarnya itu mengalami perubahan-perubahan mengikut kehendak peredaran masa itu sendiri. Penubuhan awal jawatankuasa itu sendiri, pada dasarnya adalah dari inisiatif pihak pentadbiran Jabatan Setiausaha Kerajaan dan demikian juga halnya dengan penubuhan perkhidmatan Televisyen Brunei di mana seorang pakar dari luar didatangkan dan berpejabat di Jabatan Setiausaha Kerajaan untuk melaksanakan tugas-tugas penubuhan itu. Sehingga di tahun 1975 ianya wujud menjadi satu lagi perkhidmatan di samping radio dan telah menambahkan keberkesanan sebaran maklumat kepada orang ramai dalam meneruskan pematapan pembangunan bangsa dan negara.

Di ketika ini, kita yakin bahawa tugas penapisan hiburan media itu semakin mencabar apa lagi sudah terlalu banyak 'medan' penyalurannya di era teknologi yang serba canggih ini. Ia tidak setakat mencabar keupayaan dari segi tenaga tetapi juga pengetahuan yang sangat meminta dari sudut keperluan

teknologi itu sendiri dalam meladani penyebarannya kepada awam yang sudah barang tentu perlu ditangani bersama oleh siapa sahaja yang terlibat di dalamnya. Mungkin dianggap sebagai 'lagu lama' jika ditekankan agar semua pihak yang terlibat dalam operasi media hiburan, media maklumat, internet dan seumpamanya, agar berupaya melihat 'kebersihan'nya, untuk kesempurnaan diri kita, keselamatan kita, keamanan, kesejahteraan dan kesentosaan negara kita, namun

semua itu adalah merupakan keperluan kita untuk tidak melihat suatu keadaan yang tidak diinginkan dan mendatangkan kesusahan yang tidak patut wujud di ketika kita menginginkan kesejahteraan itu.

Dulu tidak banyak yang merisaukan. Kita cuma ada beberapa buah panggung wayang sahaja termasuk di Seria dan di Kuala Belait dan Tutong. Kita cuma ada radio dan beberapa buah surat khabar dan jumlah rakyat dan penduduknya juga tidak ramai. Keadaan demikian itu masih selesa untuk menangani sebarannya, apa lagi tidak ada isu-isu yang membimbangkan terutamanya faktor budaya. Orang sibuk dengan usaha untuk hidup kerana secukup beras itu adalah sangat besar maknanya buat mereka. Namun tidak semua yang tidak mampu untuk berhibur. Kos untuk berhibur hanya dalam serigit dua sahaja. Namun masih dianggap mahal juga. Namun kerana hendak berhibur, terlupe akan soal mahal murahnya, bahkan untuk mendapatkan tiket masuk ke panggung wayang, sanggup bersingsing lengan. Itulah keperluan berhibur yang sekadar melepaskan lelah atau melepaskan fikiran. Panggung wayang mungkin menjadi tempat pelarian yang mudah untuk ketenangan biarpun hanya satu atau dua jam sahaja. Itulah antara fungsi hiburan dahulu.



ORANG ramai menunggu jendela penjual tiket dibuka yang kadang-kadang berjam-jam lamanya. Semuanya dirasakan cukup berbaloi jika mendapat tiket dan menonton wayang yang dihayati. Jika tidak akan terpaksa berbaris lagi esok atau lusa. Cerita Melayu biasanya ditayangkan berminggu-minggu lamanya.

Dari meja...

PERHUBUNGAN AWAM

Sumber maklumat untuk biskita

KELOLAAN
JAWATANKUASA PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN-KEMENTERIAN
DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KEMENTERIAN KESIHATAN

* 26 Jun 2005: - Simposium Hari Tembakau Sedunia 2005. Maklumat lanjut: Ramlan/Dayang Hajah Hamsah. Tel: 2380989/2381640.

* 1st International Anaesthesia, Critical Care Medicine and Pain Conference In Brunei Darussalam. Maklumat lanjut: Hajah Hamsah/Hajah Mahanum. Tel: 2380989/2381640.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

* 9 Jun 2005: - Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Peringkat Kebangsaan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1426 Hijrah/2005 Masih. - Bertempat: Dewan SHUTTI, Tingkat 2, Institut Perkhidmatan Awam, Jalan Tungku Link, Negara Brunei Darussalam. - Jam 8.00 pagi.

* 11 Jun 2005: - Taklimat Mengenai Tanah Perkuburan Islam. - Bertempat: Dewan Teratai, Tingkat 5, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. - Jam 8.45 pagi.

* 4 Jun 2005: - Majlis Taklim Persatuan Wanita. - Bilik Kuliah 3 dan 4, Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. - Jam 10.00 pagi.

* 6 hingga 11 Jun 2005: - Kursus Tasawuf dan Kefahaman Aqidah Bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan. - Dewan Serbaguna dan Bilik Kuliah, Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. - Jam pagi dan petang.

* 12 hingga 13 Jun 2005: - Kegiatan Perpustakaan Bagi Kanak-kanak sempena cuti sekolah. - Dewan Serbaguna Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. - Jam 8.00 pagi.

* 29 Mei hingga 12 Jun 2005: - Skim Bimbingan Lanjutan (I) Saudara-saudara Baru Bahagian Lelaki Senegara. - Dewan Serbaguna Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. - Jam pagi dan petang.

Perjanjian 'Trans - Pacific Strategic Economic Partnership' mendapat kejayaan

Oleh Refa'ah Ali Osman

KOREA SELATAN, 3 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-At-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berangkat menghadiri satu persidangan akhbar mengenai 'The Trans-Pacific Strategic Economic Partnership' yang diadakan di Pulau Jeju di

sini.

Semasa persidangan akhbar tersebut, Yang Teramat Mulia bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Chile, Tuan Yang Terutama Ignacio Walker, Menteri Perundingan Perdagangan New Zealand, Yang Berhormat Jim Sutton dan Menteri Perdagangan

dan Perindustrian Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lim Hng Kiang telah mengumumkan kejayaan penyelesaian bagi perundingan Perjanjian 'Trans-Pacific Strategic Economic Partnership'.

Menurut kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan pengumuman tersebut Negara Brunei Darussalam adalah menjadi 'ahli asas'

bagi perjanjian di mana Negara Brunei Darussalam akan mengimlementasikan sebahagian daripada komitmen dalam jangka masa dua tahun. Perjanjian ini juga akan menemukan sebahagian dari perjanjian pembebasan perdagangan yang utama di rantau Asia Pasifik.

Sehubungan itu, Yang Teramat Mulia dan menteri-menteri berkenaan yang menghadiri Mesyuarat Men-

teri-menteri Perdagangan APEC juga menyatakan bahawa perjanjian 'Trans-Pacific Strategic Economic Partnership' ini akan membawa manfaat yang strategik bagi keempat-empat ahli dan akan membantu memajukan matlamat bersama di dalam APEC dan WTO.

Perjanjian 'Trans-Pacific Strategic Economic Partnership' ini dijangka akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

ASEAN berperanan terhadap keselamatan, kestabilan serantau

Oleh Samle Haji Jait
samli.jait@information.gov.bn



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menyampaikan siri kepada seorang penceramah undangan di Seminar Penerangan ASEAN Siri Pertama yang berlangsung di sebuah hotel di Tutong. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

Kenaikan pangkat pegawai ABDB

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, 30 Mei. - Seramai enam orang pegawai tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah menerima lencana kenaikan pangkat setelah mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mereka yang menerima lencana kenaikan pangkat itu ialah 189 Kolonel Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu yang dinaikkan pangkat kepada Kolonel Tetap yang bermula hari ini.

Sementara empat orang yang berpangkat Mejar juga telah dinaikkan pangkat ke Pemangku Leftenan Kolonel yang bermula juga hari ini.

Mereka yang mene-

TUTONG, 30 Mei. - Penubuhan ASEAN adalah dihasratkan dan bertujuan bagi mengadakan kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial, kebudayaan, teknikal, pendidikan dan bidang lain dalam mempromosikan keamanan dan kestabilan serantau.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kecil (Penerangan) ASEAN COCI Brunei Darussalam dengan kerjasama Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam menganjurkan siri Seminar Penerangan ASEAN Siri Pertama dalam fasa kedua di sebuah hotel di sini.

Seramai 147 peserta yang terdiri pegawai kerajaan, institusi pendidikan tinggi, sekolah-sekolah, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, persatuan-persatuan dan pihak swasta di daerah itu menyertai seminar setengah hari itu.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut berharap Seminar Penerangan ASEAN itu akan dapat meningkatkan minda dan membuka dengan lebih luas persepsi para peserta mengenai ASEAN.

Menurutnya, Negara Brunei turut mendapat manfaat menjadi ahli ASEAN sejak 7 Januari 1984 sehingga dapat sama-sama duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia antarabangsa.

Katanya, media elektronik dan media cetak setiap hari menyiarkan dan mencatat perkembangan dan isu-isu yang bergolak di

negara-negara ASEAN tetapi berapa ramai antara kita telah memahami dan mengetahui cabaran-cabaran, kemajuan dan hala tuju mengenai ASEAN terutama selepas mencapai usia penubuhan ke-38 tahun.

Dalam Pelan Tindakan Hanoi telah menekankan kepada mempromosi kepekaan terhadap ASEAN dan pengetahuan dalam masyarakat antarabangsa, di samping keperluan bagi masyarakat ASEAN mengenai program ASEAN dan membantu menanamkan 'sense of regional identity and spirit of cooperation and restore confidence in ASEAN'.

Pengarah Penerangan seterusnya menjelaskan Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan, ASEAN-COCI di semua negara ASEAN telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi menyatukan seruan pemimpin dalam Pelan Tindakan Hanoi berkenaan termasuk seminar yang dikendalikan itu.

Dua orang penceramah undangan dari Universiti Brunei Darussalam telah membentangkan ceramah termasuk 'Bringing Southeast Asian Closer: Is Stronger ASEAN a Clincher?' yang disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Liik Arifin Mansurnoor dari Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD.

Sementara Timbalan Dekan Pelajar UBD, Dr. Hajah Saniah Saim pula menyampaikan ceramah bertajuk 'The Civil Society In ASEAN'.

Wakil peserta Jabatan

Perhutanan, Awang Sharbini bin Haji Mohidin menyambut baik usaha Jawatankuasa Kecil (Penerangan) ASEAN COCI dalam usahanya memberi penerangan seumpamanya bagi menambatkan lagi pengetahuan mengenai ASEAN.

"Siri ceramah yang banyak memberi manfaat ini telah membuka minda para peserta untuk sama-sama berkongsi pendapat, di samping mendapat penjelasan mengenai isu-isu baru dalam ASEAN," jelasnya ketika ditemu bual oleh pemberita.

Beliau berharap agar usaha mempromosi ASEAN itu akan terus dilartkan kepada peringkat masyarakat yang lain termasuk dalam bidang sukan atau kemasyarakatan.

Sementara itu, Awang Suni bin Haji Sulaiman seorang wakil Persatuan PERDA Kampong Penanjong pula berkata, tujuan penerangan itu jelas untuk meningkatkan lagi kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai ASEAN.

Menurutnya, sambutan yang sangat menggalakkan pada sesi seminar di sini telah membuktikan para peserta mahu mengetahui lebih mendalam mengenai perkembangan dan perjalanan ASEAN ketika ini.

"Kita harap siri penerangan yang sangat berfaedah ini perlu dilartkan kepada golongan belia dan masyarakat kampung agar ia lebih berkesan," jelasnya.



SEORANG penceramah undangan ketika membentangkan kertas kerja di Seminar Penerangan ASEAN anjuran Jawatankuasa Kecil (Penerangan) ASEAN-COCI Brunei Darussalam dengan kerjasama Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

Majlis Mengangkat Sumpah bagi Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri



MAJLIS Mengangkat Sumpah berlangsung di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri mengangkat sumpah di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Perlantikan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (atas kiri), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan (atas tengah), Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama (atas kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Perlantikan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (atas kiri), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang, Menteri Perhubungan (atas tengah) dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (atas kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Perlantikan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan (atas kiri), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan (atas tengah) dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohd. Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bergambar ramal bersama Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang dilantik sejurus Majlis Mengangkat Sumpah Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman. Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (atas).

BERTARAF MENTERI



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifri.

Gambar-gambar oleh
Haji Ariffin Mohd. Noor,
Pengiran Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim
dan Hamadi Haji Mohammad

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Perantukan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri (atas sekali kiri), manakala gambar atas kiri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) dan gambar atas kanan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua).



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki bin Haji Ismail, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (atas kiri), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Timbalan Menteri Pertahanan (atas tengah) dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Timbalan Menteri Pendidikan (atas kanan) mengangkat sumpah di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Uag-ma (atas), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdillah, Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (atas kiri), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusof, Timbalan Menteri Perhubungan (atas tengah) dan Yang Di-muliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (atas kanan) mengangkat sumpah di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair, Timbalan Menteri Kesihatan (kiri sekali), Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny, Timbalan Menteri Pembangunan (tengah) dan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) mengangkat sumpah di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Daerah akan mempunyai bangunan baru

TUTONG, 2 Jun. - Majlis Perletakan Batu Asas bagi projek membina sebuah blok lima tingkat untuk Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Tutong dilangsungkan hari ini di tapak pembinaan bangunan berkenaan berdekatan bangunan lama Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Tutong di sini.

Projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 yang bernilai \$4 juta telah bermula sejak 3 Januari 2005 dan dijangka siap pembinaannya dalam tempoh satu tahun.

Majlis Perletakan Batu Asas dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan. Kemudian diikuti oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Yusoff.

Bangunan tersebut akan menempatkan Jabatan Daerah Tutong dan beberapa buah bahagian di bawahnya iaitu Pejabat Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah dan Pegawai Pentadbir. Di samping itu juga ia akan menempatkan Bahagian Pentadbiran,

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

Bahagian Kewangan dan Perlesenan serta menempatkan Institut Penghulu dan Ketua Kampung termasuk pejabat bagi Penghulu-penghulu Mukim di Daerah Tutong.

Di antara kemudahan-kemudahan yang terdapat di bangunan tersebut ialah dua buah bilik mesyuarat utama yang boleh memuatkan seramai 50 hingga 70 orang, ruang lobi di setiap tingkat, kemudahan lif serta sebuah jambatan penghubung (link bridge) yang akan menghubungkan bangunan berkenaan de-

ngan bangunan lama Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Tutong.

Reka bentuk pembinaan bagi projek tersebut adalah berkonsepkan mesra pelanggan disediakan oleh Arkitek OPFIS selaku konsultan yang telah dilantik oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Kerja Raya dan kerja-kerja pembinaan dilaksanakan oleh Syarikat Metrobina Sendirian Berhad.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan mendahului perletakan batu asas bagi projek membina sebuah blok lima tingkat Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Tutong. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

RALAT

MUKA surat 16 di bawah tajuk IDBB beri sambutan kepada pelajar cemerlang ABDB, pada para dua hendaklah dibaca seperti berikut: Majlis penyerahan cek sumbangan itu telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IDBB, Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan kepada Pemangku Pengarah Keanggotaan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, Yang Dimuliakan Pehin Dato Pekerna Jaya Leftenan Kolonel Haji Awang Mohd. Tawib bin Abdullah. - *Penyunting.*

21 pegawai baru KPSSU terima sijil

BERAKAS, 26 Mei. - Seramai 21 pegawai di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama (KPSSU) yang baru berkhidmat menerima Sijil Kursus Induksi Perkhidmatan Bagi Pegawai-pegawai Bahagian II dan III berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KPSSU.

Penyampaian sijil-sijil disempurnakan oleh Pengarah Pengurusan dan Kewangan, Awang Haji Rosli bin Haji Mustafa selaku tetamu kehormat majlis.

Kursus tahunan yang diselenggarakan oleh Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan dan Kewangan adalah kali kedua diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pegawai-pegawai berkenaan mengenai tugas dan tanggung-

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre
Haji Abdullah

jawab kementerian tersebut dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Di samping itu kursus tersebut juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan serta kefahaman mengenai perintah-perintah am dalam Perkhidmatan Awam, termasuklah Peraturan-peraturan Am dan Kewangan.

Peserta yang mengikuti kursus ini terdiri daripada tiga orang pegawai dari Jabatan Pertanian, dua orang pegawai dari Jabatan Perikanan, tiga orang pegawai dari Jabatan Perhutanan, dua orang pegawai dari Bahagian Kemajuan Pelanco-

ngan, empat orang pegawai dari Bahagian Pengurusan dan Kewangan, empat orang pegawai dari Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan dan tiga orang pegawai dari Bahagian Hubungan Antara-bangsa dan Perkembangan Perdagangan.

Semasa berkursus para peserta juga mengikuti sesi taklimat oleh Penolong Pengarah Perkhidmatan Personal, Jabatan Perkhidmatan Awam, Awang Haji Abdul Kahar bin Bolhassan; Pemangku Pegawai Kewangan Kanan, Jabatan Perbendaharaan Kementerian Kewangan, Dayangku Hajah Nooraisah binti Pengiran Mohd. Hassan dan Dayang

Hajah Latifah binti Haji Mahmud yang menumpukan perbincangan mengenai Peraturan-peraturan Am dan Kewangan.

Juga memberikan taklimat ialah wakil-wakil daripada bahagian dan jabatan di bawah KPSSU yang menumpukan perbincangan mengenai peranan dan fungsi bahagian-bahagian serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Para peserta juga dibawa melawat ke beberapa buah tempat di bawah pengendalian jabatan-jabatan berkenaan termasuklah lawatan ke beberapa buah makmal dan tapak-tapak projek bagi memberikan sedikit gambaran kepada peserta kursus akan peranan perkhidmatan dan juga perkembangan yang terdapat di sektor-sektor berkenaan.

Simposium Kebangsaan Mengenai Ocular Trauma

Oleh Samle
Haji Jait
samle.jait@
information.gov.bn

JERUDONG, 15 Mei. - Hubungan baik di antara doktor dan pesakit sangat penting kerana komunikasi yang lebih rapat akan memudahkan para doktor untuk mengesan penyakit yang dihadapi oleh pesakit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Dr. Haji Affendy Haji Abidin menjelaskan perkara itu ketika melancarkan Simposium Kebangsaan Mengenai Ocular Trauma (First National Symposium On Ocular Trauma) di Indera Kayangan Empire Hotel and Country Club pada 15 Mei lalu.

Beliau antara lain berharap simposium sehari itu akan membantu meningkatkan pengetahuan para doktor mengenai Ocular Trauma.

Sebanyak lapan kertas kerja termasuk 'Blind Ocular Injuries', 'Penetrating Ocular Injuries' dan 'Ocular Manifestations of Head Injuries'



KETUA Pengarah Kesihatan, Dr. Haji Affendy ketika hadir melancarkan Simposium Kebangsaan Mengenai Ocular Trauma. Majlis berlangsung di Indera Kayangan Empire Hotel and Country Club, Jerudong. - Gambar oleh Abdullah.

dibentangkan oleh para pakar Ocular Trauma sepanjang simposium untuk menambah kesedaran kepada para peserta.

Cakera padat mengenai kesihatan 'First National Symposium On Ocular Trauma' dan 'newsletter' perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Ophtalmologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleh (RIPAS) turut dilancarkan sempena simposium berkenaan.

IDBB serah tajaan kepada DBP

BERAKAS, 2 Jun. - Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) hari ini mengadakan majlis penyerahan tajaan untuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi hadiah Peraduan Menulis Karangan Majalah Mekar/Juara Pelajar tahun ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah seterusnya ucapan daripada Pemangku Pengarah DBP, Awang Haji Abu Bakar yang antara lain berkata, penyampaian hadiah kepada pemenang akan diadakan pada 6 Jun di Dewan Sarmayuda, DBP, di sini.

Pengarah Urusan IDBB, Datin Hajah

Oleh Sukri Hidayat
Haji Abu Bakar

Urai menjelaskan penajaan IDBB tahun ini adalah berbentuk akaun simpanan dan bukannya wang tunai. Menurutnya lagi hadiah berbentuk akaun simpanan bertujuan menanam dan melatih sikap menabung di kalangan kanak-kanak dan remaja.

Majlis itu juga diselenggarakan dengan sesi soal jawab dan diakhiri dengan bacaan doa selamat.

PERADUAN PERARAKAN KENDERAAN DAN BASIKAL BERTHAJAN

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan akan mengendalikan Peraduan Perarakan Kendaraan dan Basikal Berhias sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 bagi tahun 2005 di Daerah Brunei dan Muara.

Tujuan peraduan ini diadakan ialah bagi menyemarakkan lagi sambutan berkenaan, di samping menarik lebih ramai pelancong dari luar negara.

Bagi Peraduan Perarakan Kendaraan Berhias, penyertaan akan dibukakan kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, firma-firma swasta serta persatuan-persatuan, manakala Peraduan Perarakan Basikal Berhias hanya dibukakan kepada orang-orang perseorangan sahaja.

Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, firma-firma swasta serta persatuan-persatuan dan orang-orang perseorangan yang berminat hendaklah menghantar borang-borang penyertaan beserta 'sketch drawing' perarakan yang akan dibuat.

Perlu diingatkan kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, firma-firma swasta serta persatuan-persatuan dan orang-orang perseorangan yang berminat hendaklah menghantar borang-borang penyertaan beserta 'sketch drawing' perarakan yang akan dibuat.

fon 2451978/2451979 sambungan 302/303/305/306 atau melalui faksimili 2459808.

Perlu diingatkan kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, firma-firma swasta serta persatuan-persatuan dan orang-orang perseorangan yang berminat hendaklah menghantar borang-borang penyertaan beserta 'sketch drawing' perarakan yang akan dibuat.

Tarikh tutup bagi penghantaran borang-borang penyertaan tersebut telah dilanjutkan hingga 30 Jun 2005 (hari Khamis) yang mana sebelum ini tarikh tutupnya ialah 30 Mei 2005 yang lalu.



PENGARAH Urusan IDBB, Pengiran Datin Paduka Hajah Urai menyerahkan tajaan kepada Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abu Bakar bagi Peraduan Menulis Karangan Majalah Mekar/Juara Pelajar bagi tahun ini. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal ketika menyaksikan pelbagai barang yang dijual sejurus merasmikan Gerai Amal Tsunami anjuran Unit Latihan Kemahiran yang berlangsung di kawasan letak kereta Jabatan Pendidikan Teknik, Gadong. - Gambar oleh Haji Maamleh Haji Mohd. Ali.

Gerai Amal Tsunami jalin kerjasama

GADONG, 27 Mei. - Gerai Amal Tsunami anjuran Seksyen Pendidikan Lanjutan adalah bertepatan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seksyen berkenaan sebagai penghubung antara orang ramai dengan pendidikan di negara ini.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berkata, manfaat melalui aktiviti boleh menghasilkan suatu semangat kerjasama yang jitu, di samping mewujudkan suasana interaksi yang positif antara pegawai dan kakitangan kerajaan dengan orang ramai serta peniaga-peniaga di negara ini.

"Penglibatan sebahagian penyewa gerai amal

yang terdiri dari pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus urusan rumah tangga di Unit Latihan Kemahiran merupakan sesuatu usaha yang membanggakan," jelas Setiausaha Tetap KKBS ketika merasmikan Gerai Amal Tsunami di kawasan letak kereta Jabatan Pendidikan Teknik, di sini.

Selain untuk membantu para mangsa tragedi Tsunami, beliau berharap projek berkenaan akan dilibatkan dengan pelbagai aktiviti lain yang berunsurkan pendidikan dan kemasyarakatan pada masa akan datang.

"Ia dapat menjadi sumber inspirasi kepada peser-

ta untuk menceburkan diri menjadi usahawan kecil sehingga secara tidak langsung boleh membantu peningkatan dan keutuhan ekonomi negara," ujarnya.

Kena Pendidikan Lanjutan, Dayang Hajah Erni Abdullah berkata, aktiviti ini akan mendedahkan lagi kegiatan aktiviti seksyen berkenaan kepada orang ramai, di samping memberi motivasi kepada para pelajar pendidikan lanjutan untuk lebih berinisiatif dan bergiat dalam kursus yang mereka ikuti.

Lebih 40 gerai yang menyertai Gerai Jualan Amal itu menyediakan pelbagai jenis jualan termasuk makanan, minuman, pakaian dan keperluan rumah.

Pembelajaran sepanjang hayat perlu diambil perhatian

GADONG, 18 Mei. - Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan berkata, aspek kualiti dan pembelajaran sepanjang hayat adalah dua komponen penting yang perlu diambil perhatian khas, jika mahu terus relevan dalam era sekarang dan juga pada masa yang akan datang.

Bagaimanapun, perubahan tersebut memerlukan peningkatan ilmu dan kemahiran serta perubahan sikap.

"Sekarang pengetahuan bertambah secara geometric dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyebabkan 'life span' pengetahuan dan kemahiran semakin pendek," jelas Awang Haji Ishaq bin Haji Abdullah di Majlis Konvensyen Kualiti Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Pendidikan Ke-5 berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Kampong Rimba di sini.

Menurut beliau, pendidikan sepanjang hayat hendaklah dibudayakan di kalangan semua peringkat pegawai dan kakitangan di Kementerian Pendidikan supaya pengetahuan, kemahiran dan kecakapan sentiasa diperbaharui lebih-lebih lagi dalam profesion dan bidang pengkhususan masing-masing.

Terdahulu sebelum itu beliau menjelaskan penglibatan institusi-institusi pendidikan dalam aktiviti kualiti seperti KKC di

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@ information.gov.bn

harapan akan dapat menjadi nilai tambah kepada program-program yang diadakan di sekolah-sekolah dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta kecekapan sekolah pada keseluruhan dan bukan untuk membebankan tugas-tugas guru.

Sejumlah lapan pasukan menyertai KKC yang diadakan selama dua hari. Di hari pertama, empat kumpulan menyampaikan projek masing-masing iaitu Kumpulan Mumtaz dengan tajuk projek 'Proses Menganalisis Keputusan PMB Kurang Efisien', Kumpulan Greeny pula menyampaikan projek 'Kelemahan Dalam Kemahiran' dan

Kumpulan A.S.E.T. mempersembahkan projek 'Peminjaman Buku Berkurangan Di Sekolah Dari Perspektif Kelengkapan serta Perkhidmatan Perpustakaan'.

Sementara empat pasukan lagi diteruskan pada hari kedua iaitu Kumpulan Prihatin dengan projek 'Tidak Membuat Aktiviti Latihan Kerja Rumah Di Kalangan Penuntut', Kumpulan Perdana Wawasan Cemerlang pula menyampaikan tajuk projek 'Kecekapan Penuntut Tidak Membuat Kerja Rumah Bagi Mata Pelajaran Teras', Kumpulan Insan Dinamik pula dengan projek 'Proses Pengagihan Buku-buku Ke Sekolah Lambat' dan tajuk projek

'Motivasi Pelajar Dalam Mata Pelajaran Matematik Rendah' disampaikan oleh Kumpulan MIP.

Objektif KKC ialah menjadi konsep 'syura' melalui kaedah 'usrah' sebagai amalan di semua peringkat masyarakat dan negara, menjadikan KKC sebagai 'budaya kerja' dalam memantap dan memajukan agensi, termasuk dan melaksanakan program-program KKC yang menjurus kepada Konvensyen KKC Peringkat Kebangsaan yang diadakan penghujung bulan September nanti serta mengekalkan penerbitan kumpulan-kumpulan KKC di semua agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaq bin Haji Abdullah (kanan sekali) ketika hadir merasmikan Majlis Konvensyen Kualiti Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Pendidikan Ke-5. Majlis berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar Pengiran Haji Omar.

Tanamkan sikap ingat-mengingati

BERIBI, 15 Mei. - Para pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam mestilah menanamkan sikap saling ingat-mengingati antara satu sama lain mengenai peraturan dan undang-undang terutama jika mereka berurusan dengan perkhidmatan kepada orang ramai.

"Caharan selaku jabatan yang sentiasa berurusan dengan pelanggan dan orang ramai adalah memastikan dan mengekalkan ketelitian," kata Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Mat Zahri bin Haji Yusof semasa menyampaikan ucapan alu-aluan di Majlis Sesi Taklimat Perkhidmatan Berkesan bagi para pegawai dan kakitangan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) berlangsung di Dewan Serbaguna jabatan berkenaan di sini.

Beliau menjelaskan,

seiring dengan perkembangan industri pengangkutan dan kemajuan ekonomi berdasarkan industri kecil dan sederhana serta jumlah pelanggan yang kian bertambah, Pusat Pemeriksaan Kenderaan bagi Daerah Brunei dan Muara menerima purata 200 buah kenderaan sehari yang terdiri daripada kenderaan persendirian dan perniagaan bagi pemeriksaan keselamatan di jalan raya.

Beliau menambah, jumlah berkenaan belum termasuk dari daerah-daerah lain, sambil menerangkan permohonan permohonan lain di JPD menyebabkan kakitangan-nya berdepan dengan hampir 1,000 orang pelanggan sehari.

Menurut beliau, ini menggambarkan bahawa penglibatan JPD dengan orang ramai adalah sangat penting dan memerlukan

perhatian yang sangat khusus.

Beliau percaya para pegawai dan kakitangan JPD akan dapat mengukuhkan semangat kerjasama demi mencapai kejayaan dan meningkatkan prestasi serta produktiviti jabatan.

Sesi taklimat turut disertai oleh Jabatan Adat Istiadat Negara, Biro Kawalan Narkotik, Biro Pencegah Rasuah, Jabatan Peguam Negara dan Pusat Da'wah Islamiah.

Taklimat dan ceramah yang disampaikan itu memuatkan penerangan mengenai adat istiadat negara, adab sopan melayan orang ramai, tatacara bergaul, tegur sapa, ramah mesra, budi pekerti, di samping menanamkan sifat-sifat bersih, jujur dan amanah serta memberi pendedahan kepada peraturan dan undang-undang tertentu.

Maklumat mengenai elemen rasuah dan penyalahgunaan dadah tidak kurang pentingnya dan boleh

dijadikan garis panduan bagi kita mengelak daripada sebarang penglibatan yang sengaja atau sebaliknya.

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@ information.gov.bn



PENGARAH Pengangkutan Darat, Awang Haji Mat Zahri bin Haji Yusof berucap di Majlis Sesi Taklimat Perkhidmatan Berkesan bagi para pegawai dan kakitangan jabatan tersebut. Majlis berlangsung di Dewan Serbaguna Jabatan Pengangkutan Darat. - Gambar oleh Pengiran Rafee Pengiran Dato Paduka Haji Metassim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika berkenan menaiki kenderaan khas bagi memeriksa sebahagian peralatan ketenteraan termasuk kenderaan tentera yang mengambil bahagian semasa sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-44 (atas).

SEGAJ BERTIRI ... Para anggota tentera ABDB segak berdiri semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memeriksa pasukan-pasukan perbarisan raksasa (kiri).



TABIK HORMAT ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan menerima tabik hormat diraja (atas kanan).

MENADAH TANGAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan menadah tangan bagi sama-sama memohon keberkatan dalam majlis sambutan ulang tahun (atas).

PAKAIAN SERAGAM BARU ... Baginda berkenan menyaksikan pakaian seragam baru bagi anggota-anggota Askar Wanita peringkat pegawai sambil mendengar sembah taklimat mengenainya (kanan).



ABDB GE

TUTONG, 31 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) kini berkembang pesat dan bertambah dewasa bersama usianya hari ini genap ke-44 tahun ditubuhkan. Bagi memperingati ulang tahun ABDB, perbarisan raksasa telah diadakan hari ini di Padang Kawad Penanjong Garrison di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemerintah Tertinggi ABDB berkenan berangkat ke Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Pada tahun ini tema sambutan ulang tahun ABDB ialah 'Bersepadu Memperkasa Mandiri Perajurit Bangsa'.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia di Padang Kawad Perkhemahan Penanjong Garrison dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejurus keberangkatan berkenan menerima tabik hormat diraja dan juga berkenan

memeriksa pasukan-pasukan perbarisan raksasa terdiri 1,797 orang anggota yang lengkap dengan pakaian seragam tentera mewakili Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan Perkhidmatan Bantu ABDB, di bawah Pegawai Pemerintah Pebarisan, Leftenan Kolonel Haji Abu Bakar bin Haji Md. Hassan.

Selepas itu diikuti perbarisan lalu dalam gerak perlahan dan cepat oleh pasukan-pasukan tentera dan pasukan Panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Pasukan ABDB.

Tiga kali daulat untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilancarkan oleh para anggota perbarisan raksasa diikuti persembahan terbang lalu oleh tujuh buah pesawat helikopter TUDB melintasi ruang udara padang kawad de-

Liputan
Haji Dayang Haji K
dayang.kasim@informati
Haji Ahmad Haji S
ahmad.salim@informati
dan Abu Bakar Haji Ab
bakar.rahman@informati
Gambar-gambar
Haji Ariffin Mohd. Noor, Har
Abdullah Haji Awang D
Haji Masmaleh Haji M

ngan men
asap berw
memeriah
sana acara
tersebut.

Sejurus
berkenan
Sempena
ABDB Ke-
Turut m
dalam per
kenderaan-
termasuk
perisai pen
kut tentera
luru berpa
kenderaan l
an tentera.

Sejurus
Duli Yang
Yang Teram
berangkat
Institut La
Majlis Rar
Anggota A
peral Ke Ba

Di ma
berkenan
caran pakai
anggota-ang
peringkat
sambil ber
sembah takl

Sebelum
keberangka
berkenan
ziarah para
ringkat Kop
semua unit
Duli Yang
Yang Teram
tangani bak
raja.

Dari si
Yang Maha
Yang Teram
nya berkena
Pegawai V
Sarjan Pen
Majlis Ram
Para Pegaw
Kanan (P
ABDB.

Keberan
dan Duli Ya
mes terseb
dialu-alukan
Haji Mohd.

Dalam
Kebawah D
lia sekali lag
sikan pelam



BENTENG NEGARA ... Anggota tentera lelaki dan wanita merupakan benteng barisan hadapan dalam mempertahankan maruah negara yang turut sama memeriahkan sambutan ulang tahun kali ini.



AP 44 TAHUN



kerohanian yang sentiasa di-pupuk kepada setiap sanubari para anggota ABDB.

Di samping nilai-nilai kerohanian, ABDB merupakan satu angkatan yang terlatih, cekap dan berdisiplin walaupun mempunyai bilangan anggota yang kecil.

Hingga ke hari ini, Negara Brunei Darussalam sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan dan ABDB akan sentiasa berwaspada serta membuat perancangan yang tertentu selari dengan pergolakan semasa dan yang akan datang.

Perancangan tersebut hendaklah mempunyai sesuatu sistem pengurusan yang berkesan dan sejurus dengan itu Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan adalah sebagai sandaran ABDB di dalam menguruskan apa jua perancangan dan perkembangan yang akan datang.

Selain dari tuntutan masa, kedudukan dan prinsip perkembangan kepupayaan ABDB adalah bersesuaian dengan dasar pertahanan Negara Brunei Darussalam.

Dasar pertahanan telah mengambil kira beberapa 'strategic fundamentals' yang menjurus kepada peranan-peranan gerakan bersama ABDB seperti pemantauan maritim dan tindakan kawalan kepada kawasan tumpuan maritim; pemantauan dan tindakan kepada ancaman di kawasan darat; pemantauan dan tindakan kepada pencerobohan ruang udara serta perlindungan kepada aset dan prasarana utama negara, di samping melaksanakan tugas-tugas negara.

RAMAH MESRA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama beberapa orang pegawai tentera di Mes Pegawai, Penanjong Garison (atas kiri), sementara gambar atas kanan, baginda berkenan memotong kek sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-44.



BERAMAH MESRA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika beramah mesra bersama para pegawai anggota tentera ABDB yang telah menamatkan perkhidmatan sambil diperhatikan oleh Duli Yang Teramat Mulia (atas).

SEBAGAI KENANGAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani buku pelawat khas diraja (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima pesambah (bawah).

keputan
sekali gus
nakan su-
sambutan

baginda
dan titah
ng Tahun

bagian
ebut ialah
tentera
ut perisai,
pengang-
dancar pe-
cenderaan-
celengkap

Kebawah
Duli Yang
berkenan
Makan
ABDB bagi
Bersama
angkat Ko-

ginda telah
baru bagi
ar Wanita

ke bawah
mendengar
genainya.

akan acara
ginda juga
junjung
ABDB pe-
awah bagi

Kebawah
Duli Yang
menanda-
khas di-

awah Duli
dan Duli
kemudian
kat ke Mes
of Sarjan/
arison bagi
Bersama
Bertaulah
Kanan)

ha baginda
at Mulia di
junjung dan
Sarjan Mejar

angkatan itu
Maha Mu-
n menyak-
pakistan se-

ragam baru bagi anggota Askar Wanita peringkat Pegawai Tidak Bertauliah Kanan.

Sebagai tanda kenangan keberangkatan lawatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan bergambar ramai disusuli Majlis Junjung Ziarah.

Sebelum meneruskan keberangkatan, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan menandatangani buku pelawat khas diraja.

Daripada Mes Pegawai Waran, Staf Sarjan/Sarjan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia kemudian berangkat ke Mes Pegawai bagi Majlis Santap bersama para pegawai ABDB.

Di majlis itu baginda juga berkenan menyaksikan pelancaran pakaian seragam baru bagi para anggota Askar Wanita peringkat pegawai dan kemudiannya berkenan memotong kek sempena Hari Ulang Tahun ABDB.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Pemangku Pegawai Ugama Kanan Kementerian Pertahanan, Awang Haji Roslan bin Haji Sulaiman.

Majlis disusuli junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dari para pegawai ABDB.

Selanjutnya baginda dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku pelawat khas diraja dan seterusnya berkenan menerima pesambah.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengabadikan kenangan bergambar ramai bersama para pegawai ABDB.

ABDB ditubuhkan pada 31 Mei 1961 dan pada masa itu dikenali sebagai Askar Melayu Brunei. Kemudian pada 31 Mei

1965 perkataan Diraja telah dikurniakan dan mulai hari itu ianya dikenali sebagai Askar Melayu Diraja Brunei.

Pada 1 April 1984 Askar Melayu Diraja Brunei telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dinaikkan taraf menjadi sebuah angkatan dan dikenali sebagai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sehingga pada masa kini.

Kewujudan ABDB yang profesional dan berkemampuan adalah untuk menjadi benteng utama kepada pertahanan Negara Brunei Darussalam.

ABDB mempunyai tugas yang sangat murni dalam mempertahankan negara daripada apa jua gejala yang boleh mengugut keamanan dan kedaulatan negara. Bagi mencapai kejayaan yang dihasratkan, patriotisme, perpaduan dan keimanan serta semangat yang tinggi adalah sebahagian daripada nilai-nilai



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima Junjung ziarah para anggota ABDB peringkat kopekal ke bawah.





TIMBALAN Pengarah Urusan BSP, Awang Haji Zainal Abidin Haji Mohd. Ali menyampaikan sumbangan derma \$10,000.00 kepada Yang Dipertua SMARTER, Haji Malai Abdullah Haji Malai Othman.

Majlis Perundingan Mukim/Kampung bagi kesejahteraan penduduk

KUALA BELAIT, 22 Mei. - Penubuhan sesebuah Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bertujuan bagi merancang dan melaksanakan pelbagai bidang kegiatan bagi kemajuan dan kesejahteraan penduduk kampung.

Di samping itu penubuhannya juga bagi sama-sama menyokong kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah kesepaduan rakyat tanpa mengira bangsa dan kaum untuk terus bergerak memajukan negara.

Penghulu Mukim Belait, Awang Haji Pungut bin Ali ketika mempengekus mesyuarat agung pembubaran dan perantukan anggota jawatankuasa baru Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Pandan bagi sesi 2005 hingga 2007 berkata, kehadiran penduduk kampung diharapkan bagi

sama-sama mendengar dan memikirkan kegiatan membabitkan penduduk kampung serta memberikan kerjasama kepada Ketua Kampung demi kebajikan bersama.

Beliau berkata kehadiran kurang daripada 30 orang pada mesyuarat yang diadakan di Dewan Raya Jabatan Daerah Belait itu amat mendukacitakan dan berharap anggota jawatankuasa baru dilantik akan menjadi wakil kepada penduduk yang tidak hadir untuk melakukan apa yang perlu di kampung berkenaan.

Mesyuarat telah bersejua mengekalkan jawatan Pengerusi dipegang Awang Haji Pungut bin Ali selaku Ketua Kampong Pandan, Mukim Kuala Belait, sementara jawatan Timbalan Pengerusi juga kekal dipegang Awang Haji Zaini bin Haji Munir, manakala Setiausaha, Awang Haji Ramlee Haji Hitam; Penolong Setia-

usaha, Awang Nordin Haji Zainal dan Bendahari, Awang Wong Siang Kin.

Sementara mesyuarat juga melantik 10 anggota jawatankuasa baru bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sesi 2005 hingga 2007. Mesyuarat bagi melantik anggota jawatankuasa baru Biro Wanita Majlis Perundingan Kampong Pandan akan diadakan pada tarikh yang akan diumumkan kemudian.

Kem Motivasi tingkatkan keyakinan diri

LUMUT, 17 Mei. - Berpanduan analisis peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang lalu, pelajar-pelajar sangat lemah dalam subjek matematik dan sains dan perlu diberi perhatian utama dalam kedua-dua subjek berkenaan.

Sehubungan itu bagi

SMARTER menerima sumbangan lebih \$16,000

KUALA BELAIT, 13 Mei. - Pusat Dana Persatuan Pengurusan Isu-isu Latihan Pendidikan dan Sumber Berkaitan Autisme (SMARTER) Daerah Belait menerima derma lebih \$16,000.00 daripada pelbagai pihak bagi memberi manfaat kepada ahli-ahli pusat tersebut menjalankan aktiviti mereka.

Kesemua derma diterima oleh Yang Dipertua SMARTER, Haji Malai Abdullah bin Haji Malai Othman yang diadakan di pusat tersebut ini. Syarikat Minyak Brunei Shell

(BSP), Syarikat Brunei LNG (BLNG), Syarikat Perkapalan Brunei Shell (BST) dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM) menderma \$10,000.00.

Derma disampaikan oleh Timbalan Pengarah Urusan BSP, Haji Zainal Abidin Haji Mohd. Ali sementara Syarikat Katering Srikandi menderma \$1,400.00 yang diserahkan oleh Pengurus syarikat itu, Hajah Sharifah Maimunah, manakala Syarikat SKS dan Syarikat Joffren Omar masing-masing

menderma \$2,000.00 dan Persatuan Kejuruteraan Cina menderma \$888.00.

Haji Zainal Abidin menyampaikan ucapan tahniah kepada Haji Malai Abdullah yang berjaya menamatkan larian amal beliau bermula dari Daerah Belait hingga ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di Bandar Seri Begawan pada 1 Mei lalu.

Menurutnya, pembabitannya beliau itu menunjukkan kesungguhan dan komitmen untuk mencari sumbangan bagi dana persatuan itu agar sentiasa bergerak aktif serta memerlukan tenaga yang banyak sama ada dari segi buah fikiran, ikhtiar, wang ring-

git dan tenaga kerja.

Dalam pada itu beliau juga menggesa supaya lebih banyak lagi pihak swasta dan perseorangan yang sudi menghulurkan bantuan demi menyokong hasrat yang hendak dicapai oleh persatuan berkenaan.

SMARTER ditubuhkan pada 9 September 2001 telah mencapai perkembangan di luar jangkaan dengan pembabitannya yang jitu daripada setiap ibu bapa dan ahli keluarga anak-anak autisme. Ia ditubuhkan dengan tujuan sebagai sebuah pertubuhan bantuan bagi ibu bapa dan ahli keluarga anak-anak yang bermasalah autisme di negara ini.

Berita dan gambar-gambar oleh Dk. Hjh. Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn



AHLI Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampong Pandan bergambar ramai sempena mesyuarat sesi 2005 hingga 2007.

INFORAMA uji kemahiran ICT

SERIA, 30 Mei -. Seramai 76 orang pelajar mewakili 79 buah sekolah rendah kerajaan dan swasta seluruh negara menyertai Pertandingan INFORAMA peringkat pertama bagi zon Kuala Belait yang di adakan di Sekolah Rendah Muhammad Alam di sini.

Pertandingan selama dua setengah jam bermula jam 9.00 hingga 11.30 pagi anjuran Kementerian Pendidikan yang diadakan setiap tahun ditaja oleh Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dibahagikan kepada lima peringkat pelajar-pelajar sekolah rendah bawah, rendah atas, menengah, orang awam dan swasta.

Peringkat pertama lazimnya bagi menguji kemahiran asas penggunaan ICT bagi pelajar muda dalam bentuk kreativiti, menaip dan melukis menggunakan komputer iaitu melukis menggunakan Lakaran Komputer (DOP) bagi pelajar darjah satu

hingga tiga, pelajar darjah empat pula diuji kemahiran menaip dan menyunting menggunakan Microsoft Word (TESUC), penggunaan Excel (WWE) bagi pelajar darjah lima dan penyampaian menggunakan Microsoft Office Power Point bagi pelajar darjah enam.

Manakala peringkat selebihnya meliputi penciptaan laman-web, software dan microteaching untuk guru-guru. Dalam pada itu di Daerah Brunei-Muara pertandingan serupa telah diadakan minggu lalu dan minggu depan pertandingan akan diadakan di Daerah Tutong dan Temburong.

Tiga buah sekolah yang menang di pertandingan tersebut akan layak masuk ke peringkat akhir dalam bentuk kuiz yang akan diadakan di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei pada bulan September nanti.

membetulkan kesilapan lalu, amat penting guru-guru memimpin pelajar-pelajar untuk meningkatkan penguasaan dalam kedua-dua subjek tersebut, kata Guru Besar Sekolah Rendah Sungai Tali, Cikgu Hajah Mariam binti Abdullah.

Katanya, antara usaha yang dilakukan dengan mengadakan Kem Motivasi yang memfokuskan mengenai teknik mengulang kaji, kefahaman dan pengurusan masa dalam subjek-subjek tersebut.

Kem Motivasi pelajar darjah enam yang akan menduduki peperiksaan PSR diadakan di kesemua sekolah rendah di Daerah Belait merupakan projek tahunan dan salah satu inisiatif Ahli Jawatankuasa Guru-guru Besar dan Penolong Guru Besar Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait yang telah diusahakan lebih lima tahun lalu.

Kem Motivasi bagi pelajar-pelajar dari Zon Lumut, Sungai Liang dan

pedalaman diadakan pertama kali di Dewan Serbaguna Kelas Rekreasi Liang Lumut bagi mengalami persekitaran baru, jelas Cikgu Hajah Mariam.

Beliau menambah, sejak Kem Motivasi diadakan, mereka menyaksikan peningkatan mutu pelajar-pelajar dan ini terbukti apabila Daerah Belait dapat mengekalkan se-

bagai pencapaian tertinggi dalam peperiksaan PSR seluruh daerah selama lapan tahun berturut-turut dan satu-satunya daerah yang mengadakan Kem Motivasi pada waktu berlainan bagi pelajar-pelajar dari tiga zon berasingan di daerah ini.

Seramai 166 pelajar dari tujuh buah sekolah di kawasan Lumut, Liang dan

pedalaman mengikuti Kem Motivasi yang bertujuan bagi meningkatkan keyakinan diri pelajar-pelajar untuk lulus dengan keputusan cemerlang dalam peperiksaan, membantu mereka ke arah rancangan strategik pelajaran berkesan dan meningkatkan keupayaan belajar bagi persiapan sebelum peperiksaan PSR.



KEM Motivasi yang dianjurkan lebih memfokuskan subjek matematik dan sains yang sering menjadi masalah di kalangan pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan PSR.

Pastikan penyembelihan mengikut peraturan

SUNGAI LIANG, 20 Mei. - Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah mengadakan lawatan mengejut ke sebuah rumah penyembelihan di sini bagi memastikan sistem penyembelihan mengikut hukum syarak.

Pemeriksaan yang dilakukan kira-kira jam 6.00 pagi itu melibatkan 12 pegawai lembaga berkenaan. Dalam pemeriksaan itu mereka berpuas hati syarikat berkenaan yang membekalkan kira-kira 7,000 ekor ayam sembelih sehari untuk pasaran di kawasan Daerah Belait mempunyai lesen penyembelihan dan memenuhi syarat yang ditetapkan.

Pegawai Kanan Agama, Awang Haji Kassim bin Haji Mohammad yang mengetuai pemeriksaan berkata bahawa pihak lembaga akan melancarkan pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa ke rumah-rumah penyembelihan bagi memastikan mereka mematuhi peraturan dan syarat yang dikeluarkan.

Sehubungan itu beliau mengingatkan syarikat-syarikat penyembelihan supaya mematuhi peraturan dan undang-undang Akta Daging Halal dengan memperbaharui sijil penyembelihan tiga bulan sebelum tarikh mansuh.

Menurutnya, kesalahan yang sering dilakukan oleh syarikat penyembelihan ialah gagal memperbaharui sijil penyembelihan dan ia menjadi kesalahan di bawah Akta Daging Halal Penggal 183 dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi \$4,000.00 atau setahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Beliau seterusnya menjelaskan sesebuah syarikat penyembelihan mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pe-

nyembelih beragama Islam, menggunakan pisau tajam dan ayam tidak boleh dilemaskan menggunakan kuasa elektrik serta setiap bungkusan hendaklah ditandai dengan logo Halal.

Di Daerah Belait terdapat tujuh syarikat penyembelihan ayam yang kebanyakannya terletak di Sungai Liang dan Lumut bagi

membekalkannya ke daerah ini sejak pemberhentian import ayam pada tahun 2003 kerana bekalan tempatan telah mencukupi. Bagaimanapun semasa penyakit selesema burung yang melanda awal tahun lalu, sejumlah 60,000 ayam beku telah diimport disebabkan kekurangan bekalan ayam tempatan.

Berita dan gambar-gambar oleh Dayangku Hajah Saidah Pengiran Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn



PEGAWAI-PEGAWAI Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal diketuai oleh Pegawai Kanan Agama, Awang Haji Kassim bin Haji Mohammad memeriksa kerja-kerja penyembelihan ayam-ayam yang akan dipasarkan mengikut hukum syarak dan peraturan yang ditetapkan.

Promosi kegiatan wanita melalui pelbagai pertandingan

SERIA, 15 Mei. - Persatuan Domestik Sains Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC) menganjurkan Pertandingan Gubahan Bunga dan Masakan bagi mempromosi pelbagai kegiatan kaum wanita di daerah ini terutama sekali di kalangan ahli-ahli persatuan itu.

Sebanyak 16 kategori gubahan bunga dan masakan dipertandingkan di Dewan Serbaguna BSRC yang dibahagi kepada dua kategori gubahan bunga dan 14 lagi bagi pelbagai jenis masakan termasuk daging, ikan, sayuran, kek dan kuih-muih.

Menurut Pengerusi Pertandingan, Awang Haji Rahmat bin Ahmad Daud, penyertaan pada tahun ini semakin bertambah berbanding tahun sebelumnya dengan 25 penyertaan yang menunjukkan kebolehan dan kesianan masing-masing. Ia membuktikan kegiatan dalam kedua-dua bidang tersebut amat diminati di daerah ini khususnya di kalangan wanita walaupun kebanyakan mereka bekerja.

Sehubungan itu, katanya, persatuan tersebut akan membuka kelas me-

ngajar memasak, menjahit, penampilan diri, gubahan bunga bermula bulan Julai ini selain aktiviti lain yang akan diadakan antaranya lawatan ke kawasan-kawasan perindustrian di negara ini terutama di kawasan perindustrian makanan.

Pertandingan yang diadakan dibukakan bukan sahaja untuk kaum wanita, malahan memberi peluang kepada penyertaan kaum lelaki mempromosikan bakat yang ada pada mereka terutama dalam kegiatan kraf tangan, sulaman, masakan dan gubahan bunga.

Pertandingan dimeriahkan dengan pelbagai jualan terdiri daripada hasil kraf tangan buatan tempatan, persendirian, kuih-muih dan pakaian dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula pagi hingga lewat petang.



PENGERUSI Pertandingan, Awang Haji Rahmat bin Ahmad Daud menyampaikan hadiah kepada pemenang keseluruhan, Sharifah Fauza.

Manfaatkan pengetahuan bila perlu

KUALA BELAIT, 16 Mei. - Seramai sembilan orang pegawai Jabatan Imigresen cawangan daerah ini menyertai Kursus Asas Bantuan Kecemasan dikendalikan Persatuan Bulan Sabit Merah cawangan Daerah Belait.

Sehubungan itu Majlis Penyampaian Sijil kursus berkenaan diadakan di Ibu

Pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah cawangan Daerah Belait di sini. Pegawai Imigresen Kanan, Awang Razali bin Haji Mohd. Said dalam ucapan berkata, dengan adanya kursus itu sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan kepada pegawai di jabatan berkenaan dalam memberikan bantu-



SEBAHAGIAN ahli PSI dan mereka yang baru memeluk agama Islam menghadiri majlis meraikan saudara-saudara baru 2004 dan diikuti Mesyuarat Agung Ketiga PSI.

Persatuan Sinar Islam (PSI) eratkan persaudaraan

KUALA BELAIT, 15 Mei. - Sebagai salah satu langkah bagi menyatu padu dan mengeratkan hubungan persaudaraan di kalangan saudara-saudara baru, Pusat Da'wah Islamiyah mengusahakan pelbagai inisiatif antaranya menubuhkan Persatuan Saudara-saudara Baru yang diselitkan dengan pelbagai kegiatan persatuan.

Salah sebuah persatuan saudara baru yang ada di daerah ini Persatuan Sinar Islam (PSI). Sehubungan itu PSI mengadakan mesyuarat agung ketiga di Dewan Serbaguna Unit Dakwah di sini sejurus selepas majlis meraikan saudara-saudara baru 2004.

Antara agenda mesyuarat yang dipengerusi oleh Yang Dipertua PSI, Awang Haji Hamdi

bin Haji Mohd. Isa pembubaran dan perlantikan ahli jawatankuasa tertinggi baru sesi 2005 hingga 2007.

PSI ditubuhkan pada tahun 1992 dengan keramaian ahli 10 orang sebagai wadah untuk memperkukuhkan keimanan mereka melalui pelbagai kegiatan keagamaan serta berperanan sebagai induk bagi mereka menyuarakan pelbagai kemusykilan yang timbul.

Juga dibincangkan di mesyuarat itu termasuk rancangan dan kegiatan

yang telah dan akan diadakan sepanjang tahun ini dan tahun berikutnya. Sehingga kini PSI dianggotai 20 saudara baru dan terus membuka kemasukan ahli baru dan sementara belum mempunyai bangunannya sendiri kebanyakan kegiatan persatuan diadakan di Unit Dakwah.

Menurut perangkaan Unit Dakwah dan Tabligh Daerah Belait mencatat 2,217 saudara baru yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat sejak 1985 hingga tahun lalu dan hanya 19 orang di kalangan saudara baru yang baru memeluk agama Islam menjadi ahli PSI kerana kurangnya komitmen, komunikasi di kalangan ahli serta kurang bantuan moral dari pemimpin-pemimpin dalam mukim dan kampung.

Anak-anak penyu dilepaskan

KUALA BELAIT, 29 Mei. - Agensi kerajaan dan swasta melakukan pelbagai langkah untuk mengekalkan penyu-penyu yang ada di negara ini tidak pupus dari muka bumi, di samping memberi pende-

dahan kepada masyarakat mengenai spesies terancam tersebut.

Sehubungan itu Syarikat Kumpulan Perkhidmatan Tenaga (ESG) Haliburton telah melepaskan kira-kira 50 ekor anak penyu semasa mengadakan Kempen Kebersihan kawasan tepi pantai Taman Jubli Jalan Maulana di sini.

Kempen tersebut merupakan projek tahunan syarikat berkenaan membabitkan penyertaan kakitangan syarikat itu serta orang awam sebagai menyahut slogan Menjaga Kebersihan Negara Kita serta bagi mengisi masa lapang para peserta bersama anggota keluarga mereka, sambil menyihatkan tubuh badan dengan melakukan kerja pembersihan di kawasan terbabit di samping

menghirup udara bersih di tepi pantai.

Melalui kempen tersebut pelbagai kegiatan juga diadakan antaranya Pertandingan Mengutip Sampah Terberat dengan tawaran hadiah pertama sejumlah \$100.00, tempat kedua \$50.00 dan ketiga \$30.00, pertunjukan kayak oleh kumpulan penggemar kayak Daerah Belait, Bandar Seri Begawan dan Temburong serta Pameran Statik oleh Tentera British.

Dengan adanya kegiatan seumpama itu sedikit sebanyak dapat membantu memeriahkan suasana di pekan ini terutama di hujung minggu, bukan saja membabitkan kakitangan dan anggota keluarga syarikat itu, malah juga membuka kunjungan kepada orang ramai.

Liputan Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

Gambar-gambar oleh

Harun Haji Rashid dan Pengiran Rafee
Pg. Dato Paduka Haji Metassim

BERAKAS, 1 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri hari ini berangkat melakukan lawatan kerja ke Kementerian Kesihatan.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di bangunan Kementerian Kesihatan dijunjung oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman; Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Serbini bin Haji Ali dan para pegawai kanan serta para pegawai Kementerian Kesihatan.

Sejurus kemudian, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat ke Bilik Persidangan bagi sesi sembah taklimat yang dimulakan dengan sembah alu-aluan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, diikuti sembah taklimat Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dan sembah taklimat Pengarah Umum Kementerian berkenaan,

Awang Yusof bin Amba mengenai rancangan-rancangan strategik Kementerian Kesihatan di bawah Rancangan Kemajuan Negara, Perundangan Kesihatan, Lembaga Perubatan Brunei dan Lembaga Jururawat Negara Brunei Darussalam.

Di akhir sesi sembah taklimat, Duli Yang Teramat Mulia menyabdakan mengenai keberke-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan menghadiri Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan yang antara lain membincangkan tujuan program-program dan tindakan strategik promosi kesihatan.

KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KE KEMENTERIAN KESIHATAN

san dalam memastikan stok ubat-ubatan di seluruh negara mencukupi dan berkualiti serta perancangan terhadap bangunan bekas kediaman pegawai dan kakitangan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak

Saleha. Duli Yang Teramat Mulia kemudian disemabahkan penerangan mengenai perkara-perkara berkenaan.

Atur cara di sebelah pagi diteruskan dengan persembahan tayangan multimedia mengenai struktur organisasi, peranan dan fungsi Kementerian Kesihatan selaku agensi yang bertanggungjawab ke arah memperbaiki taraf kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk di negara ini melalui sistem penjagaan kesihatan yang dikendalikan masa kini.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menghadiri Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan yang antara lain membincangkan tujuan program-program dan tindakan strategik promosi kesihatan. Program-program yang dikenal pasti termasuk pengawalan tem-

bakau, pemakanan, kesihatan wanita, kesihatan mental, kegiatan fizikal, kesihatan alam sekitar, kesihatan pergigian dan keselamatan makanan. Ahli-ahli jawatankuasa itu terdiri daripada Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan yang berkaitan dan wakil daripada Majlis Wanita.

Semasa mesyuarat itu, Duli Yang Teramat Mulia telah menyabdakan beberapa perkara yang antara lain perlunya 'multi-sectoral approach' dan 'partnership' dari pihak-pihak swasta dan organisasi bukan kerajaan dalam mempromosikan kesihatan; menyarankan agar 'partnership' dan kerjasama yang sepadu dapat dipertingkatkan secara berterusan; mengulangi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan

dan Yang D-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya kesihatan perlu dijadikan 'everyone's business'; pendedayaaan pemakanan yang sihat perlu dipertingkatkan; masalah obesiti perlu ditangani bagi mencegah dan mengawal penyakit-penyakit kronik; menyarankan agar Program Obesiti Kebangsaan dapat ditubuhkan; meningkatkan kegiatan fizikal di kalangan masyarakat termasuk di kalangan warga sekolah; kesihatan oral perlu dipertingkatkan dan diberi keutamaan sewajarnya dan menyarankan supaya penilaian-penilaian terhadap langkah-langkah dan program-program yang telah dirancang untuk dilaksanakan.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berangkat ke Surau Kementerian Kesihatan bagi menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah sebelum berangkat ke Hotel Orchid Garden, Berakas bagi menghadiri Majlis Santap Tengah Hari dan Ramah Mesra bersama graduan-graduan tempatan (allied professional), para pegawai kanan dan pegawai serta kakitangan Kementerian Kesihatan.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah kenang-kenangan daripada para pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan sumbangan \$3,015.00 kepada

Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim yang disemabahkan oleh Menteri Kesihatan.

Setelah itu, atur cara keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia diteruskan ke bangunan Jabatan Kesihatan Alam Sekitar yang dijunjung oleh Pemangku Pengarah Kesihatan Alam Sekitar, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md. Said. Di sana, Duli Yang Teramat Mulia menyaksikan pameran mengenai fungsi Perkhidmatan Bahagian Kawalan Penyakit sambil disemabahkan penerangan mengenai kegiatan-kegiatan dan perkembangan semasa jabatan itu serta meninjau pelbagai kemudahan di bangunan tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia juga dijunjung ke beberapa buah unit di bawah kawalan jabatan itu termasuk Unit Kawalan Pencemaran, Unit Pelan Bangunan dan Kemajuan, Makmal Parasitologi, Makmal Entomologi, Unit Malaria dan Kawalan Vektor.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia meninjau ke bangunan Makmal P3, Jabatan Perkhidmatan Saintifik yang mempunyai reka bentuk khusus bagi mengendalikan kerja-kerja yang melibatkan bahan-bahan yang boleh mengakibatkan penyakit serius dan membahayakan nyawa.

Lihat muka 17



DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan menerima sumbangan \$3,015.00 untuk Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim yang disemabahkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman (atas).

DULI Yang Teramat Mulia menyaksikan sebahagian peralatan yang digunakan di Makmal Forensik DNA sambil mendengar taklimat yang disemabahkan oleh Pegawai Saintifik, Awang Hamidon bin Haji Ibrahim (kanan).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah kenang-kenangan daripada para pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan yang disemabahkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi (kanan sekali).



DULI Yang Teramat Mulia menyabdakan sesuatu kepada Ketua Makmal Pemeriksaan Dokumen, Pegawai Saintifik, Dayang Zunaidah binti Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman mengenai dokumen yang dianalisa di Makmal Pemeriksaan Dokumen (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia bergambar ramai bersama Ketua-ketua Bahagian 'Allied Health Professional' sejurus sebelum berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari (kanan).





DULI Yang Teramat Mulia menyaksikan model persekitaran kampung dan komuniti sihat sambil mendengar penerangan yang disampaikan oleh Ketua Unit Kawalan Pencemaran, Dr. Lakshmi Devi Telisingshe, Pegawai Perubatan Kanan, Bahagian Kesihatan (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia menyaksikan peralatan yang digunakan oleh Bahagian Kawalan Penyakit sambil mendengar penerangan yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Kesihatan Cara Kerja, Pegawai Perubatan Kanan, Dr. Pengiran Haji Khalifah bin Pengiran Haji Ismail (kanan).



Dari muka 16

Keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia diakhiri dengan lawatan ke Jabatan Perkhidmatan Sainifik yang dijunjung oleh Pengarah Perkhidmatan Sainifik, Victor Keasberry. Di sana, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung melawat beberapa bahagian di Makmal Sainifik termasuk Makmal DNA dan Pemeriksaan Dokumen.

Di sepanjang lawatan itu, Duli Yang Teramat

Mulia juga berpeluang meninjau secara dekat kemudahan-kemudahan dan peralatan-peralatan canggih yang digunakan dalam operasi harian di jabatan itu sambil disembahkan penerangan ringkas mengenai fungsi dan peranan jabatan dalam memberikan perkhidmatan saintifik yang berkaitan kesihatan awam dan bidang penguatkuasaan undang-undang.

Makmal Biosafety berfungsi memberikan khidmat penganalisan unsur patogen asing dalam bentuk bakteria atau virus berbahaya yang boleh menyebabkan penyakit yang serius atau kematian disebabkan pendedahan kepada udara yang tercemar.

Manakala Makmal Forensik DNA pula memberikan khidmat forensik kepada agensi pelaksanaan undang-undang dalam penyiasatan jenayah terhadap individu dan jenayah terhadap harta benda melalui pemeriksaan profil DNA bahan bukti yang dihantar dan contoh DNA daripada pihak yang disyaki. Penganalisan profil DNA juga dijalankan bagi membantu dalam kes-kes 'paternity' dan mengenal pasti mangsa bencana alam dan sebagainya.

Sementara Makmal Pemeriksaan Dokumen pula berperanan membantu membuktikan atau

sebaliknya, ketulenan atau keaslian sesuatu dokumen dengan cara mencari tanda-tanda bukti penipuan/pemalsuan dan mengenal pasti sumber-sumber berkenaan.

Keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia membuktikan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap pelaksanaan tugas dan tanggungjawab kementerian berkenaan yang berperanan memperbaiki taraf kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk negara ini, di samping sebagai pemangkin kepada semua kakitangan kerajaan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih iltizam, dedikasi dan efisien.

Lawatan itu juga adalah kesinambungan dan dukungan berterusan kepada usaha-usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan agensi-agensi kerajaan akan sentiasa peka dan responsif terhadap perkembangan semasa demi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara dalam bersama-sama menaani wawasan negara.

Juga hadir semasa keberangkatan itu ialah Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari.



DULI Yang Teramat Mulia semasa menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Surau Kementerian Kesihatan.



DULI Yang Teramat Mulia melihat lebih dekat antara jenis nyamuk dianalisa di Unit Malaria dan Vektor.



DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan menandatangani buku lawatan (atas).

KETUA Makmal Pemeriksaan Dokumen, Pegawai Sainifik, menyebarkan penerangan mengenai dokumen-dokumen yang dianalisa di Makmal Pemeriksaan Dokumen (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia menyaksikan kemudahan di Makmal Biosafety yang berfungsi memberikan khidmat penganalisan unsur patogen asing dalam bentuk bakteria atau virus berbahaya yang boleh menyebabkan penyakit yang serius atau kematian disebabkan pendedahan kepada udara yang tercemar.

Industri pertanian hadapi banyak cabaran

BERAKAS, 19 Mei. - Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar berpendapat, industri pertanian ketika ini menghadapi banyak cabaran yang perlu ditangani dengan lebih bijak antaranya disebabkan kurangnya minat di kalangan generasi muda dalam bidang pertanian dan kurangnya kawalan untuk bertani, di samping sebilangan penduduk meninggalkan kawasan pedalaman.

"Persaingan global yang kini semakin sengit merupakan antara faktor lain mewujudkan perdagangan bebas pertanian dan pelaburan yang tidak dapat dinafikan akan menghasil-

kan kesan mendalam dalam pembangunan pertanian," katanya.

Beliau berucap demikian di Majlis Perasmian Persidangan Pelbagai Fungsi Pertanian berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Tambahnya, industri pertanian adalah antara industri tertua bukan sahaja membekalkan sumber makanan dan serat bagi keperluan manusia tetapi juga memainkan peranan dalam bidang sosial, ekonomi dan arkeologi sesebuah negara.

Awang Haji Mohd. Hamid turut menekankan mengenai perlunya usaha memperbaiki tahap produktiviti pertanian secara berterusan dan sumber-sumber digunakan secara

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn
dan Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre
Haji Abdullah

berhemah bagi memelihara alam sekitar.

Menurut beliau, persidangan hari itu akan membantu meningkatkan kesedaran awam mengenai pentingnya pertanian dan peranan pelbagai fungsi dalam masyarakat di mana hasil persidangan akan memutuskan satu persepahaman yang baik dalam hal pertanian kerana secara tidak langsung akan membantu kita memajukan dan menyeimbangkan ekonomi yang berdaya tahan.

Sementara itu, Pengarah Pertanian, Dr. Haji

Mohammad Yusoff bin Haji Mohiddin dalam ucapan alu-aluannya berkata, sektor pertanian di negara ini mencatatkan tahap pengeluaran membayangkan pada tahun lalu dengan penghasilan sebanyak 106 juta biji telur ayam, lebih 18,000 tan metrik daging ayam, 11,000 tan metrik sayur dan kira-kira 5,000 tan metrik buah-buahan.

Pengarah Pertanian juga menjelaskan, pengeluaran pertanian di negara ini telah berupaya memanfaatkan tahap jaminan makanan negara walaupun negara masih mengimport sebahagian lagi makanan dari negara luar.

Tujuan utama persidangan itu ialah untuk memupuk kesedaran di kalangan penggubal dasar, perancang, pegawai kerajaan dan orang awam mengenai peranan penting pertanian dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar.

Persidangan bertema 'Menjana Keharmonian Sosioekonomi, Budaya dan Arkeologi' mengundang penceramah tempatan, ASEAN dan Jepun yang masing-masing membentangkan kertas kerja teknikal.

Persidangan sehari di Pusat Persidangan Antarabangsa turut menyaksikan pelancaran sebuah buku bertajuk 'Empowering People To Develop The Agro-Economy of Brunei Darussalam' yang mengandungi maklumat penting mengenai pembangunan pertanian dan ekonomi pertanian di negara ini.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar ketika melancarkan buku bertajuk 'Empowering People To Develop The Agro-Economy of Brunei Darussalam' seurus merasmikan Persidangan Pelbagai Fungsi Pertanian. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

327 peserta ikuti Persidangan Pelbagai Fungsi Pertanian

BERAKAS, 19 Mei. - Seramai 327 peserta mengikuti Persidangan Pelbagai Fungsi Pertanian anjuran Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang berlangsung sehari suntuk di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pertanian, Dr. Haji Mohammad Yusoff bin Haji Mohiddin, diikuti ucapan pembukaan persidangan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar yang seterusnya melancarkan buku bertajuk 'Empowering People To Develop The Agro-Economy of Brunei Darussalam'.

Majlis diteruskan dengan ucapan dasar pegawai Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (MAFF) Jepun, diikuti ucapan dasar Pengarah Pembangunan Sumber Sekretariat ASEAN (Penyelaras Projek Serantau).

Selepas itu, persidangan bermula dengan penyampaian kertas teknikal oleh Presiden Institut Penyelidikan AMITA Bagi Pengkalan Ekonomi, Kyoto, Jepun, Dr. Ryohei Kada bertajuk 'Multifunctionality of Agriculture and Needed Policy Reforms'.

Kemudian diteruskan dengan penyampaian kertas teknikal oleh Pensyarah Universiti Brunei Darussalam, Dr. Janaki Ram Pillarisetti bertajuk 'Multifunctionality of Agriculture

In Brunei Darussalam: Exploring The Issue and Policy Initiatives'.

Kertas teknikal seterusnya disampaikan oleh Pengarah Biro Pengurusan Tanah dan Air, Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Jabatan Pertanian Republik Filipina, Dr. Rogelio N. Concepcion bertajuk 'The Multifunctionality of Paddy Farming and Agriculture In The Philippines'.

Penyampaian kertas teknikal bertajuk 'Environmental and Food Security Functions of Agriculture: Indonesian Country Case Study' disampaikan oleh Pengarah Institut Penyelidikan Tanah Kementerian Pertanian, Republik Indonesia dan diakhiri dengan sesi soal jawab mengenai persidangan tersebut.

Hasil pertanian boleh ditingkatkan dengan penglibatan generasi muda

BERAKAS, 19 Mei. - Industri pertanian di negara ini bukan hanya berperanan sebagai pembekal makanan tetapi juga merangkumi pelbagai aspek lain seperti kebudayaan, sosial, keselamatan makanan dan pembelajaran ekonomi negara.

Sementara itu, eksport hasil pertanian keluar negara juga boleh ditingkatkan dengan penglibatan generasi muda dalam industri tersebut tetapi minat mereka jauh berkurangan mungkin disebabkan kurangnya pendedahan atau mereka masih mengharapkan sumber minyak dan gas sebagai pendapatan negara.

Perkara itu dijelaskan oleh Pegawai Pelajaran Unit Sains dan Pertanian, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Dayang Hajah Jabaidah binti Haji Bungsu ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI dalam Persidangan Pelbagai Fungsi Pertanian berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Menurut Dayang Hajah Jabaidah, persidangan tersebut banyak memberikan manfaat dan kesedaran kepada para peserta supaya mereka lebih giat mengembangkan usaha dalam bidang pertanian.

"Selepas persidangan ini, menjelang tahun 2008 nanti, negara ini akan mengenalkan satu sistem pendidikan yang terbaru di mana jabatan kami merancang akan menyediakan bahan pelajaran berbentuk pertanian untuk digunakan di peringkat rendah dan menengah," jelasnya.

Tambahnya lagi, pembaharuan itu perlu supaya anak-anak tempatan di negara ini akan lebih peka terhadap kepentingan pertanian dan fungsi-fungsinya, bukan sahaja bagi kepentingan negara tetapi juga kegunaan diri mereka sendiri dalam kehidupan seharian.

"Saya rasa di negara ini bidang pertanian mempunyai banyak potensinya dari segi pengeluaran hasil tempatan seperti penanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain lagi," ujarnya.

Bagaimanapun, tambahnya, bukan mudah untuk mempromosikan pertanian memandangkan beberapa perkara yang masih memerlukan pembaikan untuk kemanfaatan kaum tani.

Beliau yang pernah mengajar selama 10 tahun di sebuah sekolah menengah di negara ini dan kini bertugas di Unit Sains dan Pertanian menceritakan pengalamannya mengenai

seorang pelajar yang pernah menanam sayur di sekolah dan membawa balik hasil tanaman yang subur itu lalu ditunjukkan kepada ibu bapanya yang tidak mempercayai bahawa sayur itu adalah hasil dari tanaman anaknya sendiri.

Salah seorang pengusaha, Awang Haji Salim bin Abu, 74 tahun yang mengusahakan tanaman buah-buahan sejak beliau menamatkan perkhidmatan sebagai Penguasa Letak Kereta di Jabatan Bandaran ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI menyifatkan persidangan itu adalah sangat baik dan berharap ia sering diadakan serta dibukakan kepada belia-beliau untuk mereka memulakan perusahaannya.

Ditanya mengenai hasil tanamannya, beliau berkata, dia menjualnya di Pasar Gadong dan Pusat Hortikultur Rimba serta berharap agar hasil tanaman beliau itu dapat dieksport ke luar negara melalui bantuan kerajaan.

"Saya yakin jika bidang pertanian di negara ini dikembangkan maka negara kita akan berpeluang menjadikan industri pertanian sebagai hasil sumber pendapatan kedua negara supaya tidak hanya bergantung kepada penghasilan minyak dan gas," tegasnya.



PARA peserta Persidangan Pelbagai Fungsi Pertanian anjuran Kementerian Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

ARENA SUKAN



TIMBALAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah menyaksikan Majlis Penandatanganan Pengijuan Kejohanan Golf Profesional 'Brunei Open 2005' antara Bahagian Kemajuan Pelancongan KPSSU dari Asian Tours. - Gambar oleh Ramli Tengah.

BAFA dapat tawaran laksana Projek Goal FIFA

GADONG, 2 Jun. - Persatuan Bolasepak Negara Brunei Darussalam (BAFA) mendapat tawaran bagi melaksanakan Projek Goal FIFA yang bernilai US\$400 ribu selepas tertarik melihat usaha persatuan itu dalam memaju dan memperkembangkan sukan bola sepak di negara ini dan ke peringkat yang lebih tinggi.

Projek Goal FIFA merupakan di antara projek pembangunan sukan ditawarkan kepada negara-negara ahli yang memenuhi syarat bagi menyediakan sebuah ibu pejabat dan pusat latihan yang lengkap untuk persatuan negara yang ditawarkan.

"Tapak tanah ibu pejabat dan pusat latihan itu mestilah dipunyai oleh BAFA sendiri sama ada diperolehi dari pemberian pihak kerajaan atau sumbangan dari pihak-pihak tertentu," jelas Pegawai Pembangunan FIFA, Datuk Paul Mony Samuel dalam sidang akhbar sempena lawatannya bagi melihat perkembangan tawaran yang diberikan di sini.

Katanya, BAFA telah

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

ditawarkan untuk mendapatkan projek dua fasa berkenaan pada awal tahun ini dan diharap peluang itu dapat diambil sepenuhnya memandangkan kepentingan dan kriteria pemberian telah mencukupi syarat.

"Jika BAFA memperoleh tapak tanahnya sendiri dan bersetuju dengan tawaran itu," katanya, FIFA yang akan mengeluarkan kos pembinaan projek tetapi sentiasa memantau mengenai perkembangan projek, di samping akan memastikan pihak BAFA menggunakan bangunan tersebut dengan efektif serta menunjukkan pembangunan dari segi pentadbiran mereka.

"Jika persatuan gagal dan tidak menunjukkan sebarang perkembangan seperti yang diinginkan FIFA, Projek Goal fasa kedua iaitu mengadakan Pusat Latihan yang lengkap dengan kemudahan akan dibatalkan," jelasnya.

Sementara itu, Negara Brunei Darussalam juga akan diberi penghormatan untuk mengendalikan kejohanan Kelab Juara ASEAN yang diadakan pada penghujung bulan Julai ini.

Datuk Paul yang juga



PEGAWAI Pembangunan FIFA, Datuk Paul Mony Samuel menjelaskan Projek Goal FIFA yang ditawarkan kepada BAFA di sidang akhbar. - Gambar oleh Samle Haji Jait.

selaku Setiausaha Kehormat Persekutuan Bola-sepak ASEAN (AFF) menjelaskan sebanyak lapan pasukan yang menjuarai liga di negara-negara ASEAN sudah melayakkan diri untuk menyertai pertandingan itu nanti.

"Pengendalian kejohanan itu merupakan satu lagi penghormatan kepada negara ini selepas kita melihat kemudahan perlawanan dan penginapan bagi menganjurkan kejohanan itu sudah tersedia di

sini," jelasnya.

Hadir pada sidang akhbar ialah Setiausaha Agung BAFA, Pengiran Haji Matussin bin Pengiran Haji Matassan yang juga menerangkan mengenai penubuhan dan perkembangan liga bola sepak tempatan B-League yang sedang rancak berlangsung di negara ini.



PEMANGKU Ketua Pos Agung, Awang Manan mengetuai senaman memanaskan badan sebelum walkaton bermula di Bukit Shahbandar. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Kejohanan Golf Profesional 'BRUNEI OPEN 2005'

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

Hotel and Country Club di sini.

Pengarah Bahagian Kemajuan Pelancongan, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamed menandatangani bagi pihak Bahagian Kemajuan Pelancongan, sementara Asian Tours diwakili oleh Ketua Eksekutif Asian Tours, Louis Martin.

Hadir menyaksikan majlis penandatanganan itu ialah Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab.

Pada majlis berkenaan, Sheikh Jamaluddin menaruh keyakinan kejohanan itu akan memberi faedah dalam memajukan sukan berkenaan di negara ini, di samping membantu mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan bagi permainan golf.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Asian Tours,

Louis Martin menjelaskan pihaknya akan terus memberi komitmen dan bekerjasama serta memastikan kejohanan julung kali itu akan dilaksanakan dengan jayanya.

"Salah satu cita-cita kami yang besar ialah untuk melihat kejohanan ini menjadi satu kejohanan kebangsaan yang berprestij di Asia dan akan terus dimajukan sebagai kejohanan yang memberi kebanggaan bagi negara ini," jelasnya.

Kira-kira 140 pemain golf terbaik Asia akan beraksi menghabiskan 18 lubang termasuk Thaworn Wirachant peserta dari Thailand yang kini berada di tangga teratas dalam kejohanan kalendar Asian Tour.

Kejohanan Asian Tour 2005, Terbuka Maekyung diadakan pada bulan Mei lalu di Nam Seoul Country Club, Seoul, Korea Selatan telah dimenangi oleh pemain veteran tuan rumah, Choi Sang-Ho.

Walkaton Kesihatan Perkhidmatan Pos 2005

Oleh Noor Khadijah Tengah

JERUDONG, 29 Mei. - Jabatan Perkhidmatan Pos dari keempat-empat daerah telah mengadakan Walkaton Kesihatan Pos 2005 yang berlangsung di Taman Rekreasi Hutan, Bukit Shahbandar.

Aktiviti itu adalah

salah satu projek tahunan dari jabatan tersebut dan bertujuan untuk mengamalkan cara hidup yang sihat di antara kakitangan

dan pegawai-pegawai yang berkhidmat di jabatan tersebut selain itu dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim bersama kakitangan dan pegawai yang berkhidmat di keempat-empat daerah.

Pemangku Ketua Pos Agung, Awang Manan bin Haji Lakim hadir sebagai tetamu kehormat turut menyertai acara Walkaton Kesihatan Pos 2005 tersebut.

Acara walkaton itu dimulakan dengan aktiviti senaman aerobik selama 30 minit, selepas itu disusuli aktiviti mendaki Bukit Shahbandar.

Cabutan nama bertuah juga diadakan di akhir acara dan telah dimenangi oleh Dayangku Jalia binti Pengiran Haji Tajuddin, Posnita Daerah Belait yang telah mendapat hadiah satu set telefon bimbit model Nokia.

Cawangan 'D' juara bola sepak

PASUKAN Cawangan 'D' yang terdiri dari pegawai-pegawai polis menjuarai perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak Antara Cawangan Pasukan Polis Diraja Brunei dengan (PDB) mengalahkan Cawangan 'B' dengan jaringan 5 - 4 menerusi sepakan penalti.

Perlawanan akhir kejohanan itu diadakan petang 30 Mei lalu di Stadium Hassanal Bolkiah Gadong

dengan dihadiri oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin bin Jailani.

Menduduki tempat ketiga ialah Cawangan 'A' setelah mengeneipkan Cawangan E dengan jaringan 4 - 0 dalam perlawanan terda-

hulu di tempat yang sama.

Kejohanan yang bermula sejak awal tahun ini dianjurkan oleh Badan Sukan dan Kebajikan PDB yang bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan pegawai-pegawai selain menggalakkan mereka menceburi bidang sukan.

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

DPMM lawat Klinik Pakar dan Hospital RIPAS

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 4 Jun. - Duli Yang
Teramat Mulia Paduka
Seri Pengiran Muda Ma-
hkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah,
Menteri Kanan di Jabatan
Perdana Menteri berkenan
berangkat mengadakan
lawatan kerja ke Hospital
Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha (RIPAS).

Keberangkatan tiba
Duli Yang Teramat Mulia
di blok bangunan Klinik
Pakar Hospital RIPAS di-
junjung oleh Menteri Ke-
sihatan, Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Indera
Pahlawan Dato Paduka
Haji Awang Suyoi bin Ha-
ji Osman; Timbalan Men-
teri Kesihatan, Yang Ber-
hormat Pehin Orang Kaya
Pekerna Laila Diraja
Dato Paduka Haji Awang
Hazair bin Haji Abdullah;
Setiausaha Tetap Kement-
erian Kesihatan, Awang
Serbini bin Haji Ali dan
Ketua Pengarah Perkhid-
matan Kesihatan serta
pegawai-pegawai kanan
Hospital RIPAS.

Lawatan Duli Yang
Teramat Mulia bermula di
blok bangunan Klinik
Pakar. Blok bangunan
Klinik Pakar menempa-
kan Bahagian 'Oral Ma-
xillofacial' yang di-
tubuhkan sebagai jabatan
pembedahan berasingan
pada tahun 1993. Jabatan
tersebut memberikan pen-
jagaan komprehensif ter-
hadap wajah dan struktur-
struktur berkaitan dengan
bahagian kepala dan leher
dari keempat-empat dae-
rah.

Seterusnya Duli Yang
Teramat Mulia berangkat
melawat ke Unit Pemul-
ihan Pertuturan dan
Bahasa yang menyedia-
kan perkhidmatan pemul-
ihan bahasa secara efektif
kepada orang ramai de-
ngan membantu mereka
mengurus dan mengun-
gkan masalah berko-
munikasi.

Dari Klinik Pakar Duli
Yang Teramat Mulia
berangkat meninjau kea-
daan bekas bangunan
rumah pangsa kakitangan
Hospital RIPAS dan ba-
ngunan asrama jururawat
sebagai susulan dari sabda
keprihatinan Duli Yang
Teramat Mulia pada hari
pertama lawatan ke
Kementerian Kesihatan.

Kemudian Duli Yang
Teramat Mulia menerus-
kan lawatan ke blok ba-
ngunan Pesakit Luar
Hospital RIPAS dengan
mengunjungi Unit Dis-
pensari yang berperanan
bagi pembekalan ubat-
obatan kepada para pe-
sakit.

Selepas itu Duli Yang
Teramat Mulia berangkat
melawat Bahagian Kar-
diologi dengan melihat
secara dekat kemudahan-
kemudahan perubatan
yang terdapat di bahagian
berkenaan khusus bagi
para pesakit jantung.

Selain itu, Duli Yang
Teramat Mulia juga di-
junjung berangkat di Ba-
hagian-bahagian Endokri-
nologi yang antara lain
menyediakan perkhidmatan-
perkhidmatan perubatan

Liputan Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

an bagi pesakit diabetes,
di samping melawat Klin-
ik Podiatri dan Klinik
Dietetik.

Juga dikunjungi oleh
Duli Yang Teramat Mulia
ialah Bahagian Rekod-re-
kod Perubatan dan Ja-
batan Kemalangan dan
Kecemasan bagi meninjau
peranan dan fungsi baha-
gian-bahagian tersebut.

Kemudian Duli Yang
Teramat Mulia berangkat
ke Bilik Kuliah bagi men-
dengar taklimat mengenai
perkhidmatan yang di-
sembahkan oleh Ketua
Pengarah Perkhidmatan
Perubatan, Dr. Haji Affen-
dy yang menyentuh me-
ngenai Misi, Wawasan
dan Carta Organisasi
Perkhidmatan Perubatan.

Di samping taklimat
perkhidmatan perubatan,
Duli Yang Teramat Mulia
juga mendengar taklimat
mengenai struktur Hos-
pital RIPAS oleh Ketua
Pegawai Eksekutif, Pg.
Hashim bin Pg. Haji Besar
serta menyaksikan video
conference yang mena-
yakan pembedahan yang
berlangsung di bilik
bedah ketika itu.

Di akhir sembah takli-
mat, Duli Yang Teramat
Mulia menyabdakan ke-
prihatinan mengenai skim
penghantaran penuntut-
penuntut yang mengambil
kursus perubatan di luar
negara dan kerjasama di
antara pihak Kementerian
Kesihatan dan Jerudong
Park Medical Centre
(JPMC).

Duli Yang Teramat
Mulia kemudiannya di-
sembahkan penerangan
mengenai usaha-usaha
yang dikendalikan pada
masa ini serta peranca-
ngan mengemaskinikan
dan peningkatan keupa-
yaan pegawai-pegawai
dan pakar perubatan.

Sejurus selepas itu
Duli Yang Teramat Mulia
berangkat ke Bahagian
Bilik Bedah untuk melihat
secara dekat keadaan sek-
itar bahagian bedah serta
kemudahan-kemudahan
yang digunakan bagi tuju-
an operasinya. Semasa di
bahagian itu juga Duli
Yang Teramat Mulia telah
menyaksikan satu kes
pembedahan yang dijal-
kan pada masa itu.

Keberangkatan Duli
Yang Teramat Mulia
selanjutnya ialah ke wad
pilihan, Wad 6 berdasar-
kan kepada kualiti per-
khidmatan dan kebersihan
sekitar wad serta etika
kerja setiap pekerja yang
bertugas di wad tersebut.

Duli Yang Teramat
Mulia kemudian berang-
kat ke Unit Komiti Pena-
sihat dan Latihan Pasca-
Ijazah dan Perpustakaan
Perubatan. Hospital RI-
PAS juga merupakan
institusi latihan utama di
negara ini bagi para dok-
tor, jururawat perubatan,
para pelajar kejururawat-
an dengan kerjasama
Institut Perubatan Univer-
siti Brunei Darussalam,

Fakulti Perubatan Univer-
siti Queensland dan Mak-
tab Jururawat Pengiran
Anak Puteri Hajah Rashi-
dah Sa'adatul Bolkiyah.

Sebelum meneruskan
keberangkatan lawatan
Duli Yang Teramat Mulia
menunaikan Sembahyang
Fardu Zuhur Berjemaah di
Surau Hospital RIPAS dan
berangkat santap tengah
hari di sebuah hotel di ibu
negara.

DULI Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah, Menteri
Kanan di Jabatan Perdana
Menteri ketika berangkat ke
Bahagian 'Oral Maxillofacial'
di blok bangunan Klinik
Pakar Hospital RIPAS. -
Gambar oleh Harun Haji
Rashid.



DPMM melawat Pusat Kesihatan Berakas

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
dan Noor Khadijah Tengah

BERAKAS, 4 Jun. - Duli
Yang Teramat Mulia Pa-
duka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah,
Menteri Kanan di Jabatan
Perdana Menteri berkenan
berangkat mengadakan
lawatan kerja ke Pusat
Kesihatan Berakas dan Pu-
sat Kesihatan Berakas 'A'
di sebelah petang.

Keberangkatan tiba
Duli Yang Teramat Mulia
bermula ke Pusat Kesih-
atan Berakas dengan di-
junjung oleh Ketua Pengarah
Perkhidmatan Kesihatan,
Datin Paduka Dr. Hajah
Intan binti Haji Salleh.

Lawatan di pusat itu
bermula dengan sesi sem-
bah taklimat mengenai per-
khidmatan kesihatan yang
disembahkan oleh Ketua
Pengarah Perkhidmatan
Kesihatan. Pada sesi akhir
sembah taklimat, Duli
Yang Teramat Mulia me-
nyabdakan mengenai ker-
jasama di antara pihak Ke-
menterian Kesihatan dan
Kementerian Pendidikan
dalam memastikan kese-
lamatan makanan bagi
penuntut-penuntut di seko-
lah-sekolah.

Duli Yang Teramat Mu-
lia kemudian disembahkan
penerangan mengenai usa-
ha-usaha yang diambil da-
lam menangani perkara
tersebut.

Pusat tersebut juga me-
nempatkan Bahagian Ku-
liti dan Keselamatan Ma-
kanan yang berperanan
mengawal dan membuat
pemantauan terhadap pe-
nyediaan makanan untuk
orang ramai di kedai-kedai,
restoran-restoran atau di
tempat-tempat makan
awam.

Selain daripada itu,
Duli Yang Teramat Mulia
juga berangkat melawat
Bahagian Pemeriksaan Da-
rah bagi pekerja-pekerja
asing di negara ini di mana
Duli Yang Teramat Mulia
berkenan menyaksikan pa-
meran mengenai peranan
dan fungsi bahagian ter-
sebut sambil disembahkan
penerangan ringkas me-
ngenai kegiatan-kegiatan

yang dilaksanakan sejauh
ini.

Keberangkatan lawatan
selanjutnya ialah ke Pusat
Kesihatan Berakas 'A' di
mana Duli Yang Teramat
Mulia dijunjung melawat
Bahagian Kesihatan Ibu-
ibu, Kanak-kanak dan
Pesakit Luar.

Semasa di pusat terse-
but juga Duli Yang Teramat
Mulia berkenan menyem-
purnakan pelancaran
'Klinik Berhenti Mero-
kok'. Penubuhan klinik ter-
sebut adalah sebagai lang-
kah pihak Kementerian
Kesihatan dalam usaha me-
ngawal penggunaan tem-
bakau di negara ini.

Klinik tersebut mem-
berikan perkhidmatan ka-
unseling dan rawatan kepa-
da mereka yang berazam
untuk berhenti merokok.

Keberangkatan Duli
Yang Teramat Mulia ad-
alah berpunca dari kepri-
hatinan terhadap tugas dan
tanggungjawab Kement-
erian Kesihatan dalam
memberikan perkhidmatan
kesihatan serta perubatan
yang teratur dan bermutu
tinggi kepada seluruh rak-
yat dan penduduk di negara
ini.

Di samping itu lawatan
berkenaan adalah menjadi
pemangkin kepada semua
profesional dan kakitangan
penjagaan kesihatan kera-
jaan untuk menjalankan
tugas dan tanggungjawab
masing-masing dengan le-
bih profesionalisme, pri-
hatin, iltizam, dedikasi dan
efisien.

Lawatan kerja berke-
naan adalah kesinambu-
ngan berterusan kepada
usaha-usaha Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam dalam
memastikan agensi-agensi
berkenaan akan sentiasa
peka dan responsif terha-
dap perkembangan semasa
demikian memastikan kea-
manan, kemakmuran dan
kesejahteraan negara da-
lam sama-sama menangani
wawasan negara.



SEMASA berangkat di Pusat Kesihatan Berakas 'A' Duli Yang Teramat Mulia telah berangkat menyaksikan pameran mengenai merokok. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Berkenan menerima mengadap

Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 2 Jun. - Duli Yang
Teramat Mulia Paduka
Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'iz-
zaddin Waddaulah, Men-
teri Kanan di Jabatan
Perdana Menteri hari ini
berkenan menerima meng-
adap Pesuruhjaya Ting-
gi British ke Negara
Brunei Darussalam yang

baru, Tuan Yang Terutama
John Saville yang berlan-
gung di Istana Nurul Iman.

Turut hadir di majlis itu
ialah Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri,
Pengiran Dato Paduka Haji
Abu Bakar bin Pengiran
Seri Indera Pengiran Haji
Ismail.

Tuan Yang Terutama

telah menyebarkan Su-
rat Tauliah Perlantikan ke
hadapan majlis Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sul-
tan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei
Darussalam pada hari
Khamis, 26 Mei 2005.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam yang baru, Tuan Yang Terutama John Saville. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.

Lawatan DPMM ke beberapa buah balai polis



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektor Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar ramai bersama anggota-anggota polis Daerah Polis Brunei di Bandar Seri Begawan.



Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah,
Halim Haji Sulaiman dan
Abdullah Haji Awang Damit

DULI Yang Teramat Mulia Menunai-kan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah di Masjid Kampong Perpindahan Lambak Kanan (atas). Sementara gambar bawah, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran mengenai Pos Kejiranan Polis Kampong Perpindahan Lambak Kanan.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima sumbangan untuk Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim yang disebarkan oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis (atas). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan peralatan bagi mengesan bahan-bahan letupan dan keselamatan.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran aktiviti harian di Ibu Pejabat Daerah Polis Brunei di ibu negara (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia disebarkan penerangan ringkas mengenai kenderaan yang diubah suai dan menyalahi undang-undang lalu lintas.

DULI Yang Teramat Mulia berkenan meninjau pameran dan aktiviti harian yang dikendalikan di Balai Polis Berakas (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia ketika melintasi peralatan keselamatan yang digunakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dalam memastikan keselamatan para penumpang pesawat udara.



ARENA SUKAN



PENOLONG Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Azmain bin Haji Momin menyampai hadiah kepada Pasukan Brusa 'A' yang muncul juara di Perlawanan Akhir Sepak Takraw Antara Regu sempena Hari Kebangsaan 2005. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Brusa 'A' menundukkan Kelisa Limbang 'A' 2 - 0

PASUKAN Brusa 'A' dengan mudah menundukkan Pasukan Kelisa Limbang 'A' pada Perlawanan Akhir Sepak Takraw Antara Regu sempena Hari Kebangsaan 2005 anjuran Majlis Perundingan Kampung Kawasan 5 Perpindahan Lambak Kanan.

Walaupun permainan pada awal set pertama agak seimbang namun kelebihan 'killer' Brusa 'A' memberi semangat kepada pasukan itu mematikan hantaran sambil mengutip mata demi mata.

Akan tetapi 'killer' Kelisa Limbang 'A' tidak tinggal diam dengan membuat beberapa kali libasan bagi mengutip mata untuk menyaingi pihak lawan namun kerana beberapa kesilapan yang sering dilakukan akhirnya mereka kalah juga di set pertama.

Permainan set lain terus berpihak kepada Brusa 'A' tetapi Kelisa Limbang 'A' sekali sekala mencuri mata dengan kegagalan tekong

Brusa 'A' memasukkan bola tetapi nasib terus menyebelahi Brusa 'A' dengan permainan dan 'killer' yang terus menjadi dan memenangi set kedua berkesudahan 2 - 0.

Hadir menyaksikan perlawanan akhir dan selaku tamu kehormat ialah Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Azmain bin Haji Momin yang seterusnya menyampaikan hadiah.



AKSI Perlawanan Akhir Sepak Takraw Antara Regu sempena Hari Kebangsaan 2005 antara Pasukan Brusa 'A' dan Pasukan Kelisa Limbang 'A'. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Pesilat Pencak Silat Sukma RBA juara

BERAKAS, 29 Mei. - Persilatan Pencak Silat Sukma RBA muncul juara Pertandingan Mini Festival Pencak Silat Sempena 30 Tahun Penubuhan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) 2005 di Kelab Rekreasi Diraja Brunei.

Seramai 60 peserta dari sembilan pasukan dari Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait menyertai pertandingan yang dibukakan kepada kanak-kanak di bawah umur 14 tahun yang bertanding

dalam tiga kategori iaitu persembahan solo, persembahan solo bersenjata dan persembahan berkumpulan.

Dalam kategori berkumpulan, Persilatan Pencak Silat Sukma RBA yang mengumpul 701 mata tampil johan dengan Kelab Silat Sekolah Sukan menduduki tempat kedua selepas mengumpul 638 mata dan Kelab Silat

Sekolah PDS di tempat ketiga.

Persilatan Pencak Silat Sukma RBA terus cemerlang apabila Husnati binti Haji Hassan memenangi kategori persembahan solo terbaik, sementara Md. Hazuan bin Haji Hassan yang mewakili Kelab Silat Sekolah PDS memenangi kategori Persembahan Solo Bersenjata.

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

Kejohanan Sukan Arafura 2005: PRESTASI KONTINJEN NEGARA BAIK DAN MENINGKAT

KEJOHANAN Sukan Arafura 2005 berakhir dengan acara sukan lumba basikal kriteria yang disusuli dengan majlis penutup yang berlangsung dengan Majlis Resepsi para pegawai dan atlet dalam suasana meriah.

Kejohanan ditutup rasmi oleh Menteri Sukan dan Rekreasi, John Ah Kit MLA dengan meletakkan pasukan Australia sebagai pemungut pingat yang terbanyak di kejohanan dua tahun sekali ini.

Prestasi kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Kejohanan Sukan Arafura 2005 pada keseluruhannya adalah sangat baik dan meningkat jika dibandingkan dengan penyertaan-penyertaan sebelumnya sejak yang pertama bermula tahun 1991.

Kutipan pingat emas pada tahun ini adalah yang terbanyak di mana kutipan terdahulu hanya tercatat pada penyertaan tahun 1995 iaitu dengan tujuh pingat emas.

Ada beberapa perkara kepada peningkatan kutipan pingat emas pada tahun ini terjadi di mana antaranya ada beberapa pasukan acara sukan telah menunjukkan prestasi yang meningkat hasil daripada latihan yang berterusan.

Sebagai contoh menerusi acara menembak bagi kategori skeet lelaki di mana telah mencapai prestasi terbaik walaupun baru pertama kali mengikuti kejohanan antarabangsa namun mereka telah menunjukkan pencapaian terbaik di sebalik baru mengikuti latihan sepenuh masa dalam setahun.

Kemampuan mereka kini ialah mereka mampu bersaing dengan penembak yang lebih berpengalaman contohnya penembak-penembak dari

Australia ini.

10 Pin Bowling mempunyai semangat yang baik di samping mempunyai pasukan yang kuat juga dalam kebolehan mereka dalam membuat jatuhkan pin yang terbanyak yang mana menyamai mutu permainan di Sukan SEA.

Mudah-mudahan pemain-pemain 10 Pin Bowling ini khususnya pemain muda akan terus meningkatkan kebolehan mereka untuk bertanding di perlawanan yang lain dalam mencetuskan peluang-peluang bagi negara.

Manakala acara lumba perahu di kejohanan ini telah mempamerkan kewibawaan mereka bukan saja menang bertanding malah mendapat pujian melalui pihak penganjur bukan saja kerana pasukan yang kuat tetapi tahap disiplin yang tinggi.

Dengan meneruskan latihan yang bersistematik dijangka pasukan ini akan berkecualan bagi membawa cabaran di masa akan datang khususnya Sukan SEA di Republik Filipina.

Dalam acara olahraga,

ANALISIS OLEH
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

beberapa pencapaian yang menggalakkan telah dicapai seperti menerusi acara lompat kijang dan semi maraton yang sememangnya memerlukan latihan yang berterusan.

Sementara acara golf telah menunjukkan kualiti permainan yang sangat baik apabila mampu menandingi pemain dari Australia, di samping bersaing dengan pemain kebangsaan mereka.

Pemain seperti Mohd. Faiz yang mengutip dua pingat emas dan beberapa pemain yang lain haruslah dikekalkan dengan asuhan dan latihan yang berterusan di mana mereka ini nescaya mempunyai peluang yang cerah di kemudian hari.

Menyentuh mengenai kualiti penghakiman di kejohanan ini ada beberapa acara tidak mempunyai hakim atau sukarelawan dan ini telah disuarakan oleh perwakilan negara semasa mesyuarat Chief de Mission dan pihak penganjur telah

mengambil catatan dan mengucapkan terima kasih.

Dengan teguran-teguran tersebut, pihak pengajur akan cuba memperbaiki kelemahan di pihak mereka khususnya dari segi teknikal.

Selain itu, pasukan-pasukan yang mengutip pingat perak dan gangsa bagi kontinjen negara juga telah menunjukkan prestasi yang baik dan dengan cara begini telah menunjukkan jawatankuasa pemilihan atlet kebangsaan yang dibentuk di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menunjukkan keberhasilannya dalam membuat penilaian.

Dengan penilaian tersebut menyatakan bahawa pemilihan untuk menyertai kontinjen negara bukan hanya sekadar untuk memperoleh pengalaman semata tetapi adalah pingat sebagai ganjarannya.

CATATAN KUTIPAN PINGAT DI KEJOHANAN SUKAN ARAFURA 2005

PINGAT	EMAS	PERAK	GANGSA
Olahraga	2	2	2
Badminton			4
Lumba Basikal			2
Lumba Perahu Naga	2	1	
Golf	3		4
Hoki			
Lawn Bowl			
Sepak Takraw			2
Menembak	4	4	3
Taekwando	1		1
Tennis			3
10 Pin Bowling	2	5	3
Renang			3
Jumlah	14	13	27



PEMANGKU Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Pengiran Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Jeludin diperkenalkan kepada para pasukan yang menyertai Pertandingan Mini Festival Pencak Silat Sempena 30 tahun Penubuhan RBA. - Gambar oleh Ramli Tengah.

ARENA SUKAN

QAF FC catat kemenangan terbesar, DPMM FC temui sentuhan

SKUAD DPMM FC berjaya memperolehi sentuhan yang didamkan jurulatihnya Gharam Paddon untuk kembali menjadi pasukan di-geroni dengan menampakan pasukan NBT FC pada persaingan Perdana I yang sudah memasuki minggu ketiga pada 1 Jun lalu.

DPMM FC yang dikejutkan oleh pasukan AH United kembali tampil dengan rentak tari persembahan yang mantap dan sering menguasai di bahagian tengah yang dihidupkan Peter Gary untuk menggerakkan serangan yang sering mengancam ke kubu lawan.

Aksi kebangkitan DPMM FC di Kompleks Sukan Berakas ditayangkan sejak awal minit perlawanan, mujur kecekapan penjaga gol NBT FC, Abi Yasid Yusof bertindak cemerlang mengawal gawangnya dari dibocori.

Namun, kehebatan Abi Yasid luntur juga selepas DPMM FC dihidupkan se-pakan penalti yang disudahkan dengan sempurna oleh Goran Vusanovic setelah pemain pertahanan NBT merempuh keras penyerang lawan dalam kotak penalti di minit ke-11.

NBT FC yang menjuarai Perdana II musim lepas cuba bangkit untuk memberi persaingan sehingga peluang emas mereka hadir dengan kejayaan Mustafa Saibu menewaskan penjaga gol DPMM FC tetapi tolakan pemain import itu tidak cukup keras kesasaran apabila sempat ditepis keluar oleh pertahanan DPMM FC di minit ke-30.

Ketika NBT FC terus berusaha mencari ruang untuk melosoti benteng pertahanan lawan, tiba-tiba gawang mereka pula di-gegarakan dengan jaringan pemain import DPMM FC, Rene Komar yang melepaskan tandukan berjaya hasil hantaran lintang di minit ke-44.

NBT yang berjaya menampakan pasukan Jerudong FC minggu lalu mahu menyamakan aksi baik itu di babak kedua tetapi tekad mereka disekat lagi dengan jaringan Rene Komar yang melepaskan tandukan berjaya hasil hantaran lintang di minit ke-53.

Sembilan minit selepas itu, DPMM FC terus lega apabila Goran Vusanovic sekali lagi berjaya menyumbat gol di minit ke-61 dan Peter Gary yang menjadi nadi utama pertemuan penting pasukan itu berpuas hati menjadi penjaring kelima sekiranya diperolehi di minit akhir perlawanan.

Ketika DPMM FC berjaya memperolehi kembali sentuhan kemenangan, QAF FC pula tidak mengalah dengan mencatat kemenangan terbesar Perdana I setelah membelasah pasukan Bandaran KB 9 - 4.

Kemenangan itu lebih

mencerikan jurulatihnya, Ali Mustafa yang berusaha gigih memastikan peningkatan lebih jauh pasukan tersebut pada persaingan musim kali ini.

Malah Ali sudah mula dengan tersenyum lebar apabila melihat sentuhan 'menjadi' penyerang-penyerangnya termasuk pemain importnya, Viban Francis Bayong yang berjaya memperolehi empat gol, dua jaringan di jaringan Riwardi Haji Wahid dan masing-masing satu jaringan disumbangkan oleh pemain kembar, Hardi Bujang dan Mardi Bujang sambil Ak. Mohd. Kamarul turut memberi kepuasan pasukan QAF FC.

Pada pertemuan itu, dalam tempoh seminit saja QAF FC sudah mula mendapatkan keyakinan apabila Viban Francis Bayong menggarakan gawang Bandaran KB dan Riwardi Haji Wahid menjadi penjaring kedua di minit ke-7 sebelum Viban sekali lagi mendapat sentuhan jaringan ke tiga di minit ke-27.

Sekalipun Md. Harits berjaya mendekatkan jurang gol di minit ke-32 untuk meredakan kegusaran pasukan Bandaran KB, kelegaan mereka cuma bertahan selama dua minit apabila Viban mencipta hat-trick dan Ak. Mohd. Kamarul menambah derita Bandaran KB seminit sebelum babak pertama berakhir.

Aksi longgar posisi tengah KB pertahanan Bandaran memberi ruang kepada QAF FC untuk menggandakan asakan sehingga Hardi Bujang dan Riwardi Bujang menambah koleksi gol untuk QAF FC masing-masing di minit ke-56 dan 66.

Kebangkitan Bandaran KB menerusi jaringan Haji Annuar di minit ke-69 dan Md. Harits di minit ke-72 tidak memadai memberi kelebihan untuk pasukan Daerah Belait itu apabila Viban

kembali rakus dengan jaringan diminit ke-73 sementara Mardi Bujang mengukuhkan kedudukan di minit ke-87 sekalipun Bandaran FC berjaya menambah satu lagi gol diminit akhir untuk melengkapkan jaringan 9 - 4.



AKSI Viban, pemain QAF FC ketika menewaskan penjaga gol Bandaran KB. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Kota Ranger FC tumpas, Kilanas FC kecewa lagi

HAJAT Kilanas FC untuk mencipta kemenangan sulung tidak kesampaian selepas di-halau oleh pasukan Majra FC 5 - 2 sementara pasukan Mulaut FC lega memperolehi kemenangan berganda menumpaskan Kota Ranger FC 2 - 1 pada persaingan Perdana II bagi perlawanan minggu kedua.

Pasukan baru dalam Liga Kebangsaan, Majra FC semakin menjadi perhatian lawan selepas kejayaan mereka mencatat kemenangan kedua sekalipun berdepan dengan pasukan yang sudah menempah nama dalam persaingan bola sepak terbesar di

negara ini.

Jaringan Hendra Azam Md. Idris ke-23 yang disusuli jaringan tiga minit sebelum babak pertama berakhir menerusi Dannie Hendra Md. Idris menjadi penyumbang semangat pemain-pemain Majra FC ketika berdepan dengan pemain Kilanas FC yang terbuka dengan kekalahan 1 - 5 ke atas Kamudi FC.

Bagaimanapun serangan tumpul dan tidak menjadi menghalang segalanya buat Kilanas FC malah gawang mereka dibocori lagi oleh Jefri Matassan di minit ke-50, dua jaringan menerusi Md. Jakren Haji Kalong di minit

ke-61 dan 63.

Sekalipun usaha Kilanas FC untuk mendekati jurang gol berhasil melalui Ak. Azwandy Pg. Othman di minit ke-81 dan Haji Adece Suiharde Haji Muhidin di minit ke-85 gagal memintas kedudukan Majra FC.

Sementara itu, sentuhan Haji Mohd. Jalaludin di minit ke-73 membantu pasukan Mulaut FC menewaskan pasukan Kota Ranger FC 2 - 1. Sebelum itu Mohd. Saiful mencipta jaringan di minit ke-2 untuk Kota Ranger FC tetapi Mulaut FC menyamakan kedudukan di minit ke-26.

PASUKAN-PASUKAN pilihan dalam Perdana I terus mempamerkan kehebatan dan mula menunjukkan belang dengan kejayaan menumpaskan lawan masing-masing, di samping berpesta gol sekali gus menandakan persaingan kejohanan musim 2005/2006 lebih sengit dan menebarkan.

Sebanyak 37 gol keseluruhan telah berjaya dicipta oleh pasukan-pasukan dalam Perdana I pada perlawanan minggu ketiga berbanding 18 gol pada minggu pertama dan 14 jaringan diperolehi pada minggu kedua.

Pasukan QAF FC menjadi pasukan pertama mencipta kemenangan terbesar dalam Perdana I selepas berjaya menundukkan pasukan Bandaran KB 9 - 4.

Sementara itu pasukan yang berjaya menyumbat jaringan 6 gol pada satu perlawanan ialah ketika DPMM FC menumpaskan QAF FC (6 - 0), QAF FC mengalahkan pasukan Kasuka FC (6 - 2), Wijaya FC menewaskan Kasuka FC (6 - 1) dan ABDB membelasah Indera FC (6 - 2).

Kelolaan Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn



Kedudukan Perdana I sehingga 3 Jun 2005

Pasukan	P	M	S	K	J	B	MT
AH United	3	3	0	0	10	2	9
Wijaya FC	3	2	1	0	8	2	7
ABDB	3	2	1	0	7	2	7
DPMM FC	3	2	0	1	11	2	6
QAF FC	3	2	0	1	15	12	6
Jerudong FC	3	1	0	2	4	5	3
NBT FC	3	1	0	2	3	8	3
Indera FC	3	1	0	2	3	8	3
Kasuka FC	3	0	0	3	3	14	0
Bandaran KB	3	0	0	3	5	15	0

Kedudukan Perdana II sehingga 3 Jun 2005

Pasukan	P	M	S	K	J	B	MT
MAJRA FC	2	2	0	0	10	2	6
Sabina FC	2	2	0	0	9	5	6
March Utd	2	2	0	0	9	6	6
Kamudi FC	2	2	0	0	7	2	6
Mulaut FC	2	2	0	0	5	3	6
Lun Bawang	2	1	0	1	7	5	3
IBM Bokok	2	1	0	1	7	6	3
Brunei Shell FT	2	0	1	1	2	3	1
Muara Vella FC	2	0	1	1	4	5	1
Perkasa	2	0	1	1	5	8	1
Sengkunong FC	2	0	1	1	3	6	1
Kota Ranger FC	2	0	0	2	5	8	0
Kilanas FC	2	0	0	2	3	10	0
IB Pandan	2	0	0	2	3	10	0

Penjaring Terbanyak Perdana I sehingga 20 Mei 2005

Penjaring	Kelab	Jumlah
Viban Francis Bayong	QAF FC	6
Suni Mat Jerah	Wijaya FC	4
Goran Vusanovic	DPMM FC	4
Saizan Haji Kula	DPMM FC	3
Marhazif Ahad	Wijaya FC	3
Riwardi Wahit	QAF FC	3

Penjaring Terbanyak Perdana II sehingga 20 Mei 2005

Penjaring	Kelab	Jumlah
Adie Arsham	March United	5
Aminuddin Jumaat	Lun Bawang FC	4
Pengiran Yusoff	Sabina FC	4
Dannie Henra	Majra	3

Keputusan perlawanan Perdana I minggu ke-3

Jerudong FC - 1
AH United - 3

KASUKA FC - 1
WIJAYA FC - 6

INDERA FC - 2
ABDB - 6

NBT FC - 0
DPMM FC - 5

QAF FC - 9
BANDARAN KB - 4

Keputusan perlawanan Perdana II perlawanan tertangguh

Kota Ranger FC - 1
Mulaut FC - 2

Kilanas FC - 2
Majra FC - 5

CEBISAN MENARIK LIGA B

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn



KESEBELASAN pemain utama pasukan QAF FC yang berpesta gol setelah menumpaskan pasukan Bandaran KB. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Tiga aspek untuk dipelopori bersama

MOSCOW, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa dalam kita melihat hal-hal serantau dan antarabangsa, baginda dan Presiden Vladimir V. Putin juga membincangkan perkara lain yang lebih khusus iaitu aspek kerjasama dua hala.

Baginda juga bertitah untuk melihat dan mencari jalan serta mengalu-alukan rakyat dan Persekutuan

Laporan Jaafar Haji Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
dan Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn
dari Moscow, Persekutuan Russia

Russia yang berhasrat untuk turut serta dalam tugas penting dan utama di Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyatakan tiga aspek utama untuk dipelopori bersama dalam kerjasama dua hala berkenaan.

"Perkara tersebut ialah usaha kami untuk mempel-

bagaikan ekonomi kami dari lebih bersandarkan kepada industri minyak dan gas. Dalam hubungan ini, kami melihat dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan," titah baginda.

Baginda ketika bertitah di Majlis 'Joint Press Statement' bersama Presiden Putin di Red Room, Grand Kremlin Palace bertitah

bahawa perkara tersebut adalah usaha Negara Brunei Darussalam untuk mempelbagaikan ekonomi yang mana merupakan perkara terpenting dalam pembangunan negara ketika ini.

Dalam hubungan ini, baginda sangat mengalu-alukan peluang untuk bekerjasama rapat dengan Persekutuan Russia.

Negara Brunei Darussalam yang menjalin hubungan diplomatik dengan Persekutuan Russia pada 1 Oktober 1991 telah pun membuat beberapa hubungan dalam pelbagai bidang termasuk konsultasi

dua hala, ketenteraan, pendidikan dan dalam bidang minyak dan gas.

Dalam bidang perjanjian Pelaburan Bersama (BITS), satu draf perjanjian telah pun dicadangkan dan diadahkan oleh pihak Persekutuan Russia kepada Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam pada 22 Mac 2005 untuk dipertimbangkan.

Dalam bidang kerjasama minyak dan gas pula, Presiden Persekutuan Russia, Presiden Vladimir v.

alukan oleh Negara Brunei Darussalam.

Dalam bidang pelancongan pula, bidang ini masih pada tahap yang minimal. Ini adalah berikutan jumlah pelancong yang kecil dari kedua-dua negara yang saling melawati kedua-dua negara. Setakat ini hanya satu kumpulan seramai 168 orang pelancong Russia yang pernah melancong ke Negara Brunei Darussalam pada bulan Januari 2001.

Baginda sanjung Presiden Russia, hargai pihak akhbar Russia

MOSCOW, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Presiden Persekutuan Russia, Presiden Vladimir V. Putin dan rakyat Russia terhadap persediaan bagi keberangkatan rasmi baginda ke Russia.

Baginda menyatakan penghargaan dan terima kasih baginda ketika bertitah dalam Majlis 'Joint Press Statement' yang diadakan di Red Room, Grand Kremlin Palace di sini. Majlis berlangsung selepas mengadakan 'Bilateral Plenary Meeting' di St. Catherine Hall, Grand Kremlin Palace.

Dalam titah baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga melahirkan sanjungan negara terhadap Presiden Vladimir V. Putin yang pernah datang ke Negara Brunei Darussalam dan juga hubungan yang kukuh antara kedua-dua negara.

"Kita memang sangat menghormati Presiden Putin sejak ia datang dan tinggal di negara kami ketika Sidang Kemuncak APEC. Perkara tersebut telah mengukuhkan lagi hubungan yang telah wujud sejak tahun 90-an, kedua-duanya sama ada dua hala dan juga dengan rakan dalam Asia Tenggara, ASEAN," titah baginda.

Kepada pihak media dan akhbar yang membuat liputan mengenai keberangkatan lawatan rasmi baginda ke Russia, baginda juga melahirkan terima kasih baginda serta penghargaan Negara Brunei Darussalam yang mana menandakan satu jalinan persahabatan.

"Beta juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana berada di sini. Beta maklum bahawa biskita semua

adalah sangat sibuk membuat laporan terhadap hal-hal negara yang besar ini dan beta sangat menghargai terhadap liputan yang telah diberikan terhadap lawatan beta ke negara ini."

Rakyat di Negara Brunei Darussalam, titah baginda juga menghargai perkara ini. Mereka melihat perkara ini sebagai satu tanda yang jelas terhadap persahabatan yang dikongsi bersama oleh negara kami yang kecil dan negara yang besar ini.

Dalam pada itu, baginda juga bertitah melahirkan rasa

gembira dan harapan baginda terhadap perbincangan yang telah diadakan antara baginda dengan Presiden Vladimir V. Putin, di samping melahirkan harapan dan mengalu-alukan pihak media dan akhbar untuk datang ke Negara Brunei Darussalam jika masa terluang.

"Untuk keseluruhannya, beta sangat gembira dengan perbincangan kami pagi ini, sebagaimana juga gembiranya beta untuk berada di sini. Beta mengalu-alukan bagi lebih banyak peluang untuk bekerjasama dengan Presiden Putin dan kerajaan serta rakyatnya.

Beta juga ingin meyakinkan yang mereka akan dialu-alukan apabila mereka datang untuk melawat kami.

Perkara yang sama juga ditunjukkan kepada biskita, tuan-tuan dan puan-puan dari pihak akhbar. Beta mengucapkan terima kasih kerana datang ke sini pada pagi ini dan beta juga ingin mengulangi perkara yang sama kepada biskita. Biskita semua adalah dialu-alukan untuk datang bila-bila masa terluang," titah baginda lagi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri menyaksikan proses penyediaan alat-alat prostesis yang meliputi prosthetic, ceramic dan appliance orthodontic yang dihasilkan di Makmal Pergigian, Pusat Pergigian Negara. - Gambar oleh Pengiran Rafee Pengiran Dato Paduka Haji Metassim.

Lawatan kerja ke sektor penting Kementerian Kesihatan

Liputan Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

BERAKAS, 6 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri hari ini berangkat meneruskan lawatan kerja ke beberapa sektor penting di bawah Kementerian Kesihatan.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia bermula di Pusat Pergigian Negara dijunjung oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman; Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerna Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Serbini bin Haji Ali; Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan; Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan para pegawai kanan kementerian berkenaan.

Sejurus kemudian, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung menyaksikan pameran mengenai peranan dan fungsi Pusat Pergigian Negara yang memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perigian yang disebarkan oleh Dr. Haji Shamsir bin Haji Zainal Abidin, Pakar Bedah Pergigian.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung melawat ke bahagian-bahagian pusat berkenaan yang antara lain menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan, pencegahan, pembedahan dan perkhidmatan perigian di sekolah-sekolah termasuk mengadakan bengkel-bengkel pendidikan untuk murid-murid sekolah mengenai praktik penjagaan gigi yang terbaik. Di samping itu, pusat itu juga dilengkapi makmal perigian yang memberikan perkhidmatan dari aspek teknikal kepada pesakit dengan menyediakan alat-alat prostesis untuk memulihkan fungsi mulut seperti pertuturan, 'esthetic' (kecantikan) dan pengunyahan; dan penyediaan alat-alat prostesis yang dibahagikan kepada tiga jenis iaitu prosthetic (pembuatan gigi palsu), ceramic (rawatan alternatif dalam penggantian gigi yang hilang) dan appliance orthodontic, menyediakan aplians yang digunakan dalam rawatan pembetulan susunan gigi.

Bahagian-bahagian lain yang juga dilawati Duli Yang Teramat Mulia ialah Bilik-bilik Rawatan Pakar bagi Endodontik dan Ortodontik. Di

sepanjang lawatan itu, Duli Yang Teramat Mulia berpeluang meninjau secara dekat kemudahan-kemudahan di bahagian-bahagian yang dilawati bagi tujuan operasi harian bahagian berkenaan, di samping disebarkan penerangan mengenai peranan dan fungsi oleh ketua bahagian masing-masing.

Dari pusat itu, Duli Yang Teramat Mulia meneruskan lawatan ke Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC) di Kiarong. Di sana, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung menyaksikan pameran mengenai peranan, fungsi dan kegiatan pusat berkenaan yang disebarkan oleh Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abdul Hamid, Ketua Komuniti Paediatric dan seterusnya dijunjung berangkat ke Bilik-bilik Jurupulih Anak bagi melihat lebih dekat pelbagai aktiviti dan kelengkapan bantuan bagi melatih kanak-kanak yang mengalami masalah anggota. Bahagian Pekerja Sosial Kesihatan yang berperanan memberikan perkhidmatan kaunseling kepada ibu bapa dan kanak-kanak yang berkeperluan juga dilawati Duli Yang

Teramat Mulia.

Setelah itu, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat melawat ke Klinik Paediatric Kemasyarakatan yang menyediakan dan mengawal selia perkhidmatan-perkhidmatan bagi membantu kanak-kanak yang dirujuk bagi tindakan lanjut dan ke Bilik Kanak-kanak yang menghadapi masalah pendengaran.

Kemudian, Duli Yang Teramat Mulia berangkat pula ke Bilik-bilik Program Perkembangan Awal dan Integrasi Deria bagi melihat secara dekat program-program yang dijalankan secara berjadual bagi membantu perkembangan potensi optima kanak-kanak yang berkeperluan khas dan pelbagai kekurangan keupayaan.

Setelah itu, Duli Yang Teramat Mulia meneruskan lawatan ke Pusat Penajaan Harian Psikiatrik Kemasyarakatan yang terletak berhampiran. Di sana, Duli Yang Teramat Mulia disebarkan penerangan oleh Ketua Jabatan Psikiatrik Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Prof. Dr. Ramli bin Hassan, Pakar Psikiatrik mengenai program-program rehabilitasi yang dijalankan dan kemudian melihat secara dekat aktiviti-aktiviti yang dijalankan di pusat itu yang dihasratkan bagi membimbing para

pesakit untuk berdikari dan mengembalikan keyakinan diri masing-masing. Aktiviti terapi pemulihan cara kerja juga disebarkan.

Duli Yang Teramat Mulia berkesempatan meninjau secara dekat fungsi dan peranan Bahagian Pengeluaran Ubat di bawah Jabatan Perkhidmatan Farmaseutikal dalam penyediaan ubat-ubatan sebelum diagihkan ke pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan seluruh negara.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan berangkat bagi mengakhiri lawatan kerja berkenaan dengan menghadiri Majlis Santap Tengah Hari dan Ramah Mesra bersama lebih 450 orang jururawat tempatan dan para pegawai kanan di sebuah pusat komersil di Gadong yang juga dihadiri oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan. Sebelum itu, Duli Yang Teramat Mulia telah menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di surau pusat komersil berkenaan.

Keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia menunjukkan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap pelaksanaan tugas dan tanggungjawab Kementerian Kesihatan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang teratur dan

bermutu tinggi kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

Di samping itu, lawatan berkenaan adalah menjadi pemangkin kepada semua profesional dan kakitangan dalam bidang perubatan dan kesihatan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh profesionalisme, prihatin, iltizam, dedikasi dan efisien.

Lawatan itu juga adalah kesinambungan dan dukungan berterusan kepada usaha-usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memastikan agensi-agensi perubatan dan kesihatan akan sentiasa lebih responsif terhadap perkembangan semasa demi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara dalam bersama-sama menaani wawasan negara.

Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman juga turut hadir semasa keberangkatan itu.

LAGI gambar-gambar lawatan Duli Yang Teramat Mulia akan dimuatkan keluaran PELITA BRUNEI 15 Jun 2005

مفہیجوکن بندر - فرنیچاغن باکی فلنیت
MENHIJAUKAN BANDAR - PERANCANGAN BAGI PLANET

دربیتکن اوله جیان فرناغن، جیان فردان منتری دان دجیتک اوله جیان فرنیچن کران، جیان فردان منتری، نگارا برونی دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

انبيكا **ANEKA**

BILANGAN 23

RABU 8 JUN 2005

1426 رابو 1 جمادى الأول

PERCUMA

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari & Menyelamat

998

PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN PENTING

Air

140

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

TERDAPAT peribahasa Melayu yang berbunyi 'sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit' yang menasihati kita supaya senantiasa berjimat cermat dan menyimpan sebahagian daripada pendapatan kita walaupun sedikit.

Berjimat cermat merupakan amalan yang penting dalam kehidupan kita dan perlu dibudayakan oleh semua orang kerana amalan ini membawa pelbagai kebaikan. Sememangnya, pada masa kini, wang memainkan peranan penting dalam kehidupan. Kita akan membawa wang bersama-sama ke mana-mana sahaja bagi memenuhi segala keperluan untuk membeli pelbagai barangan dan perkhidmatan bagi memenuhi segala keperluan dan kehendak kita. Namun, terdapat sesetengah orang yang berbelanja secara berlebihan tanpa berfikir terlebih dahulu sama ada mereka benar-benar perlu berbelanja untuk sesuatu barangan dan keperluan atau tidak. Mungkin, mereka tidak terfikir bahawa sekiranya wang itu tidak dibelanjakan, tetapi disimpan, maka mereka sudah berjimat cermat dan dapat menggunakan wang itu untuk sesuatu keperluan yang lebih berfaedah kelak. Berjimat cermat dan menyimpan wang mereka walaupun jumlahnya sedikit pada setiap hari kerana peribahasa Melayu menyatakan 'sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit' dan 'sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain'. Sememangnya, amalan berjimat cermat penting diamalkan kerana amalan ini akan membawa kebaikan kepada diri kita kelak.

Antara faedah mengamalkan budaya berjimat cermat ialah kita dapat menggunakan wang yang telah kita simpan dahulu ketika kita ditimpa malapetaka seperti jatuh sakit atau menghadapi kemalangan. Pada waktu itu, kita memerlukan wang yang banyak untuk membiayai kos perubatan, terutamanya jika rawatan itu perlu dilakukan di hospital swasta atau terpaksa dilakukan di luar negara. Malah, terdapat sesetengah orang tidak mempunyai wang simpanan, tetapi mereka terpaksa menjalani pembedahan segera untuk mengubati penyakit mereka. Jadi, pembedahan itu tidak dapat dijalankan dan penyakit mereka mungkin akan bertambah teruk jika tidak dirawat dengan segera. Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang itu berjimat cermat dan mempunyai banyak wang simpanan, maka mereka dapat menggunakan wang itu untuk membiayai perbelanjaan yang besar bagi rawatan tersebut dan tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan wang atau menumpang belas kasihan masyarakat untuk menderma wang kepada mereka. Oleh itu, kita perlu senantiasa berjimat cermat agar dapat menggunakan wang itu dalam masa kesukasan kerana peribahasa Melayu mengatakan 'sediakan payung sebelum hujan'.

Sebelum itu, seseorang itu perlu berjimat cermat bagi membolehkan mereka hidup dalam keadaan yang lebih selesa kelak. Misalnya, seseorang kanak-kanak yang dididik untuk berjimat cermat tentu menyimpan wang semenjak dari kecil. Maka mereka tentu mempunyai wang yang banyak apabila mereka sudah dewasa. Wang yang mereka simpan boleh digunakan sebagai bayaran pendahuluan untuk membeli kereta, rumah, televisyen, perabot dan sebagainya supaya mereka dapat hidup selesa bersama-sama keluarga. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai wang simpanan untuk membeli barangan tersebut, maka mereka sekeluarga akan hidup dalam keadaan yang kurang selesa dan berasa sedih serta tertekan kerana melihat keluarga mereka hidup dalam keadaan yang tidak sempurna jika dibandingkan dengan jiran-jiran mereka. Dari itu amalkan budaya menabung dari sekarang agar dapat hidup dalam keadaan yang selesa apabila dewasa kelak sesuai dengan peribahasa: 'berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian'.

OLEH ZURAIRAH HAJI LISA



BUDAYA menabung atau menyimpan wang di institusi-institusi kewangan perlu dilakukan dari peringkat awal lagi iaitu semasa masih muda lagi.

Selain itu, seseorang pelajar yang berjimat dan menyimpan wang di bank semenjak kecil lagi, mereka dapat menggunakan wang simpanan mereka untuk membiayai pelajaran mereka di peringkat yang lebih tinggi. Dengan itu, mereka tidak bergantung kepada ibu bapa atau pengharapan biasiswa atau pinjaman daripada pihak kerajaan atau pihak swasta. Memangnya, kita tidak dapat meramalkan perkara-perkara yang akan menimpa kita atau malapetaka yang akan kita tempuhi

kerana malang tidak berbau. Sekiranya seseorang yang diharapkan akan membiayai pelajaran kita ke peringkat yang lebih tinggi meninggal dunia dahulu sebelum kita memperoleh kejayaan, maka sudah tentu kita akan menghadapi masalah kewangan. Dengan itu, kita tidak akan mempunyai wang yang cukup untuk menyambung pelajaran di peringkat tinggi. Dengan itu, kita terpaksa berhenti belajar. Hal ini akan menyebabkan masa hadapan kita terumbang-ambing dan kita terpaksa mencari

sumber kewangan lain yang belum pasti dapat atau kita terpaksa bekerja. Namun, sekiranya kita mempunyai wang simpanan sendiri, kita dapat menggunakan wang itu untuk membiayai pelajaran sehingga ke menara gading tanpa perlu meminjam wang daripada mana-mana institusi kewangan. Oleh itu, setiap orang perlu menabung dari muda dan mengamalkan peribahasa Melayu yang berbunyi 'melentur buluh biarlah dari rebungannya' agar kita mempunyai masa hadapan yang cerah.

BUDAYA BERJIMAT- CERMAT PERLU JADI AMALAN

Seseorang yang berniat berniaga, maka mereka dapat memulakan sesuatu perniagaan yang diidamkan sekiranya mempunyai wang simpanan yang mencukupi yang boleh dijadikan modal untuk dijadikan aset dan liabiliti perniagaan. Mereka tidak perlu meminjam wang daripada orang lain atau melalui institusi perbankan. Mereka tidak perlu risau akan hutang yang ditanggung. Sekiranya seseorang itu menggunakan wang yang telah disimpan semasa muda, maka mereka dapat memulakan perniagaan. Hal ini bersesuaian dengan ungkapan 'hari ini menentukan hari esok'. Jadi, kita perlu merancang masa hadapan dari sekarang dan salah satu cara untuk mencapai kejayaan pada masa hadapan adalah dengan mengamalkan budaya berjimat cermat.

Kesimpulannya amalan berjimat cermat membawa pelbagai kebaikan kepada diri kita sama ada sekarang atau pada masa hadapan. Oleh itu, sifat berjimat cermat bukan sahaja dalam perbelanjaan wang, tetapi menguruskan sumber yang ada seperti penggunaan air, elektrik, telefon, kenderaan dan sebagainya agar tidak berlaku pembaziran. Malah, anak-anak muda perlu digalakkan berjimat cermat, terutamanya kanak-kanak melalui kempen dan penerapan nilai murni oleh ibu bapa dan guru. Sekiranya setiap orang mengamalkan amalan murni ini, maka tidak ada yang akan dibelenggu oleh masalah kewangan dan kita patut berjimat cermat, kerana amalan ini membawa kebaikan kepada diri sendiri dan kita berpegang kepada peribahasa Melayu 'sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit'.

ANTARA faedah mengamalkan budaya berjimat cermat ialah kita dapat menggunakan wang yang telah kita simpan dahulu ketika kita ditimpa malapetaka seperti jatuh sakit atau menghadapi kemalangan. Pada waktu itu, kita memerlukan wang yang banyak untuk membiayai kos perubatan, terutamanya jika rawatan itu perlu dilakukan di hospital swasta atau terpaksa dilakukan di luar negara.



ROMBAKAN KABINET DAN LANTIKAN BARU

'Komposisi mantap ke arah masa depan lebih cemerlang'

Oleh Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

TITAH pengumuman rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan perantaraan beberapa lantikan baru pada petang Selasa 25 Mei 2005 lepas sangat dialu-alukan oleh rakyat dan penduduk negara ini, di samping mendapat perhatian dari para pemerhati dan agensi-agensi media di dalam dan luar negeri. Akhbar-akhbar harian tempatan dan Akhbar Rasmi Kerajaan 'PELITA BRUNEI' laris dijual dan diedarkan.

Sehingga kini topik perbincangan baik di pejabat, di kedai-kedai kopi dan majlis-majlis tertumpu kepada rombakan kabinet itu. Perkembangan ini mendominasi kehormatan isu arahan Kementerian Kewangan kepada bank-bank di negara ini menghadkan kadar pinjaman dan bayaran balik kepada pelanggan pada minggu sebelumnya yang juga begitu rancak diperkatakan.

Begitulah prihatinnya orang kitani memerhatikan segala perkembangan dan perubahan yang menyentuh suasana kehidupan dan hala tuju masa depan mereka. Keprihatinan dan sensitiviti positif sedemikian memang baik, ia menandakan adanya rasa 'kekitaan dan pertanggungjawaban' di kalangan rakyat untuk melihat bangsa dan negara sentiasa maju, makmur dan sejahtera.

Pelbagai analisa dan andaian dibuat oleh orang ramai mengenai rombakan kabinet itu. Rata-rata mereka menerima baik dan mengalu-alukannya sebagai langkah yang kena pada masanya. Rakyat juga menjunjung kasih dan menyebarkan tahniah atas langkah bijak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu dan penuh yakin ia akan mening-

katkan lagi pencapaian kemajuan negara di masa hadapan.

Dalam berkongsi kegembiraan dan kesyukuran itu penulis terpengkil untuk membicarakannya melalui ruangan FOKUS kali ini. Kita akan menumpukan kepada komposisi lantikan, harapan dan jangkaan rakyat serta kemajuan negara yang akan dicapai.

MANTAP

Kita melihat lantikan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri itu merangkumi gandingan para profesional yang berpengalaman luas terdiri dari golongan birokrat/pentadbir, tokoh agama, ekonomi dan tokoh di bidang kemasyarakatan.

Dengan kepakaran dan pengalaman yang mereka miliki itu tentunya akan dapat dipergunakan ke arah usaha mengemas kini dan meningkatkan kepulauan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk membawa kemajuan dan pembangunan demi kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

Pengekalan beberapa orang Menteri Kabinet dan lantikan muka-muka baru sebagai Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri merupakan komposisi yang mantap merapusi pelbagai bidang dan sektor.

Apa yang menarik perhatian ialah lantikan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menganggotai kabinet sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Ia tentunya akan meningkatkan lagi penglibatan Duli Yang Teramat Mulia dalam pengurusan dan pentadbiran negara sebagai pewaris teraju kepimpinan negara.

Perlantikan Menteri

Tenaga (Minister of Energy) juga dilihat sebagai keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meningkatkan usaha dan keupayaan sumber asli minyak dan gas bukan sahaja sebagai sumber utama ekonomi negara tetapi juga dalam menjana pertumbuhan industri 'huluan dan hiliran' yang giat dilaksanakan di negara ini.

Perlantikan Menteri Kewangan II (Kedua) dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua) juga dilihat wajar memandangkan kedua-dua kementerian itu mempunyai tanggungjawab yang besar dan penting, di samping bidang tugas yang begitu luas. Ringkasnya, tanggungjawab utama Kementerian Kewangan ialah mengawal sistem kewangan, perbelanjaan dan khazanah negara, sementara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berhubung kait dengan dasar luar, diplomasi serta hubungan serantau dan antarabangsa.

EKONOMI

Juga mendapat perhatian ialah lantikan tokoh-tokoh yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang korporat dan perindustrian. Tidak syak lagi penglibatan mereka itu akan dapat meningkatkan usaha memperkasa sektor swasta termasuk mengembangkannya penerangan kecil dan sederhana (SME) di negara ini.

Keupayaan sektor swasta dalam mempelbagaikan ekonomi negara sering ditekankan dalam titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Sektor swasta bukan sahaja diharapkan berperanan memperkukuhkan ekonomi negara malah menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dan

penduduk negara ini.

Keutamaan perlu ditumpukan kepada mengembangkan sektor perindustrian, pertanian, perikanan, kewangan, perkhidmatan dan industri-industri yang mempunyai nilai tambah, selain usaha menarik pelabur asing melalui pelaburan terus luar negeri (FDI).

Pada masa yang sama, usaha menjana pertumbuhan ekonomi ini juga akan dibantu oleh kementerian-kementerian lain yang terlibat seperti penyediaan prasarana dan kemudahan asas termasuk formaliti-formaliti lain yang dikehendaki.

Dalam hal ini semua kementerian dan jabatan-jabatan yang berkaitan harus berperanan sebagai pemudah cara atau fasilitator kepada para peniaga untuk memudahkan segala urusan mereka. Di sini juga kita dapat melihat terdapatnya tokoh-tokoh yang berkemampuan dilantik di kementerian-kementerian berkenaan.

LANTIKAN

Perlantikan muka-muka baru di beberapa kementerian juga diyakini akan dapat memantapkan lagi pelaksanaan program-program yang telah dirancang, di samping membawa idea-idea baru ke arah perubahan yang difikirkan perlu dan bersesuaian dengan kehendak masa dan keadaan.

Selain lantikan beberapa tokoh dari sektor swasta, kenaikan beberapa orang Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, diplomat dan ketua-ketua jabatan ke jawatan Menteri dan Timbalan Menteri juga memperlihatkan 'gandingan' dari tokoh-tokoh muda sebagai

barisan 'pelapis' kesinambungan kepimpinan negara.

Cetusan pemikiran tenaga muda dan veteran dalam kepimpinan kerajaan diharapkan akan membuahakan wawasan-wawasan besar negara. Kita hayati petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Perasmian Pameran Kepimpinan Raja pada 18 Februari 2004 yang antara lain menekankan:

"Berapa ramai orang lama yang statik, dan berapa ramai pula orang baru yang dinamik? Ini semua merujuk kepada ciri-ciri kepimpinan itu.

Namun, keadaan sebaliknyanya juga berlaku, di mana orang lama amat gigih, sementara orang baru benuk dan layu.

Jadi yang berharga itu ialah idea atau pemikiran. Daripada idea-idea besarlah kita menjana kemajuan, mengurus dan membangun negara."

Lantikan kabinet baru ini juga bersesuaian dengan intipati titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-20 (2004) yang antara berbunyi:

"... Kita masih berkeinginan untuk mempertingkatkan infrastruktur fizikal, rancangan kemajuan jangka panjang selepas tahun 2005. Ia adalah termasuk sebagai hala tuju bentuk wawasan negara.

Bagi tujuan ini, insya Allah beta dalam sedikit masa lagi akan menubuhkan sebuah badan petugas bagi mengemaskinikan lagi wawasan negara. Dan sehubungan dengan ini juga, sebuah badan lagi, badan perencana kemajuan jangka panjang akan ditubuhkan yang diketuai di peringkat menteri dengan peranannya untuk menye-

diakan rangka kerja dan perancangan kemajuan bagi jangka waktu 30 tahun yang akan bermula pada Tahun Kewangan 2006 untuk pertimbangan kerajaan beta."

HARAPAN

Rakyat dan penduduk negara ini mempunyai harapan dan jangkaan kepada pemimpin-pemimpin dalam kabinet baru ini bagi meningkatkan kemajuan dan pembangunan di pelbagai bidang untuk lebih berdaya maju dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran-cabaran globalisasi di era digital ini.

Kita yakin dengan kepakaran dan pengalaman luas yang mereka miliki itu tentunya akan dapat membawa negara kepada perubahan yang lebih pesat lagi. Apa yang penting ialah kesediaan dan keberanian untuk membuat sebarang perubahan positif yang difikirkan boleh memperkasa bangsa dan negara.

Dalam hal memperkasa bangsa dan negara ini sokongan dan dukungan rakyat dan penduduk adalah amat diperlukan. Kerjasama antara pihak kerajaan dan masyarakat hendaklah dipupuk dan dipertingkatkan. Segala nasihat, pandangan dan saranan positif dari publik juga hendaklah diambil kira. Selaku umat Islam kita berpegang kepada sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Adeunun Naseehah : Ugama itu adalah nasihat."

Kita hayati petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidiladha 1425/2005 yang antara lain menekankan:

"Semua pihak perlu terbuka untuk kebaikan.

Nasihat-nasihat yang baik janganlah sewenang-wenang ditolak. Lebih-lebih lagi jika nasihat-nasihat itu datang dari sumber rasmi, seperti ucapan-ucapan para pemimpin, khutbah-khutbah ataupun ia dalam bentuk tulisan dan seumpamanya.

Ingatlah, kita membina bangsa dan negara bukan hanya cukup setakat pembangunan fizikal semata-mata, tetapi memerlukan lebih kepada pendidikan dan nasihat. Tanpa kedua nilai ini, pembangunan akan jadi kosong ibarat tugu tanpa nyawa."

TAHNIH DAN TERIMA KASIH

Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang dilantik. Semoga mereka akan sentiasa mendapat rahmat dan bimbingan Allah Subhanahu Wataala dalam menaati tanggungjawab yang diamanahkan itu.

Kata orang 'yang patah tumbuh, yang hilang berganti, pemimpin datang dan pergi silih berganti'. Begitulah adat alam yang sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan kita. Apa yang penting kita mempunyai barisan pelapis untuk meneruskan cita-cita dan matlamat negara.

Kepada mereka yang tidak dilantik diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas jasa bakti yang telah mereka curahkan selama ini. Sebagai orang lama yang mempunyai pengalaman yang cukup luas maka nasihat dan pandangan mereka sememangnya sentiasa dialu-alukan. Tentu sekali mereka masih boleh menyumbangkan fikiran dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti berkebakikan sepanjang persaraan.



TIADA tempat untuk berehat atau sudah bosan belajar di perpustakaan?

Inisiatif untuk menyediakan ruang belajar atau 'study area' nampaknya amat perlu bagi memberi keselesaan kepada penuntut-penuntut kita, khususnya bagi mereka yang tidak mempunyai kuliah pada masa-masa tertentu.

Ruang belajar di sekolah memberi kemudahan kepada penuntut untuk belajar bersendirian atau berkumpulan di luar bilik darjah. Sekurang-kurangnya ruang yang disediakan di kawasan terbuka di sekolah masing-masing boleh membuka minda dan dijadikan tempat ulang kaji dan perbincangan. LENS PELITA kali ini merakamkan gambar 'Ruang Belajar' yang disediakan di Sekolah Menengah Meng-

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN
Unit Pemeriksaan Pekerja Asing,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar

Bahagian 1

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Memproses pengeluaran siji pemeriksaan darah (bagi mengesan penyakit malaria)	45 minit
2.	Membuat penggambaran x-ray dada	45 minit
3.	Memproses pengeluaran keputusan pemeriksaan (bagi mengesan HIV/AIDS dan x-ray dada)	7 hari

MARILAH kita tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Islam amat mengambil berat tentang kesejahteraan penganut-penganutnya baik dari segi fizikal iaitu melalui penjagaan dan amalan hidup yang bersih dan sihat mengikut pandangan dan ajaran Islam, bahkan juga dari segi kesejahteraan mental dan jiwa seseorang itu pun diberi perhatian oleh ajaran Islam, supaya setiap orang Islam itu jangan sampai setiap masa dalam keadaan fikiran yang runting, kusut dan resah-gelisah, sehingga mengganggu bukan sahaja ketenangan hidup bahkan ketenangan dan kekhayusan beribadat khususnya dalam ibadat sembahyangnya.

Mengikut ajaran Islam di antara perkara yang boleh menyebabkan seseorang itu berhadapan dengan penyakit runting atau tekanan jiwa (stress) ialah akibat dari menanggung beban hutang yang banyak.

Apa yang diistilahkan banyak menanggung beban hutang itu ialah bilamana seseorang itu berhutang melebihi dari pendapatannya dan kemampuannya untuk membayar balik hutangnya itu.

Seseorang yang menanggung beban hutang yang berlebihan adalah tidak akan dapat ketenteraman jiwa dan ketenangan fikiran kerana ia akan memikirkan bukan sahaja bagaimana untuk membayar atau melangsaikan hutangnya akan tetapi merasa risau dan takut bilamana ia tidak dapat melunaskan hutang-hutangnya, maka tindakan undang-undang dan mahkamah akan sentiasa menghantuinya. Keadaan yang demikian itulah yang dikatakan oleh syarak sebagai 'alhamm' iaitu keadaan runting dan risau yang ada di dalam diri dan fikiran seseorang sehingga menyebabkan hidupnya tidak merasa tenteram dan tenang.

Perlu diambil perhatian bahawa walaupun perbuatan berhutang itu tidaklah ditegah sekeras-kerasnya oleh Islam, akan tetapi apabila sampai kepada sikap cuba lari dari hutang iaitu dengan pengertian lain tidak mahu

membayar hutang, maka perbuatan itu adalah suatu perbuatan zalim menurut Islam sebagaimana hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda: Orang kaya yang sengaja melengah-lengahkan pembayaran hutang adalah suatu kezaliman." Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Salah satu kesan yang sangat menakutkan apabila hutang itu tidak dapat diselesaikan ialah bilamana orang yang masih menanggung hutang itu mati atau meninggal dunia dalam keadaan hutang yang belum habis diselesaikan dan ahli-ahli waris tidak mahu bertanggungjawab untuk menyelesaikan hutang si mati di mana mengikut sebuah hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa orang yang mati dalam keadaan masih menanggung hutang, maka rohnya tidak akan sampai naik ke langit, ia hanya akan terapung-apung di antara langit dan bumi, sedangkan roh orang mukmin yang lain dapat naik ke tempat asalnya sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu katanya: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Roh seseorang mukmin itu tergantung (dihang) daripada tempat yang mulia dengan sebab hutangnya sehingga hutangnya itu dilunaskan." (Riwayat Al-Imam Al-Tirmizi).

Bahkan pernah berlaku satu peristiwa, di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada

HUTANG PENGHALANG UNTUK MASUK SYURGA


mulanya tidak mahu menyembahyangkan jenazah seorang lelaki dari golongan Ansar apabila Baginda tahu bahawa lelaki itu masih ada berhutang dua dinar, lalu hutang lelaki itu dibayar oleh seorang sahabat bernama Fataadatul Ansari, maka barulah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyembahyangkan jenazahnya.

Di dalam satu kejadian lain Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah suatu hari telah duduk bersama para sahabat Baginda di tempat satu jenazah, maka Baginda mendongak atau mengangkat kepala Baginda ke langit kemudian meletakkan tapak tangan Baginda di atas dahi Baginda dan berkata: "Maha Suci Allah yang telah menurunkan suatu yang sangat dahsyat."

Pada keesokan harinya seorang sahabat telah bertanya kepada Baginda: Wahai Rasulullah apakah yang sangat dahsyat yang telah turun itu? Baginda bersabda yang bermaksud:

"(Yang turun dahsyat itu) ialah mengenai hutang maka demi diri Muhammad di tangan-Nya (Allah Subhanahu Wataala), kalaulah seorang itu mati di dalam perang Sabilillah kemudian dihidupkan semula akan tetapi ia ada mempunyai hutang yang belum dibayar maka ia tidak akan dimasukkan ke dalam Syurga sehinggalah hutangnya itu dibayarkan atau diselesaikan." (Riwayat Al-Imam Ahmad).

Demikianlah akibat buruk orang yang menanggung hutang yang sengaja lari dari tanggungjawab membayar dan menyelesaikan hutang-hu-



tangnya. Oleh itu jangan sampai ada yang menganggap kalau tidak membayar hutang dan ia mati maka hutang-hutangnya itu tidak akan mengejar di akhirat nanti. Ingatlah apa jua bentuk hutang dan walau di mana-mana jua pun semuanya itu akan menjadi penghalang untuk memasuki Syurga Allah di akhirat nanti - Siapakah yang tidak mahu Syurga Allah, kecuali mereka yang sombong dan takbur dengan perintah dan larangan-larangan Allah Subhanahu Wataala.

Walaupun Islam tidak menghalang kita berhutang, tetapi adalah elok jika kita dapat mengelakkan diri dari berhutang,

apatah lagi jika berhutang kepada pemberi hutang yang mengambil kesempatan. Perlu diingat, berhutang memanglah senang tetapi membayarnya sangatlah susah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengajarkan doa hutang yang dibaca pada waktu pagi dan waktu petang, doanya ialah memohon kepada Allah Subhanahu Wataala akan memberikan perlindungan daripada hutang, doa tersebut ialah yang bermaksud:

"Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepadamu dari kesusahan dan keduakan dan aku berlindung dari lemah dan tidak berdaya dan rasa

malas dan aku berlindung dari sifat pengecut dan bakhil dan aku berlindung dari tenggelam dalam hutang dan tekanan (kezaliman) orang."

Apa yang menyebabkan seseorang itu menanggung hutang yang banyak ialah disebabkan biasanya kerana tidak tahu mengurus pendapatan atau wang yang diperolehnya, terutama sikap berbelanja yang berlebihan dan ingin hidup bermewah-mewah dan bergaya.

Sebenarnya Islam telah mengajar kita dalam soal berbelanja dan cara mengurus pendapatan ini. Andainya kita menghayati ajaran-ajaran Islam, sudah pasti kita tidak terjebak dalam timbunan hutang yang membelenggu kehidupan kita. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Furqan

ayat 67 yang tafsirannya:

"Dan juga mereka yang diredai Allah itu ialah yang apabila membelanjakan hartanya, tiada melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara itu (boros dan bakhil)."

Ayat tersebut mengajar cara mengurus pendapatan atau kewangan kita, iaitu bagaimana sewajarnya kita membelanjakannya antaranya iaitu tidak bersikap bakhil terutama untuk memberi nafkah ke atas tanggungan kita. Begitu juga jangan berbelanja dengan cara membazir sehingga mendedahkan diri kepada hutang yang banyak, ini juga mengakibatkan diri sentiasa dibelenggu kerisauan apatah lagi jika sampai diisytiharkan 'mufis' atau bankrap yang mendatangkan kehinaan diri di mata masyarakat.

Oleh itu sebagai seorang Islam biarlah kita hidup dengan sifat kanaah iaitu sifat hidup berpada dan bersederhana dalam memenuhi keperluan hidup sehari-hari. Ukurlah baju di badan sendiri, ingatlah kekayaan sebenar seseorang itu bukan terletak pada hartanya akan tetapi adalah di dalam hutang yang bersifat kanaah iaitu yang bersederhana dalam hidup.

Firman Allah dalam Surah Al-Isra' ayat 26 - 27 yang tafsirannya:

"Dan berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya."

SESEORANG yang menanggung beban hutang yang berlebihan adalah tidak akan dapat ketenteraman jiwa dan ketenangan fikiran kerana ia akan memikirkan bukan sahaja bagaimana untuk membayar atau melangsaikan hutangnya akan tetapi merasa risau dan takut bilamana ia tidak dapat melunaskan hutang-hutangnya, maka tindakan undang-undang dan mahkamah akan sentiasa menghantuinya. Keadaan yang demikian itulah yang dikatakan oleh syarak sebagai 'alhamm' iaitu keadaan runting dan risau yang ada di dalam diri dan fikiran seseorang sehingga menyebabkan hidupnya tidak merasa tenteram dan tenang.

وقت سمیه، امساك، شورو دار ضحی

وقت ۲ سمیه، امساك، شورو دار ضحی باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 1 جمادی الاول، 1426 برسمان دغن 8 جون، 2005 هیفک کهاري ثلاث، 7 جمادی الاول، 1426 برسمان دغن 14 جون، 2005 اداله سرفت دپاوه این:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شورو	ضحی	مسحی
جمادی الاول									جون
1	12.20	3.46	6.31	7.47	4.33	4.43	6.06	6.31	8
2	12.21	3.46	6.31	7.47	4.33	4.43	6.07	6.32	9
3	12.21	3.46	6.32	7.47	4.33	4.43	6.07	6.32	10
4	12.21	3.47	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	11
5	12.21	3.47	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	12
6	12.21	3.47	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	13
7	12.22	3.47	6.33	7.48	4.34	4.44	6.07	6.33	14

وقت ۲ سمیه باكي دائره توتوغ دتمبه ساتو مینیت دان دائره بلايت دتمبه تیگ مینیت، سمیه فرض جمعة دسلورو نگارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تهايري.

SENDA GURAU: DI MANA BATASNYA?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

BATASAN BERGURAU SENDA

ISLAM tidak melarang bergurau senda. Namun ia mempunyai batasan-batasan yang perlu dijaga seperti berikut:

1. Tidak berlebihan-lebihan dalam bergurau sehingga hilang sifat sopan santun.
2. Hendaklah gurauan itu dengan tujuan untuk beramah-tamah atau menyenangkan hati orang lain.
3. Hendaklah ia tidak mengatakan perkara dusta ketika bergurau (tidak berkata kecuali dalam perkara yang benar). Diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi dari Abu Hurairah Radiallahuanhu yang maksudnya:

"Para sahabat berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya Tuan bersenda gurau dengan kami? Baginda bersabda: Sesungguhnya aku tidak berkata melainkan kebenaran". (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi yang maksudnya:

"Celaka bagi orang yang berbicara dengan pembicaraan untuk membuat manusia ketawa lalu dia berdusta, celaka baginya, celaka baginya." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

4. Hendaklah ia tidak mengandungi perkara yang menakut-nakutkan orang lain. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Tidak dibolehkan bagi seorang Muslim menakut-nakutkan seorang Muslim yang lain." (Hadis riwayat Abu Daud).

Hadis ini menjelaskan bahawa ketika sahabat-sahabat dalam perjalanan bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, salah seorang daripada mereka telah tertidur di kenderaannya. Kemudian ada di kalangan mereka telah mengambil anak panah dari tempatnya sehingga sahabat yang tidur itu bangun dan terkejut. Maka Rasulullah melarang dari berbuat yang demikian.

5. Hendaklah ia tidak mengandungi perkara yang

menghina, mencera, mengolok-olok atau menyakiti orang lain. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Hujuraat yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengah yang lain, dan janganlah kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah ia beriman." (Surah Al-Hujuraat: 11).

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah menyatakan bahawa orang mukmin itu jauh daripada perkara yang mencera, berkata kotor dan mengutuk orang lain sebagaimana Baginda bersabda yang maksudnya:

"Orang mukmin bukan seorang pencela, bukan seorang pengutuk, bukan seorang yang pengeji dan bukan juga seorang yang berkata kotor." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

6. Hendaklah ia tidak bergurau senda dalam perkara yang apabila diguraukan perkara itu akan menjadi sungguh-sungguh seperti nikah atau talak atau rujuk kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Tiga perkara boleh menjadi sungguh-sungguh dan senda gurauanya pula menjadi sungguh-sungguh iaitu nikah, talak dan rujuk." (Hadis riwayat Abu Daud).

Adapun segala senda gurau yang tidak termasuk dari keadaan yang tersebut di

atas tadi, maka ia adalah dibolehkan dan tidak dikira gurau senda yang ditegah dalam Islam.

Allah Taala membenci orang-orang musyrik, kerana mereka ketawa dan mempersenda-sendakan ketika mendengar Al-Quran, padahal seharusnya mereka menangis, firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Maka patutkah kamu merasa hairan terhadap keterangan-keterangan Al-Quran ini (sehingga kamu mengingkarnya)? Serta kamu tertawa (mengejek-ejeknya) dan kamu tidak mahu menangis (kesalkan kesalahan kamu serta takutkan balasan buruk yang akan menimpa kamu)? Sedang kamu adalah orang-orang yang sombong angkuh lagi yang melalaikan kewajipan." (Surah An-Najm: 59 - 61).

Allah juga telah mencela ke atas orang-orang munafik yang bergembira dan ketawa kerana keingkaran mereka kepada Rasulullah dalam Perang Tabuk, firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Orang-orang munafik yang ditinggalkan (tidak turut berperang) itu, bersukacita disebabkan mereka tinggal di belakang Rasulullah (di Madinah), dan mereka sememangnya tidak suka berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah (dengan sebab kufurnya), dan mereka pula (menghasut dengan) berkata: 'Janganlah kamu keluar beramai-ramai (untuk berperang) pada musim panas ini.' Katakanlah wahai Muhammad: 'Api Neraka Jahannam lebih panas membakar,' kalaulah mereka itu orang-orang yang memahami. Maka bolehlah mereka (di dunia ini) ketawa sedikit dan mereka akan menangis banyak (di akhirat), sebagai balasan bagi apa yang mereka telah usahakan.' (Surah At-Taubah: 81 - 82).

Berkata Imam Nawawi dalam Kitab



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 205 Bahagian Akhir

Al-Adzkar: "Gurauan yang ditegah itu ialah gurauan yang melampaui batas dan selalu dilakukan sehingga melalaikan dari mengingati Allah."

Adapun jika sekiranya ia tidak berbuat sedemikian maka adalah harus baginya bergurau seperti perbuatan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sesungguhnya Baginda jarang sekali bergurau kecuali pada perkara-perkara yang membawa kemaslahatan dan untuk menyenangkan atau menggembarakan hati orang lain. Maka cara begini tidak ditegah sama sekali bahkan ia adalah suatu sunnah yang dianjurkan, asalkan perkara-perkara yang diguraukan itu baik, tidak mengandungi kebohongan dan tidak melalaikan.

Allah juga akan memberi ganjaran jika kita bermaksud untuk menyenangkan hati seorang Muslim yang lain terutama dalam keadaan kesusahan, sebaliknya akan mendapat dosa jika dengan gurauan itu boleh membawa kemudaratan atau kesusahan atau mengakibatkan perkara buruk kepada orang lain.

Oleh yang demikian, berwaspada dengan senda gurauan yang melampaui batas atau berlebihan kerana adakalanya ia boleh mencetuskan permusuhan dan kemarahan sehingga menyebabkan terputusnya hubungan silaturahmi dan jangan juga dijadikan senda gurauan itu suatu kebiasaan atau amalan kerana kesan yang tidak baik dari bergurau itu mungkin terjadi. Inilah yang tidak disukai oleh Islam.

WALLAHUALAM

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah كلوان قوسه دعوه اسلاميه

PERASAAN cinta adalah suatu naluri semula jadi pada diri setiap manusia, ia wujud dalam pelbagai bentuk dan mengikut suasana, di antaranya cinta kepada keluarga, tanah air, harta benda dan berbagai-bagai lagi. Cinta yang paling tinggi nilainya ialah cinta kepada Allah Subhanahu Wataala yang membawa kita hidup bahagia di dunia dan juga di akhirat kelak. Pepatah Melayu ada mengatakan 'tak kenal maka tak cinta'. Maka untuk mencintai Allah Subhanahu Wataala bukan hanya sekadar mengetahui nama dan sifat-Nya sahaja, akan tetapi wajiblah kita mengingat dan mematuhi tuntutan syarak terutamanya pada masa lapang, di waktu tenang hati dan fikiran serta sihat tubuh badan dalam menjalani urusan kehidupan kita seharian.

Bukanlah pula kita mengingati Allah itu hanya dalam pada masa susah sahaja iaitu semasa ditimpa kesusahan dan kesengsaraan hidup kekusutan fikiran, menderita sakit dan berbagai-bagai lagi masalah yang tidak dapat diselesaikan, maka dalam keadaan begini barulah tergesa-

JAUHI DARI SIFAT MEMENTINGKAN DUNIAWI

gesa untuk mengingati Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan pelbagai jenis ibadat, berzikir, berdoa dan kadangkala hingga ke peringkat berjanji ke hadirat Allah untuk menjadi orang yang taat dan beriman seandainya dilepaskan daripada masalah yang dihadapinya. Cara yang demikian bukanlah dikatakan cinta ataupun kenal Allah Subhanahu Wataala menurut yang dikehendaki dalam Islam. Jelasnya hendaklah kita mengingati Allah itu pada bila-bila masa sahaja, terutama

manya dikehendaki kepada kita mengingati Allah, mengenal-Nya mematuhi segala perintah-Nya pada masa lapang dan senang supaya dengan amalan seperti ini Allah Subhanahu Wataala akan mengingat dan kenal serta menolong kita pada masa kita menghadapi masalah-masalah kesempitan dan kesusahan dalam mengharungi liki-liku hidup di dunia ini.

Di antara sebab-sebab utama seseorang itu lupa kepada Allah Subhanahu Wataala ialah kerana terlampau cinta kepada

SESUNGGUHNYA orang yang tidak mengharap-harapkan untuk bertemu dengan Kami (Allah), (maksudnya tidak mempercayai kehidupan pada Hari Kiamat), dan rela dengan kehidupan dunia sahaja serta merasa tenteram dengan apa-apa yang ada di dunia ini yang berupa kehidupan yang senang (di alam fana) serta orang-orang yang lalai dengan ayat-ayat kekuasaan Kami, maka mereka itu tempatnya ialah Neraka, disebabkan apa yang telah mereka usahakan sewaktu di dunia"

masalah duniawi. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Sesungguhnya orang yang tidak mengharap-harapkan untuk bertemu dengan Kami (Allah), (maksudnya tidak mempercayai kehidupan pada Hari Kiamat), dan rela dengan kehidupan dunia sahaja serta merasa tenteram dengan apa-apa yang ada di dunia ini yang berupa kehidupan yang senang (di alam fana) serta orang-orang yang lalai dengan ayat-ayat kekuasaan Kami, maka mereka itu tempatnya ialah Neraka, disebabkan apa yang telah mereka usahakan sewaktu di dunia." (Surah Yunus ayat 7 - 8).

Jelaslah kepada kita bahawa terlalu mencintai dunia dan isi di dalamnya secara tidak wajar ataupun berlebihan menyebabkan kita lupa mengingati Allah Subhanahu Wataala, takutkan mati kerana cintakan kepada dunia dengan kilauan cahaya kebendaan yang bersifat sementara.

Oleh kerana itu, janganlah tersimpan di dalam hati kita sifat terlalu mengasihi dunia dan isinya lebih daripada cinta kepada Allah Subhanahu Wataala sehingga tenggelam di dalam kepuasan dan kenikmatan dunia yang akan mengakibatkan lupa kepada Allah. Justeru itu marilah kita sama-sama menetapkan hati dan jiwa kita supaya tidak terlampau mementingkan duniawi sehingga lalai dan lupa akan tanggungjawab kita sebagai seorang Muslim.

Sambungan minggu lepas

HUBUNGAN DIALOG

KERJASAMA ekonomi adalah minat utama ASEAN apabila ia menubuhkan hubungan dialog dengan rakan ekonomi utama negara-negara anggotanya.

Hubungan ini telah menggalakkan perdagangan dan pelaburan; mempermudah pertukaran teknologi dan pengetahuan dan memperbaiki akses produk ASEAN ke pasaran rakan-rakan dialognya. Akhirnya, bagaimanapun, hubungan ini menjadi asas ASEAN membuat hubungan perbincangan mengenai isu global, termasuk perkara keselamatan bersama dengan rakan dialognya.

ASEAN pertama kalinya telah membuat hubungan dialog secara rasminya bersama Australia pada tahun 1974, diikuti dengan New Zealand pada tahun 1975.

Hubungan ASEAN - Jepun bermula pada tahun 1973 dan telah diinstitusikan pada tahun 1977. Hubungan dialog ASEAN dengan Kanada bermula pada tahun 1977 dan dirasmikan pada tahun 1981. ASEAN menubuhkan hubungan dialog dengan Amerika Syarikat dan Rancangan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1977. Hubungan rasmi dengan Kesatuan Eropah dibentuk pada tahun 1980 dengan penandatanganan Perjanjian Kerjasama ASEAN-EC. Hubungan Dialog Sektorial ASEAN - Republik Korea telah dirasmikan pada 2 November 1989 dan hubungan ini dinaikkan taraf menjadi Rakan Dialog pada bulan Julai 1991. India yang telah menjadi Rakan Dialog Sektorial ASEAN sejak tahun 1993 telah dinaikkan taraf menjadi Rakan Dialog pada tahun 1995. China dan Russia, yang memulakan hubungan konsultatif dengan ASEAN pada tahun 1991, telah dianugerahkan status Dialog pada tahun 1996. Republik Islam Pakistan telah menubuhkan Hubungan Dialog Sektorial dengan ASEAN pada tahun 1997.

Hubungan dialog ASEAN telah terbentuk dengan adanya gabungan faktor, tempatan, serantau dan global. Pada awal penubuhannya, fokus diplomasi ASEAN ialah untuk mencari bantuan pembangunan bagi negara-negara anggotanya. Dengan pertumbuhan ekonomi ASEAN, senario dan asas hubungan dialognya berubah menjadi rakan kongsi yang sama. Kerjasama pembangunan dengan rakan dialog semakin berkurangan dan timbul pula peranan yang lebih strategik. Fokusnya kini berubah menjadi kepada hubungan akses pasaran, pelaburan, perdagangan, pelancongan, perkhidmatan, sains dan teknologi dan pembangunan sumber tenaga manusia. Isu-isu politik

HUBUNGAN LUAR ASEAN

dan kestabilan juga mendapat tempat dalam hubungan dengan rakan dialog.

Ketika Sidang Kemuncak ASEAN Kedua pada tahun 1977 di Kuala Lumpur, Ketua-ketua Kerajaan ASEAN untuk kali pertamanya telah bertemu sebagai satu kumpulan bersama rakan mereka dari luar rantau ini, mengadakan konsultasi bersama Perdana Menteri Australia, Jepun dan New Zealand.

Sejak itu Menteri-menteri Luar dari rakan dialog mengadakan sesi tahunan mereka bersama Menteri-menteri Luar ASEAN di Persidangan 'Post Ministerial' yang berlangsung

pada setiap selepas Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN. Persidangan 'Post Ministerial' dan juga forum lain yang sering diadakan antara ASEAN dan setiap rakan dialog mereka masing-masing telah menjadi model bagi faedah bersama konsultasi dan kerjasama Utara - Selatan.

Untuk membantu konsultasi antara ASEAN dan rakan dialognya, jawatankuasa-jawatankuasa tertentu telah ditubuhkan di setiap negara rakan dialog untuk melangsungkan minat ASEAN dalam negara-negara berkenaan. Ketua-ketua misi diplomatik negara-negara anggota ASEAN adalah antara ahli

kepada jawatankuasa tem dialog berkenaan berkenaan. ialah Forum Serantau Dua hasil utama sis- ASEAN dan ASEAN +

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PERKHIDMATAN AWAM

SUDAH menjadi kelaziman setiap negara mempunyai wawasannya yang tersendiri. Begitu juga negara kita malah bagi mencapai kejayaan, kita memerlukan wawasan bagi menentukan hala tuju kita. Seperti yang kita ketahui, Wawasan Perkhidmatan Awam ialah untuk menjadikan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

yang sentiasa membangun dan berusaha dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam dalam persekitaran sihat dan selamat di bawah inayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wataala.

Bagi mewujudkan Perkhidmatan Awam (PA) 'menurut calak Islam', maka usaha dalam menerapkan nilai-nilai Islam adalah perlu yang mana usaha-usaha ini antara lain akan melahirkan suatu keputusan yang memuaskan.

Antara usaha-usaha yang perlu ada pada kita sebagai kakitangan PA ialah:

1. Berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran dan As-Sunnah. Firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Al-Quran yang tafsirnya: "Sesungguhnya Allah mengurniakan (rahmat-Nya) kepada orang-orang yang beriman setelah ia mengutuskan di kalangan mereka seorang daripada bangsa mereka sendiri yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (Al-Quran) dan membersihkan mereka, serta mengajar mereka kitab Allah dan Al-Hikmah (As-Sunnah). Sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) adalah di dalam kesesatan yang nyata." (Surah Ali'Imran: 164).

Ayat tersebut menjelaskan di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerima Al-Quran dan membacakannya kepada sahabat-sahabat Baginda untuk disampaikan kepada kaum Muslimin. Selain membacakan ayat-ayat Al-Quran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

juga turut mengajar dan menerangkan kandungan Al-Quran dan Al-Hadis.

Kedua: Berazam meninggikan mutu perkhidmatan dan berusaha dengan penuh tanggungjawab. Sikap rasa bertanggungjawab atau 'accountability' dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang adalah perlu. Terdapat berbagai-bagai program atau pengurusan bagi meningkatkan mutu kerja.

Ketiga: Berusaha mengikis sikap mementingkan diri. Sikap seperti ini perlulah dihindari kerana manusia memerlukan konsep 4M (Muraqabah, Muhasabah, Mu'atabah dan Mujahadah). Muraqabah bererti memerhati kesalahan diri, sendiri manakala Muhasabah ialah menilai sebab-sebab kekurangan. Sementara itu, Mu'atabah membawa maksud memperbaiki diri. Keempat-empat konsep ini adalah perlu dalam meningkatkan tahap kecemerlangan diri.

Keempat: Berkerja dengan penuh kesabaran. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya: "Apa yang ada di sisimu akan lenyap dan apa yang ada di sisi Allah Subhanahu Wataala adalah kekal. Dan sesungguhnya Kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang sabar dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan."



Oleh Refa'ah Ali Osman

(Surah An-Nahl: 96)

Kelima: Kepentingan Al-Syura dalam PA. Al-Syura dari segi bahasa ialah bertanya, manakala musyawarah bererti mengeluarkan dan menzahirkan pendapat. Seperti yang kita ketahui, prinsip Al-Syura adalah penting dalam pentadbiran dan pengurusan bagi mewujudkan sebuah kerajaan yang disifatkan oleh Al-Quran sebagai negara makmur dan mendapat keampunan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Syura (38) yang tafsirnya: "Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menaati perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang dengan sempurna, dan urusan mereka dijalankan secara syura sesama mereka, dan mereka pula mendermakan daripada yang Kami beri kepada mereka." Ayat tersebut menerangkan bahawa orang-orang beriman sentiasa patuh kepada perintah Allah Subhanahu Wataala dan urusan pentadbiran mereka dijalankan secara syura bagi melahirkan keputusan yang berkesan.

Di sini amat jelas sekali di mana Islam menuntut agar negara Islam ditegaskan dengan melaksanakan undang-undangnya mengikut ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah bagi mendapat rahmat dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wataala.

S i B u d i m a n

SAMPANA HARI ALAM BAKITARI ANI, LIATKAN TIA... SAMANGAT DAN SIKAP PAMBARSIH KITANI, BISAIKAN TIA NAGARA KITANI ANI... KITANI JUA YANG SIHAT, HIDUP PUN NYAMAN, ORANG LALAT PUN TARTARIK KAN NAGARA KITANI...



20 terpilih di peringkat separuh akhir Pertandingan Membaca Al-Quran

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Mei. - Seramai 13 qari dan tujuh qariah terpilih bagi memasuki peringkat separuh akhir Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan yang akan berlangsung akhir bulan Jun.

Pertandingan suku akhir yang dijalankan selama empat hari berturut-turut telah bermula pada hari Isnin lalu dan berakhir hari ini dengan Majlis Penyerahan Hadiah kepada peserta-peserta yang terpilih.

Penyerahan hadiah disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin selaku tetamu kehormat.

Pertandingan suku akhir yang berlangsung di Masjid Kampong Belimbing Subok di sini disertai oleh 72 orang peserta iaitu 52 orang qari dan 20 orang qariah. Dari jumlah itu 47 orang adalah mereka yang terpilih dari peringkat Zon Daerah/Masjid seluruh negara.

Manakala 22 orang adalah mereka yang pernah memasuki Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi tahun 1425/2004 Masihi. Dua orang peserta lagi adalah johan Pertandingan Membaca Al-Quran Antara

Kementerian-kementerian tahun 1425 Hijrah/2004 Masihi dan seorang peserta merupakan johan Musabiqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan Tahun 1425 Hijrah/2004 Masihi.

Antara kriteria-kriteria pemilihan pertandingan tahun ini ialah para peserta qari dan qariah mestilah memperoleh markah 80 peratus ke atas. Pertandingan merupakan projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan hasrat untuk memilih qari dan qariah bagi memasuki Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi tahun 1426 Hijrah/2005 Masihi.

Di samping itu pertandingan juga merupakan galakan untuk menarik minat orang ramai kepada pembacaan Al-Quran dan sebagai pendorong kepada mereka yang sememangnya berbakat di dalam seni pembacaan Al-Quran agar mengasah bakat yang ada melalui pembelajaran Al-Quran serta mengikuti mana-mana Pertandingan Membaca Al-Quran dan seumpamanya.

Pertandingan pada tahun ini dianjurkan oleh Bahagian Perhubungan dan Kemajuan Syiar Islam, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Belimbing Subok.

REMAJA

PAHLAWAN BANGSA

OLEH H. A. MANAP

MINGGU lepas bersamaan 31 Mei merupakan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei [ABDB]. Tahniah dan syabas kita ucapkan semoga ABDB akan terus mencapai mercu kecemerlangan. Sebagai sebuah negara yang berdaulat memiliki sebuah angkatan ketenteraan merupakan satu hal penting bagi menjaga keselamatan dan juga kemakmuran negara tercinta. Di negara kita keanggotaan ABDB adalah sangat terserlah, kerana ianya lebih banyak diisikan oleh generasi belia yang tangkas dan dinamik untuk memikul tanggungjawab besar iaitu berkhidmat kepada raja, agama, negara dan bangsa tercinta. ABDB sejak ianya ditubuhkan telah berjaya menampilkan penglibatan yang sangat membanggakan.

Perubahan demi perubahan yang dilakukan adalah begitu ketara dalam mempamerkan kemajuan dan perkembangan pesat yang dilaluinya. Sebagai sebuah barisan ketenteraan, peranan yang dimainkan oleh ABDB adalah sangat mengesankan. Justeru dengan kelengkapan yang serba moden ABDB mampu untuk menunaikan tanggungjawab bernegara dalam memelihara kesinambungan keamanan dan kemakmuran negara yang tercinta ini. Meskipun dalam perkembangan dan kemajuan pesat yang diperolehi dan dilaluinya, melengkapkan setiap anggota dengan pelbagai alat adalah perkara yang menjadi keutamaan dalam membina ketahanan diri, semangat patriotisme yang tinggi

dan rasa tanggungjawab yang mendalam. Setiap anggota perlu melihat dan menamai dalam melengkapkan keperluan sedemikian agar apa-apa jua perubahan yang berlaku tidak akan hanya sebagai paparan atau hiasan perkhidmatan semata-mata.

Penglibatan dan ke-trampilan dalam mewujudkan wira bangsa yang berwibawa dan teguh pendirian merupakan aset ketenteraan yang sangat 'vital'. Oleh kerana sebahagian besar dari anggota ketenteraan terdiri dari generasi belia maka adalah penting hal-hal pemantapan diri diperkuat dan diperteguhkan. Utap diri selain dari kecanggihan peralatan adalah penting diberikan tumpuan. Penumpuan ini perlu agar terbina sebuah angkatan yang bukan sahaja, ampuh dengan peralatan akan tetapi teguh dengan pegangan dan pendirian.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pa-

duka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-44 jelas memberikan isyarat dan mesej penting untuk dihayati. Dalam titah tersebut baginda menyentuh betapa pentingnya transformasi dilakukan. Hal ini bukan sahaja setakat bidang struktur, teknik dan keupayaan akan tetapi lebih jauh dari itu ialah segi kepimpinan dan minda. Baginda menitahkan supaya setiap anggota tidak akan menutup diri dari sebarang perubahan, malahan menurut baginda setiap anggota perlu terbuka terhadap kaedah atau 'metode'.

Pengalaman selama 44 tahun begitu besar memberikan pengajaran dan pelajaran untuk menjadikan ABDB lebih dinamik dan berwibawa tinggi, malahan mesra rakyat merupakan ciri moral dan disiplin yang tinggi yang harus dilengkapi dengan sifat ketak-

waan setiap anggota kepada Allah. Baginda juga mengingatkan betapa mahalnya harga kesejahteraan yang wajib kita jaga dan pertahankan. Inilah tanggungjawab kita, yang bukan setakat didukung oleh anggota ABDB akan tetapi setiap kita mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk menunaikan kewajipan sedemikian ini.

Kita tidak perlu mengabaikannya, tanggungjawab setiap anggota hendaklah memiliki sikap keterbukaan agar setiap perkembangan dan kemajuan yang berlaku dapat ditangani dengan sebaiknya. Pada waktu yang sama hendaklah juga bertindak proaktif dalam menyediakan kelengkapan diri iaitu bekalan takwa. Sebagai barisan hadapan takwa adalah sangat penting menjadi utap dan benteng agar kemampuan untuk menjadi jentera pertahanan negara akan bertambah ampuh, kerana di zaman Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ketakwaan inilah menjadi kekuatan diri semasa para sa-

habat menyertai peperangan mempertahankan kedaulatan dan kesucian agama. Setiap anggota hendaklah mengambil iktibar dan pengajaran dari kekuatan dan kekukuhan ketenteraan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu.

Justeru adalah berketepatan apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan supaya selain memiliki kekuatan kelengkapan ketenteraan yang canggih, kelengkapan diri juga adalah wajib dengan kekuatan takwa dan kekukuhan iman. Semoga kita akan terus mendapat pertolongan dari Allah jua agar kesejahteraan dan keamanan yang bernilai tinggi yang kita kecapi sekarang ini akan kekal berterusan kita nikmati. Ini akan hanya dapat kita rasakan apabila pahlawan bangsa yang berhemah tinggi dapat menunaikan tanggungjawab mereka dengan sempurna mempertahankan warisan tanah air pusaka sejati.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 25 Mei 2005

Masjid Kampong Labi.

ALAI PINTAR



Apakah nama masjid ini?

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 674

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 674,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 674

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 25 Mei 2005

Fatin Haziqah binti Haji Nor Amin,
Sekolah Rendah Sengkurong,
Umur : 11 tahun

Nuratiqah binti Haji Abu Bakar,
Sekolah Menengah Telanae,
Umur : 14 tahun

Nurliyana binti Jamil,
Sekolah Rendah Labi,
Umur : 10 tahun

BELIA

Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII 2005 LANDASAN GOLONGAN BELIA UJI BAKAT KESUKANAN



ATLET golongan belia perlu mendapat pendedahan melalui penyertaan di beberapa kejohanan tempatan dan serantau sebelum menyertai kejohanan yang lebih besar.

PESTA Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-VII 2005 yang dijadualkan berlangsung mulai 11 hingga 19 Jun depan akan disertai oleh seramai 1,938 orang atlet dan 381 orang pegawai yang mewakili kontinjen-kontinjen dari Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong, Temburong, Syarikat Minyak Brunei Shell, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Majlis Sukan Polis Diraja Brunei, Persatuan Bank-bank, Penerbangan Diraja Brunei dan Universiti Brunei Darussalam.

Pada temasya kali ini mempertandingkan acara badminton, bola sepak, bola jaring, bola keranjang, bola tampar, bola sepak futsal, golf, hoki, lumba basikal, lumba perahu, olahraga, pencak silat, ping pong, sepak takraw dan tenis.

Tiga daripada acara tersebut iaitu bola sepak dimulakan pada 5 Jun, hoki 6 Jun dan bola sepak futsal dimulakan 8 Jun manakala pembukaan rasminya pula pada 11 Jun di Stadium Negara Hassanal Bolkiah jam 8.00 malam.

Temasya dwitahunan ini disertai oleh sebahagian besar daripada golongan belia dan pelajar yang aktif bersukan dan melalui penyertaan mereka di temasya ini akan dapat mendedahkan mereka kepada suasana pertandingan yang sebenar.

Dalam mendedahkan mereka melalui penyertaan ini juga, akan dapat memberikan mereka peluang untuk menimba pengalaman dan menguji bakat, kebolehan serta pencapaian masing-masing.

Menurut wakil jawatankuasa penganjur, secara tidak langsung penyertaan belia-

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

belia dan penuntut sekolah pada temasya ini merupakan medan untuk menguji bakat serta kebolehan masing-masing dalam acara-acara kesukanan.

Beliau menambah, melalui penyertaan ramai atlet

golongan belia-belia remaja dalam temasya ini tentunya akan dapat mengenal pasti atlet yang berpotensi untuk diberikan bimbingan atau asuhan sebagai persiapan bagi mengambil alih tempat atlet-atlet yang

akan bersara.

"Jadinya, temasya PSK ini, merupakan gelanggang untuk memupuk dan mencungkil bakat-bakat sukan yang terdapat di kalangan belia remaja khususnya yang mewakili kontinjen keempat-empat daerah, UBD, RBA dan bank-bank sebelum didedahkan ke penyertaan pertandingan sukan peringkat serantau mahupun antarabangsa," katanya.

"Melalui temasya inilah mana-mana atlet yang berpotensi akan dapat dikenal pasti kebolehan dan akan diberikan bimbingan latihan melalui jurulatih-jurulatih yang ada ketika ini," ujarnya lagi.

Dalam mengembangkan dan memperluaskan kegiatan sukan di kalangan belia dan penuntut sekolah, Jabatan Belia dan Sukan telah mengelolakan banyak skim-skim latihan sukan yang antaranya skim latihan bola sepak, badminton, silat olahraga, karate do, taekwon do, sepak takraw, renang dan ping pong. Kebanyakan skim latihan yang dikelolakan itu mendapat sambutan yang menggalakkan hingga berjaya melahirkan ramai atlet belia yang berpotensi mewakili negara di temasya sukan serantau mencapai kejayaan yang cemerlang.

Sebagai contoh, pada penyertaan Sukan Malaysia, SUKMA di Negeri Sembilan dan Kota Kinabalu, Sabah yang lalu beberapa orang atlet olahraga-

PENDEDAHAN melalui penyertaan dalam pertandingan seumpama ini amat penting untuk menimba pengalaman.



3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatukan tajuk projek Tingkat 4, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja.
4. Yuran Dokumen bagi **BILANGAN TAWARAN : JASTRE/BPDP/T08/2005 dan BILANGAN TAWARAN : JASTRE/BPDP/T09/2005** adalah sebanyak B\$25.00 sementara **BILANGAN TAWARAN : JASTRE/Q28/2005; JASTRE/Q23/2005; JASTRE/Q24/2005 dan JASTRE/Q25/2005** adalah sebanyak B\$ 10.00 (Ringgit Brunei: Sepuluh sahaja). Bagi setiap satu tawaran dan hendaklah dijelaskan di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Tingkat 4, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Yuran Dokumen adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemohon yang tidak berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
6. Sebelum Dokumen-dokumen Tawaran dikeluarkan, setiap pemohon dikehendaki menghadapkan Sijil Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemohon adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

DIBUKAKAN kepada pemborong yang berdaftar dalam kelas II, III dan IV (kategori 5f sahaja).



JABATAN PEPERIKSAAN (DE) KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BILANGAN TAWARAN 1 : MOE/EGOV/DE/003-4/2004

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi:

MOE/EGOV/DE/003-4/2004

"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF EXAMINATION MANAGEMENT SYSTEM (EMS) FOR DEPARTMENT OF EXAMINATION, MINISTRY OF EDUCATION, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperolehi dari :
Seksretariat Lembaga Tawaran Kecil (A), Bahagian Perkhidmatan Kewangan, Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.
3. Bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$200.00 (Tidak dikembalikan) dibuat di : Unit Tunai dan Pembayaran, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (B), Blok B, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Bandar Seri Begawan BB3510, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
4. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Khamis 16 Jun 2005.
5. Tarikh hari maklumat pada hari Khamis 23 Jun 2005, bertempat di Jabatan Peperiksaan, Blok A, Tingkat Bawah, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, BB 3510.
6. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat berasingan yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :
"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF EXAMINATION MANAGEMENT SYSTEM (EMS) FOR DEPARTMENT OF EXAMINATION, MINISTRY OF EDUCATION, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM." tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah diujut kepada Seksretariat Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Selasa, 2 Ogos 2005, jam 2.00 petang.
7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



DI DALAM MAHKAMAH WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

KB/LA NO. 29/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh 1. Hajah Solpah binti Haji M. Wato 2. Norita binti Haji Sukri 3. Rahayu Sukmaria binti Haji Sukri kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hajah Siti binti Kassim yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah bahu dan anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 Jun 2005 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 23 Mei 2005.

KB/LA NO. 16/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Mariani binti Haji Yusof kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hajah Turning binti Kilail yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 Jun 2005 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 10 Mei 2005.

KB/LA NO. 79/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Lu Yung Siew kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Liew Chai Fah @ Liew Chai Fah yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah bahu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 Jun 2005 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 16 Mei 2005.

KB/LA NO. 71/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajah Hammad binti Puasa kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Dayang Hajah Siti binti Puasa yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah adik beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 Jun 2005 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 23 Mei 2005.

KB/LA NO. 275/2004

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hardiman bin Kahar kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Jandi binti Salleh yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 Jun 2005 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 23 Mei 2005.

KB/LA NO. 275/2004

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Pg. Hj Sharriffah Hidayat binti Pg. Hj Amir Muhammad Yusoff kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hajah Abd. Rahim bin Mohd Ali yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah bahu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 Jun 2005 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 23 Mei 2005.

KB/LA NO. 25/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajj Tuah bin Sadim @ Tadin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Dayang Hajah Alishah binti Haji Bakar yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 Jun 2005 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 24 Mei 2005.

KB/LA NO. 4/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Kassim bin Tasan kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Nomah binti Haji Abd. Rahman yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 Jun 2005 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 24 Mei 2005.

KB/LA NO. 285/2004

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajj Wahab bin Hajj Bungsu kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hajj Bungsu bin Hajj Kadir yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 Jun 2005 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 24 Mei 2005.

KB/LA NO. 288/2004

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajj Maari bin Hajj Mat Salleh kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Awang Hajj Md. Salleh bin Damif yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 Jun 2005 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 24 Mei 2005.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyakikan percikaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sealapa yang berhasrat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN DARI MUKA 6

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 53 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING FOUR (4) UNITS OF MULTIPARAMETER MONITOR FOR ANAESTHETIC DEPARTMENT, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 54 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF FIBEROPTIC INTUBING BRONSCOPE COMPLETE WITH CAMERA SYSTEM FOR ANAESTHETIC DEPARTMENT, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 55 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING TWO (2) UNIT OF SANDER'S JET VENTILATOR FOR ANAESTHETIC DEPARTMENT, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 56 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING THREE (3) UNITS OF DRYING CABINET FOR ANAESTHETIC DEPARTMENT, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 57 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING FOUR (4) UNITS OF NEW OPERATING TABLE FOR NEW OPERATING THEATRE, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 58 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF DISTAL FEMORAL NAIL SYSTEM FOR DEPARTMENT OF ORTHOPAEDICS, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 59 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING TWO (2) UNITS OF BI-PAP VENTILATOR MACHINE FOR CRITICAL CARE UNIT (CCU), RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 60 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING TWO (2) UNITS OF CRITICAL CARE BEDS FOR CRITICAL CARE UNIT (CCU), RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 61 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING TWO (2) UNITS OF PORTABLE TRANSPORT VENTILATOR FOR CRITICAL CARE UNIT (CCU), RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 62 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF ECG MACHINE FOR CRITICAL CARE UNIT (CCU), RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 63 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING ONE UNIT OF OPERATING SURGICAL TABLE FOR OBST & GYNAE DEPARTMENT, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 64 /2005 (SE) : UPGRADE OF MERCURY ANALYSER FOR THE DEPARTMENT OF SCIENTIFIC SERVICES, THE MINISTRY OF HEALTH. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 65 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF AUTOMATED EXTRACTION SYSTEM FOR THE DEPARTMENT OF SCIENTIFIC SERVICES, THE MINISTRY OF HEALTH. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 66 /2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF VIDEO SPECTRAL COMPARATOR 2000HR FOR THE DEPARTMENT OF SCIENTIFIC SERVICES, THE MINISTRY OF HEALTH. Yuran Tawaran \$ 100.00.

JKR/DOD/12/2005 - SKIM PENYUSUNAN SEMULA KAMPONG AYER, KAMPONG LUMAPAS, PAKEL 'B' 127 UNIT RUMAH KELAS 'E', NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Projek : JKR/HSS/301.E. Jumlah Yuran Tawaran : \$1,000.00 (tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran tidak lewat dari 27 Jun 2005 hari Isnin. Tarikh tutup tawaran 28 Jun 2005 hari Selasa jam 2.00 petang.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III & IV sahaja kategori 6a sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DWS/SWE/K - 011/2005 GENGANTI INJAP PAIP PEMBEKAL UTAMA DI DAERAH BRUNEI - MUARA DAN TUTONG (VOTE NO : "SK03A - 500300 - K13663). Yuran Dokumen : \$125.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Tawaran : \$125.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$250.00. Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran tidak lewat dari 9 Julai 2005 jam 10.00 pagi hari Isnin. Tarikh tutup tawaran tidak lewat dari 12 Julai 2005 jam 2.00 petang hari Selasa.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV & V sahaja kategori 4H sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DOR/SRM 21/2005 PEMBERIHAN LONGKONG TANAH TEPI JALAN, LONGKANG KONKRIT DAN KALBAT-KALBAT DAN MERATAKAN BAHU-BAHU JALAN DI KAWASAN ZONE 1, 2 DAN 3 DI DALAM DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Yuran Dokumen : \$125.00 (tidak dikembalikan). Yuran Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$250.00 (tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran tidak lewat dari 20 Jun 2005 jam 10.00 pagi hari Isnin. Tarikh tutup tawaran tidak lewat dari 21 Jun 2005 jam 2.00 petang hari Selasa. Ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan BS3510, Negara Brunei Darussalam.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV & V sahaja kategori 4H sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DOR/SRM 22/2005 PEMBERIHAN LONGKONG TANAH TEPI JALAN, LONGKANG KONKRIT DAN KALBAT-KALBAT DAN MERATAKAN BAHU-BAHU JALAN DI KAWASAN ZONE 6 DAN 7 DI DALAM DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Yuran Dokumen : \$125.00. Yuran Tawaran : \$125.00. Jumlah Yuran : \$250.00 (Tidak dikembalikan). Tarikh mengambil Tawaran 8 Jun 2005. Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran tidak lewat dari 20 Jun 2005 jam 10.00 pagi hari Isnin. Tarikh tutup tawaran tidak lewat dari 21 Jun 2005 jam 2.00 petang hari Selasa. Ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan BS3510, Negara Brunei Darussalam.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV kategori 4a & 5d sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DBSBM006/2005 MEMBAIKI PULIH BANGUNAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN TERMASUK KERJA-KERJA MENGECAT DAN KERJA-KERJA KALIS AIR, DAERAH TEMBURONG No Projek 2005DBSBM/DTM01 Yuran Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran tidak lewat dari 18 Jun 2005 hari Sabtu jam 2.00 petang. Tarikh tutup tawaran 21 Jun 2005 hari Selasa.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang Berkelayakan dan berdaftar di dalam kelas IV (III, IV & V) ka-terori 1 dan 4(d) sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DDS 013/2005(CDE) - T. IV MEMBINA LONGKANG KONKRIT DAN KALBAT BARU KAMPONG PASAI, JALAN MUAUT. No. Projek 05/DDS(CDE)/SK03A/500300/K13675. Yuran Tawaran : \$125.00. Yuran Dokumen : \$125.00. Jumlah Yuran : \$250.00 (Tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran tidak lewat dari 18 Jun 2005 hari Sabtu. Tarikh tutup tawaran 21 Jun 2005 hari Selasa jam 2.00 petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2002/T/3005 (B).

JPPK/LTN/28/2001/NSC/1(B). EXPANSION OF ROYAL BRUNEI NAVAL BASE MUARA NOMINATED SUB CONTRACT 'C/NSC1' - SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONS OF SHIFTLIFT AND TRANSFER SYSTEM. Dokumen Tawaran : \$1000.00 (Tidak dikembalikan). Bayaran Tawaran : \$1000.00 (tidak dikembalikan). Kelas VI Kategori 5K. Completion period : Twelve (12) months (In-Line with main contract).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2005/X/3003. KELENGKAPAN DAN PERKAKAS BAGI KEPERLUAN SUKATAN PELAJARAN "DESIGN TECHNOLOGY" (2 JENIS). Bayaran Tawaran : \$20.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolikah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 21 Jun 2005. Dokumen-dokumen Tawaran bolehah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat).

Tarikh-tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran bagi **Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2002/T/3005 (B).** JPPK/LTN/28/2001/NSC/1(B) ialah pada 27 Jun 2005 hari Isnin jam 10.30 pagi sementara **Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2005/X/3003** ialah pada 20 Jun 2005 hari Isnin, jam 10.30 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2005/Z/3020. FUEL COMPRESSED HEXAMINE COOKER COMPLETE. Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2005/Z/3022. TIRE PNEUMATIC VEHICULAR. Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2005/Z/3037 (A). ROSEWOOD DINING TABLE COMPLETE WITH CHAIRS. Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolikah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 28 Jun 2005. Dokumen-dokumen Tawaran bolehah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada 27 Jun 2005 hari Isnin, jam 10.30 pagi.

WAKTU BAGI MENERIMA BAYARAN :
Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan
2.00 petang - 3.30 petang.
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.

a) Bayaran Tawaran 'Tender Fee' dan 'Document Fee' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolikah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

b) Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

c) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

d) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide tender) dan tidak akan dilayan.

e) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

f) Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

g) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu seperti mana yang diiklankan.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (terlalu kepada alamat yang telah ditetapkan ditetapkan dalam iklan atau Dokumen Tawaran) seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
- Jumlah yuran adalah seperti berikut:

Kelas Penender	I	II	III	IV	V	
Dokumen - Kertas	\$10.00	\$25.00	\$50.00	\$250.00	\$500.00	\$1,000.00
Dokumen - elektron-	-	-	-	\$155.00	\$280.00	\$530.00
						\$1,030.00

- Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV sahaja kategori 4a sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DOD/10/2005 RECTIFICATION WORKS FOR BANGUNAN KEMENTERIAN KESIHATAN (TERMASUK MAKMAL PERKHIDMATAN SAINTIFIK DAN MAKMAL KESIHATAN AWAM) (JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN) JALAN PENGHUBUNG ISTANA TETAMU, BANDAR SERI BEGAWAN. Projek : AD/619/6301. Jumlah Yuran Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran tidak lewat dari 27 Jun 2005 hari Isnin. Tarikh tutup tawaran 28 Jun 2005 hari Selasa jam 2.00 petang.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V & VI kategori II sahaja. BILANGAN TAWARAN :



SIKAP WASPADA DI JALAN RAYA AMALAN TERPUJI

PUSAT BAHASA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PUSAT Bahasa Universiti Brunei Darussalam merupakan fakulti yang kelapan ditubuhkan di Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan mula beroperasi dalam Semester Kedua, Sesi Akademik 2000/2001, pada bulan Januari 2001 sejurus selepas penubuhannya pada akhir tahun 2000.

Pusat tersebut ditadbir oleh seorang Pengarah yang dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah dan seorang Penolong Pendaftar. Setakat ini, Pusat Bahasa mempunyai 13 orang tenaga akademik sepenuh masa, termasuk seorang Profesor Madya dan beberapa orang Pensyarah Kanan serta beberapa orang tenaga akademik separuh masa yang bertanggungjawab mengendalikan kursus-kursus kemahiran bahasa dan komunikasi di universiti tersebut. Beberapa orang pensyarah lagi dijangka akan menambah bilangan tenaga akademik sepenuh masa di Pusat Bahasa sebelum penghujung tahun ini.

Pusat Bahasa UBD ditubuhkan untuk memenuhi beberapa matlamat tertentu, antaranya :

*Untuk menyediakan kursus-kursus kemahiran bahasa dan komunikasi yang efektif bagi tujuan akademik dan profesional, ke arah mempertingkatkan tahap kemahiran berbahasa dan berkomunikasi di kalangan pelajar-pelajar UBD. Penumpuan kursus-kursus tersebut adalah dalam tiga bahasa utama yang digunakan sebagai bahasa perantaraan di UBD, iaitu bahasa Inggeris, Melayu dan Arab. Kursus-kursus kemahiran bagi ketiga-tiga bahasa ini merupakan kursus-kursus wajib (University Required) atau teras (Core) di UBD;

*Untuk mengendalikan kursus-kursus yang sistematik dan efektif dalam bahasa-bahasa ASEAN dan bahasa-bahasa antarabangsa bagi pelajar-pelajar dan kakitangan universiti serta masyarakat umum. Kursus-kursus tersebut ditawarkan sebagai kursus-kursus pilihan (elective/optional) bagi pelajar-pelajar universiti dan sebagai kursus-kursus pendidikan lanjutan atau berterusan bagi kakitangan universiti dan orang-orang awam;

*Untuk melaksanakan penyelidikan dan kajian dalam bidang pengajaran, pembelajaran bahasa dan lain-lain bidang yang berkaitan;

*Untuk memberikan khidmat kepakaran atau konsultasi dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan penggunaan bahasa seperti penterjemahan, bengkel bahasa, kursus-kursus khas jangka pendek dan jangka panjang dan lain-lain.

Buat masa ini, selain dari mengendalikan kursus-kursus wajib dan teras universiti, Pusat Bahasa juga menawarkan kursus-kursus bahasa asing seperti bahasa-bahasa Jepun, Perancis, Sepanyol, Mandarin dan Jerman sebagai kursus pilihan (elective) bagi semua pelajar di universiti. Kursus-kursus bahasa tersebut ditawarkan bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar UBD mempelajari baha-

SIRI PERTAMA

Sumbangan Pusat Bahasa Universiti Brunei Darussalam

sa-bahasa asing selain dari bahasa-bahasa utama yang digunakan di Negara Brunei Darussalam.

Atas permintaan fakulti-fakulti tertentu di UBD, Pusat Bahasa juga akan menawarkan Kursus Bahasa Thai sebagai kursus teras dan efektif dan juga Kursus Bahasa Korea sebagai kursus elektif bermula dari Semester Pertama, Sesi Akademik 2005/2006, dalam bulan Ogos 2005.

Selain dari kursus-kursus untuk pelajar-pelajar universiti sendiri, Pusat Bahasa juga menawarkan kursus-kursus bahasa bagi orang awam di bawah program pendidikan lanjutan atau berterusan. Setakat ini, kursus-kursus bahasa yang ditawarkan kepada orang awam termasuklah Kursus-kursus Bahasa Arab, Jepun, Perancis dan Mandarin. Kursus-kursus tersebut diadakan pada sebelah malam bagi memudahkan mereka yang berminat untuk mempelajari dan mendalami bahasa-bahasa asing yang ditawarkan oleh Pusat Bahasa.

Di masa akan datang,

komunikasi yang dikendalikan oleh pusat itu dan juga ke atas perkembangan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus tersebut sepanjang pengajian mereka di UBD.

Dalam bidang penyelidikan dan kajian pula, Pusat Bahasa sedang bergiat aktif menjalankan penyelidikan dan kajian dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan

SARI PEMBANGUNAN

mengikut permintaan dan keadaan semasa serta keperluan sumber dan tenaga yang terdapat di Pusat Bahasa.

Selain dari pengendalian kursus-kursus bahasa, pusat ini juga bertanggungjawab untuk menyediakan dan mengendalikan pelbagai prosedur yang berhubung kait dengan beberapa sistem peperiksaan dalam penggunaan bahasa. Prosedur tersebut adalah selaras dengan prosedur yang diguna pakai di peringkat pengajian tinggi dan memenuhi piawaian antarabangsa untuk semua bahasa yang diajarkan di UBD. Untuk tujuan tersebut, Pusat Bahasa telah melaksanakan proses pemantauan dan pengawasan ke atas kursus-kursus kemahiran bahasa dan

pengajaran, pembelajaran dan penggunaan bahasa. Setakat ini, hasil dari penyelidikan dan kajian yang telah dijalankan oleh Pusat Bahasa sedikit sebanyak telah membantu pihak-pihak berkenaan dalam memberikan gambaran mengenai isu-isu yang berhubung kait dengan pengajaran, pembelajaran dan penggunaan bahasa di kalangan pelajar-pelajar UBD sendiri, penuntut-penuntut dan guru-guru sekolah, pegawai-pegawai kerajaan dan swasta serta masyarakat awam di Negara Brunei Darussalam.

Penyelidikan dan kajian yang telah dijalankan di Pusat Bahasa juga telah menghasilkan beberapa penerbitan oleh tenaga akademik pusat ini. Penerbitan-penerbitan yang

SEBAHAGIAN para tenaga akademik Pusat Bahasa sewaktu Mesyuarat Lembaga Pusat Bahasa. - Gambar ihsan Pusat Bahasa UBD.

dihasilkan termasuklah buku-buku teks bagi penggunaan pelajar-pelajar di universiti, kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan di beberapa persidangan serantau dan antarabangsa serta artikel-artikel yang telah diterbitkan di dalam pelbagai jurnal akademik. Dari semasa ke semasa, Pusat Bahasa juga mengendalikannya siri Ceramah Umum (Public Lectures) yang mendedahkan hasil penyelidikan dan kajian tenaga akademik di pusat ini.

Hasil dari penyelidikan dan kajian-kajian yang dilaksanakan oleh Pusat Bahasa juga digunakan bagi merancang dan menyelenggarakan bengkel-bengkel, seminar-seminar dan kursus-kursus Latihan Dalam Perkhidmatan (In-Service) bagi guru-guru bahasa dan pegawai-pegawai kerajaan yang memerlukan.

Pusat Bahasa juga memberikan penumpuan terhadap pentingnya pertukaran pemikiran dan pengetahuan di kalangan para ahli akademik dan pakar-pakar bahasa di rantau ini mahupun di peringkat antarabangsa. Perkaranya tersebut direalisasikan melalui persidangan dan kolokium, sama ada di peringkat kebangsaan, serantau mahupun antarabangsa yang dianjurkan oleh Pusat Bahasa.

Dalam hal ini, Pusat Bahasa telah berjaya menganjurkan persidangan antarabangsa yang bertemakan 'Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Dalam Masyarakat Pelbagai Bahasa' dalam tahun pertama penubuhannya. Persidangan antarabangsa yang kedua dengan tema yang sama akan diadakan pada bulan September 2006 bersempena sambutan memperingati 20 tahun penubuhan UBD.

Pada masa ini, Pusat Bahasa juga sedang bergiat aktif dalam menawarkan perkhidmatan kepakaran dan konsultasi kepada kedutaan-kedutaan asing dan jabatan-jabatan kerajaan dan swasta di Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi kerajaan negara-negara sahabat.

Semenjak penubuhannya, Pusat Bahasa telah menyelenggarakan Kursus Intensif Bahasa Inggeris dalam bidang diplomatik bagi pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China di bawah program pertukaran di antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China (dalam tahun 2001, 2002, 2003, 2004, 2005); Kursus Bahasa Melayu bagi pegawai Kedutaan Besar Kerajaan Thailand di Negara Brunei Darussalam.

Darussalam (dalam tahun 2003); Kursus Bahasa Arab bagi pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam (dari 2004-2005); dan Kursus Intensif Bahasa Inggeris bagi pentadbir-pentadbir sekolah Arab dari Wilayah Autonomi Islam Mindanao (Autonomous Region of Muslim Mindanao) (dalam tahun 2004).

Bermula dari bulan Ogos 2005, Pusat Bahasa juga akan mengendalikan Kursus-kursus Bahasa Inggeris bagi pegawai-pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Selain dari itu, dalam masa yang sama, Pusat Bahasa juga akan mengendalikan Kursus-kursus Bahasa Arab dan Mandarin bagi pegawai-pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Di atas permintaan khas, Pusat Bahasa juga akan mengendalikan Kursus Bahasa Melayu bagi pegawai-pegawai Kedutaan Besar Kerajaan Thailand di Negara Brunei Darussalam.

Khidmat penterjemahan juga merupakan salah satu perkhidmatan kepakaran yang dijalankan oleh Pusat Bahasa. Setakat ini, Pusat Bahasa telah menterjemahkan dokumen-dokumen dan artikel-artikel atas permintaan beberapa kementerian di negara ini. Selain penterjemahan dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dan sebaliknya yang biasa diusahakan oleh Pusat Bahasa, pusat ini juga kerap memberikan khidmat penterjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu atau Inggeris dan sebaliknya, dan juga berupaya membuat penterjemahan dari bahasa-bahasa Jepun, Perancis, Sepanyol dan Jerman ke bahasa Melayu dan Inggeris atau sebaliknya. Perkhidmatan kepakaran ini akan diperluaskan lagi di masa-masa akan datang mengikut permintaan dan ke-



SEBAHAGIAN tenaga akademik Pusat Bahasa dan pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) semasa 'STUDY AT UBD 2005'. - Gambar ihsan Pusat Bahasa UBD.



SEBAHAGIAN para pegawai Kementerian Pendidikan semasa melawat Makmal Multimedia Pusat Bahasa, UBD. - Gambar ihsan Pusat Bahasa UBD.

BERSAMBUNG

BENGKEL MENGARANG BUKU CERITA BERGAMBAR 2005

MATLAMAT

* Menghasilkan Buku Cerita Bergambar yang bermutu juga dapat membuka minda kanak-kanak di samping menanamkan minat membaca.

* Menggalakkan munculnya daya kreativiti dan melahirkan penulis yang berpotensi dalam bidang buku cerita bergambar.

* Memperbanyakkan buku cerita bergambar yang mengandungi pembinaan dan pembentukan pendidikan moral dan mental kanak-kanak.

TEMA

Mendukung Penuh Konsep MIB

ISI DAN FORMAT BUKU CERITA

1. Cerita hendaklah mengandungi pendidikan moral di samping mesej yang sesuai untuk pembentukan minda kanak-kanak berumur 6 hingga 14 tahun.

2. Perkataan yang digunakan mestilah mudah dan diolah dalam ayat yang pendek.

3. Jalanan cerita mestilah jelas dan mudah difahami.

4. Cerita mestilah diolah dengan unsur-unsur ekspresi dan emosi.

5. Cerita mestilah diolah dalam bentuk yang bersaiz A4 potrait atau pandang lintang mengandungi 14 atau 16 muka surat.

SYARAT DAN PERATURAN

1. Peraduan ini terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

2. Manuskrip hendaklah mengandungi cerita yang belum pernah diterbitkan oleh mana-mana pihak.

3. Manuskrip hendaklah karangan asli bukan terjemahan atau saduran dan sebarang cerita lain.

4. Manuskrip boleh ditulis dalam ejaan Rumi Baru atau ejaan Jawi yang disempurnakan.

5. Manuskrip mestilah ditulis jarak dua baris pada sebelah muka sahaja.

6. Penulis hanya dibenarkan mengemukakan sebuah manuskrip dan mestilah dibuat dalam empat salinan berjilid.

7. Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan manuskrip semasa dalam pengiriman. Walau bagaimanapun setiap penyertaan akan disusuli dengan pengakuan penerimaan oleh Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan.

8. Jikalau ada sesuatu perkara yang berbangkit di luar daripada syarat dan peraturan ini, Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan berhak mengambil sebarang tindakan dan keputusan.

9. Ahli Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan tidak dibenarkan menyertai peraduan.

HADIAH

1. Tiga hadiah Penghormatan akan diberikan kepada tiga buah buku cerita bergambar terbaik:

Pertama: \$1,500.00
Kedua: \$1,000.00
Ketiga: \$750.00

2. Lima hadiah Penghargaan masing-masing bernilai \$500.00 juga akan diberikan kepada lima buah manuskrip buku cerita bergambar terbaik.

3. Sekiranya Panel Hakim mendapati tidak ada manuskrip yang benar-benar memuaskan Hadiah Penghargaan tidak akan diberikan.

PANEL HAKIM

1. Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan akan melantik sebuah panel hakim.

2. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

KEPUTUSAN PERADUAN

Keputusan peraduan akan diumumkan selewat-lewatnya pada 1 Ogos 2005.

PERKARA UMUM

1. Hak cipta karya yang menang dipegang oleh penulis sendiri tetapi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam mempunyai hak pertama untuk menerbitkan dalam apa bentuk sekalipun.

2. Manuskrip sama ada yang memenangi hadiah atau tidak, jikalau diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam akan dibayar royalti mengikut kategori pembayaran yang lazim dibuat pada masa kini.

Keterangan lanjut bolehlah didapati daripada:

Setiausaha,
Peraduan Mengarang Buku Cerita Bergambar,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2382511 sambungan 193/197
Borang peraduan hendaklah dikembalikan kepada
Setiausaha Peraduan Mengarang Buku Cerita Bergambar
tidak lewat pada 14 Julai 2005.

4 Projek e-Pendidikan ditandatangani

JERUDONG, 21 Mei. -

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan pembinaan sembilan buah lagi bangunan sekolah iaitu enam buah akan dijadikan sekolah menengah dan dua buah lagi akan diperuntukkan bagi pusat tingkatan enam, sementara sebuah lagi akan dijadikan sekolah


sukan.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berucap demikian di Majlis Penandatanganan Kontrak Perjanjian Projek-projek e-Pendidikan dan Penyampaian Sijil International Computer Driving License (ICDL) berlangsung di Royal Bekshire, Jerudong

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre
Haji Abdullah

Park Polo Club di sini.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, empat buah sekolah rendah baru akan dibina, di samping beberapa buah sekolah menengah, rendah, vokasional dan teknikal yang pada masa kini dalam proses penyediaan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika menandatangani Projek e-Pendidikan. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyerahkan dokumen kontrak bagi e-pendidikan antara Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Awang Haji Abdul Ghani bersama wakil sebuah syarikat tempatan. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Sekolah-sekolah baru dan sekolah-sekolah yang sedang diperbesarakan bangunannya akan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang dapat menentukan keperluan pendidikan masa kini seperti keperluan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), di samping kemudahan pembelajaran dan pengajaran.

Menurut Yang Berhormat, VOTEC akan dapat dijadikan sebagai Pusat Latihan ICT SEAMEO di masa akan datang, di samping bidang tugas yang ada masa kini iaitu sebagai Pusat Latihan Vokasional dan Teknikal.

Sebelum itu, majlis dimulakan dengan penandatanganan empat kontrak perjanjian projek-projek e-pendidikan.

Penandatanganan kontrak perjanjian yang pertama di antara Awang Haji Abdul Ghani bersama Pengarah Pusat SEAMEO-VOTEC, Awang Norhaizuddin bin Haji Mosbi yang dikenali sebagai Projek Sumber Pembangunan Manusia, ICDL merupakan latihan dan peperiksaan kemahiran komputer kepada 1,500 warga Kementerian Pendidikan yang bernilai \$750,000.00. ICDL ialah kelulusan profesional diusahakan dan dikawal oleh International Computer Driving License Foundation.

Penandatanganan kontrak yang kedua ialah di antara Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Awang Haji Abdul Ghani bersama Pengerusi CEO Syarikat Komputer Alif Technologies, Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Kamaluddin dengan projek yang dikenali sebagai e-Library Uni-

versiti Brunei Darussalam (UBD) yang bernilai \$2,683,030.67.

Projek Campus Resource Planning System UBD bernilai \$2,448,027.00 ditawarkan kepada Syarikat Yi Eco-modern Solution Sendirian Berhad dan projek perjanjian ditandatangani oleh Pengarah syarikat tersebut, Philip Yeo Boon Guan bersama Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Awang Haji Abdul Ghani.

Seterusnya Projek Reliable Network PCs and Peripherals UBD ditawarkan kepada Syarikat Unitek Company bernilai \$2,380,884.00 dan ditandatangani oleh Pengarah syarikat itu, Yong Teck Nyek. Kesemua penandatanganan projek perjanjian disaksikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Kemudian Yang Berhormat menyampaikan Sijil ICDL kepada 28 orang peserta ICDL daripada Kementerian Pendidikan.

Kementerian Pendidikan sentiasa peka dengan adanya projek-projek e-pendidikan ini yang boleh membantu terhadap prasarana, pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah. Dengan adanya kemudahan dan kecanggihan penggunaan ICT yang semakin meningkat dan mencabar pada masa ini, boleh membantu ke arah visi e-pendidikan iaitu membentuk Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang lebih berpengetahuan, berfikir, berkemahiran, berdaya saing, berkepercayaan dan cendekiawan bersendikan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-jamaah.

Hubungan pertahanan Brunei - S'pura diperkukuh

BERAKAS, 24 Mei. -

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menerima kunjungan kehormat Ketua Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Dato Paduka Seri Ng Yat Chung.

Hadir sama semasa kunjungan tersebut ialah Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi, Pemrintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Sebaik tiba di Bolklah Garrison, Tuan Yang Terutama menerima tabik kehormat dan seterusnya me-

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar dan
Noor Khadijah Tengah

meriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota-anggota Batalion Ketiga Tentera Darat Diraja Brunei.

Sebelum itu, Pemrintah ABDB juga menerima kunjungan muhibah Tuan Yang Terutama secara berasingan. Kunjungan ini antara lain bertujuan bagi mengadakan perbincangan dan bertukar maklumat mengenai bidang ketenteraan serta bagi memperkukuh lagi hubungan yang sedia terjalin di antara kedua-dua buah negara.

Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Dato Paduka Seri Ng Yat Chung

berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan rasmi selama dua hari. Turut serta bersama Tuan Yang Terutama ialah isteri beliau, Datin Judie Ng.

TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith dan Pemrintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi ketika menerima kunjungan muhibah Ketua Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, TYT Leftenan Jeneral Dato Paduka Seri Ng Yat Chung (gambar atas kanan dan kanan). - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

CERITA LEGENDA MELAYU BRUNEI

PENGENALAN

LEGENDA merupakan sastera rakyat berbentuk naratif yang dianggap sebagai cerita benar. Sesuatu cerita legenda berlaku dalam jangka waktu yang belum lama ketika ia mula diper-tuturkan. Latar belakang berlakunya cerita itu ialah di dunia yang nyata. Dalam cerita-cerita legenda itu ada unsur-unsur sejarah. Sebab itu cerita legenda dinamakan juga sejarah rakyat. Bagaimanapun tokoh tambah telah menyebabkan unsur-unsur sejarah itu terhapus dan akhirnya cerita legenda itu bertukar menjadi sebuah fiksiyen.

Cerita-cerita legenda berkisar tentang individu-individu tertentu yang menjadi kebanggaan sesuatu masyarakat. Mereka mempunyai sifat-sifat luar biasa seperti kuat, sakti dan sebagainya. Sifat-sifat luar biasa yang mereka miliki itu telah ditokok tambah sehingga menjadi suatu mitos. Misalnya mengenai kekuatan mereka yang dikatakan diberi oleh jin atau kerana memakan sesuatu. Unsur-unsur mitos inilah yang telah menyebabkan sesuatu cerita legenda itu bertukar menjadi sebuah fiksiyen.

LEGENDA DALAM SASTERA RAKYAT MELAYU BRUNEI

Cerita-cerita legenda dalam sastera rakyat Melayu Brunei berkaitan dengan sejarah silam Brunei. Cerita-cerita itu berlaku seiring dengan perkembangan sejarah Brunei dan ini menjadikannya sebagai cerita-cerita benar. Bagaimanapun, tokoh tambah telah menyebabkan cerita-cerita itu bercampur aduk antara fakta dengan dongeng dan mitos.

Cerita-cerita legenda itu menceritakan kepahlawanan dan kegagahan orang-orang Melayu Brunei. Mereka terdiri daripada individu-individu yang ada hubungan dengan Sultan-sultan Brunei. Sebab itu cerita mengenai mereka mudah tersebar di kalangan Melayu Brunei. Kehebatan mereka dibesar-besarkan sebagai suatu kebanggaan, contoh teladan, ikutan dan ristaan kepada Melayu Brunei. Mereka ini menjadi pujaan dan sanjungan kerana kegagahan dan kepahlawanan masing-masing.

Di samping tokoh-tokoh legenda kepahlawanan, terdapat juga legenda mengenai Melayu Brunei yang berperangai buruk. Legenda ini juga dibesar-besarkan tetapi bukan untuk sanjungan dan ikutan. Mereka diingati dan diristakan sebagai tokoh

antagonis yang dapat menginsafkan Melayu Brunei supaya tidak berperangai dan bersikap seperti mereka.

BENTUK LEGENDA MELAYU BRUNEI

Cerita legenda dalam sastera rakyat Melayu Brunei dapat digolongkan kepada tiga, iaitu legenda kepahlawanan, legenda penderhaka dan legenda pendosa. Ketiga-tiga golongan legenda ini disampaikan sama ada dalam bentuk syair atau prosa.

LEGENDA KEPAHLAWANAN

Legenda ini terdiri daripada tokoh-tokoh yang menjadi kebanggaan Melayu Brunei. Mereka merupakan manusia luar biasa kerana mempunyai keistimewaan tertentu. Hidup dan mati tokoh-tokoh ini adalah bagi kepentingan raja, bangsa dan negeri.

Cerita mengenai kepahlawanan Melayu Brunei banyak tercatat dalam sejarah Brunei iaitu sejak Sultan Brunei yang pertama lagi. Catatan mengenai tokoh-tokoh itu bercampur aduk antara fakta sejarah dengan dongeng termasuk mitos mengenai mereka.

AWANG SEMAUN

Cerita Awang Semaun sangat terkenal di kalangan Melayu Brunei. Sumber awal mengenai legenda ini diperoleh melalui syair yang berjudul Awang Semaun.

Awang Semaun adalah adinda Awang Alak Betatar. Mereka ini dikatakan berasal dari kayangan. Awang Semaun terkenal kerana gagah perkasa dan mempunyai kekuatannya yang luar biasa. Kekuatan itu dikatakan diperolehinya setelah memakan ikan sumpit-sumpit. Beliau juga termasyhur kerana pandai menyumpit, kerana kegagahannya itu Brunei telah menjadi sebuah wilayah yang besar. Atas jasanya itu, dia telah dikurniakan gelaran Pengiran Temenggong oleh Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad).

Awang Semaun seorang yang sangat taat kepada raja. Dia sanggup melakukan apa-apa sahaja yang dititahkan walaupun terpaksa mengadai nyawa. Dia pernah pergi ke Johor untuk mengambil puteri Raja Johor sebagai isteri Awang Alak Betatar.

Awang Semaun gemar berburu, menangkap ikan dan berlumba perahu. Hasil-hasil perburuan dan menangkap ikan itu di-

persembahkannya terlebih dahulu kepada Awang Alak Betatar sebelum dibawanya balik ke rumah. Kegemarannya berlumba perahu menjadi warisan kepada Melayu Brunei sekarang.

PENGIRAN BENDAHARA SAKAM

Pengiran Bendahara Sakam ialah putera Sultan Abdul Kahar dengan isteri baginda puteri Raja Bajau di Sabah. Beliau merupakan seorang yang sangat gagah dan taat kepada sultan. Seperti Awang Semaun, beliau sanggup melaksanakan apa-apa sahaja yang inginkannya berkuatkuasa. Sikap bertanggungjawab, berani dan gagah menyebabkan beliau dipercayai dan disayangi. Jika dia marah, api seolah-olah keluar daripada mulutnya.

Pengiran Bendahara Sakam sangat terkenal kerana telah menewaskan dan menghalau Sepanyol yang telah menakluki Brunei. Sebagai penghargaan terhadap jasa itu, Sultan Saiful Rijal telah mengurniakan gelaran Raja Bendahara kepada beliau.

SI-TARING

Si-Taring dikatakan sebagai anak jin. Beliau merupakan panglima Sultan Saiful Rijal yang mengawal keselamatan baginda setelah melarikan diri ke Jerudong. Si-Taring terkenal kerana kegagahan dan keberaniannya. Beliau dan Pengiran Bendahara Sakam terlibat sama menewaskan dan menghalau Sepanyol dari Brunei. Dengan lembing sakti yang dimilikinya, beliau telah berjaya membunuh ketua angkatan perang Sepanyol di Brunei. Sebagai penghargaan jasa itu, Sultan Saiful Rijal telah mengurniakan gelaran Orang Kaya Harimau Padang kepada beliau. Sejak itu beliau dikenali sebagai Orang Kaya Harimau Padang Taring.

LEGENDA PENDERHAKA

Legenda ini mengisahkan mengenai Melayu Brunei yang melanggar perjanjian 'orang Brunei

CERITA-CERITA legenda itu menceritakan kepahlawanan dan kegagahan orang-orang Melayu Brunei. Mereka terdiri daripada individu-individu yang ada hubungan dengan Sultan-sultan Brunei. Sebab itu cerita mengenai mereka mudah tersebar di kalangan Melayu Brunei. Kehebatan mereka dibesar-besarkan sebagai suatu kebanggaan, contoh teladan, ikutan dan ristaan kepada Melayu Brunei. Mereka ini menjadi pujaan dan sanjungan kerana kegagahan dan kepahlawanan masing-masing.

pantang derhaka kepada raja'. Mereka menjadi pengkhianat dan pembelot terhadap raja, agama Islam, negeri dan bangsa. Mereka didorong oleh cita-cita yang inginkannya berkuasa menjadi raja dan pembesar, di samping perasaan ingin membalas dendam. Cita-cita dan perasaan itu mendorong mereka bekerja sama dengan musuh atau orang asing yang ingin menakluki negeri sendiri. Bagaimanapun, cita-cita mereka tidak kesampaian kerana dikhianati oleh orang asing yang mereka bantu. Mereka sebenarnya dijadikan alat untuk mencapai cita-cita orang asing menakluki Brunei.

PENGIRAN SERI LAILA DAN PENGIRAN SERI RATNA

Tindakan Pengiran Bendahara Sakam mengambil atau merampas anak Pengiran Seri Ratna yang menjadi isteri anak Pengiran Seri Laila semasa sedang bersanding telah menimbulkan dendam di hati kedua-dua Pengiran itu. Dendam mereka semakin membara apabila Sultan Saiful Rijal tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas Pengiran Bendahara Sakam. Kebetulan ketika itu Brunei sedang berkonfrantasi dengan Sepanyol yang menduduki Filipina.

Pengiran Seri Laila dan Pengiran Seri Ratna telah pergi ke Manila untuk berkomplot dengan Sepanyol menakluki Brunei. Sepanyol ibarat 'orang mengantuk disurungi bantal' menerima pelawaan kedua-dua Pengiran itu dengan hati terbuka. Sekiranya rancangan menakluki Bru-

nei berjaya, Sepanyol berjanji menjadikan Pengiran Seri Laila sebagai Sultan dan Pengiran Seri Ratna sebagai Bendahara.

Dengan bantuan kedua-dua Pengiran itu, Brunei telah jatuh ke tangan Sepanyol. Sepanyol tidak menunaikan janji mereka kepada kedua-dua Pengiran itu. Lebih kurang dua tahun kemudian, Sepanyol telah ditewaskan dan dihalau dari Brunei oleh Pengiran Bendahara Sakam dan pengikut-pengikutnya. Pengiran Seri Laila dan Pengiran Seri Ratna yang menjadi penderhaka itu telah dibunuh oleh Pengiran Bendahara Sakam. Pengiran Seri Laila dibunuh di Bakut Jambu, sementara Pengiran Seri Ratna di Belait.

LEGENDA PENDOSA

Legenda pendosa mengisahkan anak Melayu Brunei yang derhaka kepada ibunya. Ibu yang hatinya luka dan terkilan dengan perbuatan anaknya yang malu mengakuinya sebagai ibu telah menyumpah anaknya menjadi batu. Legenda ini dianggap oleh Melayu Brunei sebagai kisah yang benar. Mereka menceritakan kisah ini dengan menunjukkan fenomena alam yang berkaitan dengan kisah ini. Misalnya, jong batu atau ajung batu bagi menunjukkan Nakhoda Manis yang telah disumpah oleh ibunya menjadi batu.

Dalam konteks kesusasteraan Melayu, kisah legenda pendosa dikategorikan sebagai legenda menjelajah kerana banyak didapati dan ditemui di Nusantara ini. Kisah-kisah itu mempunyai ciri-ciri

yang sama dari segi watak dan isi cerita. Bagaimanapun, watak legenda pendosa dalam sastera rakyat Melayu Brunei sedikit berbeza dengan watak-watak pendosa di Nusantara ini. Jika watak-watak pendosa di tempat lain merupakan anak tunggal ibu bapa yang miskin, watak pendosa di Brunei pula anak tunggal ibu bapa yang kaya-raya.

NAKHODA MANIS/ANAK KUDA MANIS

Nakhoda Manis merupakan anak seorang hartawan Brunei yang mempunyai harta tujuh gedung di darat dan tujuh gedung di laut. Ibu Nakhoda Manis bernama Dang Embun. Dia sangat menyayangi Nakhoda Manis kerana dia merupakan anak tunggal.

Suatu hari Nakhoda Manis meminta izin ibunya untuk belayar berniaga. Pada mulanya ibunya menolak permintaan itu. Oleh sebab Nakhoda Manis berkeras hendak pergi, maka terpaksa dibenarkannya dengan berat hati. Nakhoda Manis pun pergi bertahun-tahun lamanya.

Semasa ketiadaan Nakhoda Manis, ibunya Dang Embun selalu berdoa untuk kesejahteraan anaknya. Setiap hari dia bersedekah sehingga harta benda yang banyak itu habis. Ibu Nakhoda Manis jatuh miskin malahan menjadi papa.

Suatu hari Nakhoda Manis pulang daripada pelayaran dengan kapal yang besar. Dia telah membawa bersama isterinya yang kaya-raya. Dang Embun pergi mendapatkan Nakhoda Manis dengan keadaan yang sangat daif. Nakhoda Manis malu mengaku Dang Embun sebagai ibunya. Dia mengarahkan anak-anak kapal menghalau Dang Embun. Dang Embun merasa terkilan dengan sikap anaknya itu. Dia berdoa kepada Tuhan agar Nakhoda Manis menerima balasan. Doanya dimakbulkan dan Nakhoda Manis dan kapal serta segala isi di dalamnya bertukar menjadi batu.

PENUTUP

Legenda kepahlawanan merupakan lambang semangat nasionalisme Melayu Brunei. Kisah-kisah kepahlawanan Melayu Brunei pada zaman lampau memperlihatkan semangat bekerjasama, perjuangan, keberanian, kesetiaan dan kejujuran terhadap tanah air. Tokoh-tokoh pahlawan itu menjadi kebanggaan, sanjungan dan ristaan zaman-berzaman Melayu Brunei. Banyak hal-hal yang berkaitan dengan tokoh-tokoh itu menjadi panduan dan pegangan Melayu Brunei sehingga sekarang. Antaranya amanat Pengiran Bendahara Sakam yang menyeru Melayu Brunei supaya berani mempertahankan hak mereka dan menunjukkan taat setia serta jujur terhadap sultan.

Legenda penderhaka, meskipun memberikan gambaran yang kurang baik mengenai Melayu Brunei, masih mengandungi amanat yang tinggi nilainya. Melayu Brunei ditegah mengkhianati bangsa, tanah air, negeri, raja dan agama kerana perbuatan itu sangat merugikan. Legenda pendosa pula berperanan mendidik anak-anak Melayu Brunei supaya tidak menderhaka terhadap ibu bapa, di samping mengingatkan ibu bapa supaya tidak terlalu memanjakan anak-anak secara berlebihan.

BIBLIOGRAFI

Ismail Hamid, DR 1987. *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Muhamad Jamil Al-Sufri, YDM POKAD DSU Haji Awang 1973. *Catatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei Jilid II*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainon Sheikh Ahmad 1999. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional Untuk STPM Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Penerbit Elman.

CERITA legenda dalam sastera rakyat Melayu Brunei dapat digolongkan kepada tiga, iaitu legenda kepahlawanan, legenda penderhaka dan legenda pendosa. Ketiga-tiga golongan legenda ini disampaikan sama ada dalam bentuk syair atau prosa.

Dari muka 12

"Rahmat! Minta maaf ku arahmu kali ini barulah ku ada masa kan memberitahu arahmu. 'Mungkin', kufikir atutah perkataan yang akan terkeluar dari mulutmu nanti tapi bagiku ia adalah sesuatu yang pasti."

"Apa yang kan kau cakapkan ani Sheila?" soalku begitu hairan sekali.

"Rahmat!... Sebenarnya aku lebih sayangkan kau sebelum Shamsul..." kata-kata Sheila terputus sebab aku memotong kapaknya.

"Sheila! Yang sudah berlaku itu jangantah diungkit lagi, karang jadi bebanmu saja anggapah semua ani takdir kitani inda dapat menolaknya. Buanglah yang keruh ambil yang jernih."

"Rahmat! Kalau kau kan tau yang jernih itu inda dapat lagi menenangkan jiwaku yang sentiasa parah ani cuma menunggu saat akhirnya saja lagi."

"Indaku faham cakapmu ani?" tanyaku kehairanan.

"Sebenarnya doktor mengesahkan, aku menghidap leukimia."

"Hah! Ya Allah. Mengapa baru ani kau memberitahu?" Paji Borhan sama buayah tau sudah? aku menyahut pantas kerana terkejut mendengarnya.

"Bisdorang tau sudah semua tapi indaku menyuruh memberitahu arah siapa-siapa. Sebenarnya batuh sudah penyakitku ani ganya kubawa-bawai, kuatkan hatiku," balas Sheila menjelaskan.

Kini hancurlah harapanku untuk menyatakan kebenaran yang telah kukumpul selama ini dan aku tidak akan lupa segala kenanganku bersama Sheila dufu. Kini pula aku lebih rasa bersimpati dengan keadaan Sheila sekarang.

Malam penuh sepi Sheila tidak lena tidur kerana mengenangkan hari-hari yang dilaluinya begitu singkat cuma kesedihan saja yang sentiasa menyelubunginya, namun ia pasrah dan tak putus berdoa kerana hidup dan mati itu Allah sahaja yang menentukan.

Azan Subuh kedengaran jelas ke telinga Sheila lalu ia segera

bangkit dari pembaringan dan segera untuk mengerjakan sembahyang. Ketika Sheila hendak masuk ke biliknya pandangannya menjadi kabur dan kepalanya terasa pening serta tak terdaya hendak berbuat apa-apa lalu rebah. Waktu itu kebetulan Haji Borhan baru bangun kerana hendak mengambil wuduk dan panik melihat Sheila terlentang di lantai lalu ia segera membangunkan isterinya.

Kicauan burung-burung di waktu pagi yang cerah di halaman hospital menyamakan keresahan hati yang gundah-gulana tapi tidak bagi Sheila yang terbaring atas katil dengan wajah yang begitu pucat sekali. Aku cuma memandangnya sambil di hatiku berdoa semoga Sheila dilindungi Allah dan agar hatinya tabah menghadapi ujian ini.

"Tua! Bilaku mati kuburku hampir kubur bapa sama mama ah dan sebelumku mati kalau sempat bawaku melawat kubur Shamsul," kata Sheila dengan nada sedih dan serak-serak. Haji Borhan dan isterinya cuma mengangguk sambil memerhatikan Sheila menitikkan air matanya yang

teramat pilu. Aku amat simpati memandang Sheila disaluti dengan rasa yang tidak menentu mengganggu diriku.

"Berehattah kau Sheila bawa membaca-baca. Kuatkan saja hatimu dan jangan lupa banyakkan berdoa," kata Hajah Jamilah turut bersedih selesainya membaca Surah Yaasin.

"Tua!... Johari! Boleh biskita keluar dulu sekejap? Biarlah Rahmat tinggal di sini dulu ada kan kuatkan," pinta Sheila mengharap dengan nada yang terlalu perlahan. Aku begitu hairan dengan sikap Sheila membuatkan aku tertanya-tanya apakah yang hendak dicakapkannya kepadaku sehingga membuat hatiku berdetak-detak. Aku lalu menarik kerusi menghampiri Sheila.

"Rahmat!... Sebelumku mati aku minta maaf... sebab aku inda sempat kawin sama kau... Sebenarnya aku ingin jadi bini-mu... tapi hayatku inda panjang... ajalku sudah sampai masanya... mungkin bukannya jodohku sama kau... jadi aku minta izin arahmu... sebelum nafasku berakhir... halah-

KEADAAN tenang bertukar menjadi pilu disebabkan oleh tangisan sayu Hajah Jamilah yang kelihatan memeluk dan membelai-belai rambut Sheila dengan penuh kasih sayang. Betapa sebak perasaan hati tidak terperi dirasakan ketika itu sepertinya sebuah drama televisyen yang menyayat dan menyentuh hati. Kutatap puas-puas wajah Sheila yang terbujur kaku sambil kuberdoa semoga rohnya aman dan dicucuri rahmat.

kan segala makan dan minumku... ampunkan dosa-dosaku dan pintaku yang akhir sekali... boleh kau memegang tanganku kuat-kuat... supaya hatiku aman di sisimu." Sheila berbisik perlahan kepadanya dengan suara yang terputus-putus.

"Sheila! Aku inda sangka rupanya kau masih sayangkan aku, sebenarnya aku pun masih cinta arahmu tapi sampai setakat ani saja Tuhan lebih sayangkan kau, apa jua bolehkan dibuat semua sudah ditakdirkan terjadi," kataku lalu menoleh Sheila yang sempat memberikan senyumnya sesaat padaku.

Suasana di ruang bilik sunyi seketika dan aku hanya terdiam lalu me-

ngikut seperti yang diarahkan oleh Sheila. Kugenggam erat tangannya sambil meramas-ramas jarinya yang kurasakan sangat sejuk lagi kurus itu lalu mencium mesra kemudian kuletakan kembali tangan Sheila. Rasanya ingin terus aku menggenggam lebih lama lagi jemarnya tetapi kurasa tidak manis dipandang orang sekeliling. Kembali aku membetulkan dudukku dan ketika aku mengangkat mukaku kerana ingin mengatakan sesuatu kepadanya, kulihat tubuh Sheila kaku tidak bergerak dan kualih pandang melihat mukanya begitu pucat sekali berbeza sebelumnya. Di saat itu juga aku sempat terlihat tetitis air mata jatuh ke pipinya

dan sebelum itu aku sempat terdengar suaranya meluahkan kata 'Allah'. Rupa-rupanya itulah kali terakhir aku melihatnya kerana Sheila sudah tiada lagi di dunia ini dan pergi buat selama-lamanya.

Keadaan tenang bertukar menjadi pilu disebabkan oleh tangisan sayu Hajah Jamilah yang kelihatan memeluk dan membelai-belai rambut Sheila dengan penuh kasih sayang. Betapa sebak perasaan hati tidak terperi dirasakan ketika itu sepertinya sebuah drama televisyen yang menyayat dan menyentuh hati. Kutatap puas-puas wajah Sheila yang terbujur kaku sambil kuberdoa semoga rohnya aman dan dicucuri rahmat.



PENYELIA Kanan Daerah Brunei 1 dan 3, Awang Haji A. Said bin A. Yusop menerima sumbangan alat kebersihan gigi oleh wakil Pusat Pergigian Negara. - Gambar oleh Masri Osman.

Penjagaan gigi perlu diberikan perhatian

BENGKURONG 26 Mei. - Ibu bapa dan penjaga harus mengambil perhatian dan inisiatif dalam memastikan kesihatan terutamanya penjagaan gigi yang baik bagi anak-anak mereka.

Guru Besar Sekolah Menengah Bengkurong, Cikgu Haji Sizat bin Haji Kamis berucap demikian di Majlis Mempromosikan Kesihatan yang berlangsung di sekolah tersebut.

Tujuan utama mempromosikan kesihatan untuk menunjukkan kepada murid-murid dan ibu bapa mengenai cara penjagaan

gigi yang lebih baik dan sempurna.

Majlis diteruskan dengan Perasmian Piagam Sekolah oleh Penyelia Kanan Daerah Brunei 1 dan 3, Awang Haji A. Said bin A. Yusop selaku tetamu kehormat diikuti dengan penerimaan sumbangan alat kebersihan gigi oleh wakil Pusat Pergigian Negara.

Sementara itu Majlis Penyampaian Cenderahati kepada Awang Haji A. Said

dan wakil Pusat Pergigian Negara disampaikan oleh Guru Besar Sekolah Rendah Bengkurong.

Kemudian majlis diakhiri dengan aktiviti-aktiviti yang diselenggarakan oleh Pusat Pergigian Negara, Kementerian Kesihatan seperti 'Puppet Show', demonstrasi memberus gigi, pertunjukan video, menyaksikan pameran, 'Cross Word Puzzle' dan 'slide show'.

STPRI dinobatkan juara Pertandingan Projek Membina Model Jambatan

Oleh Haji Ahmad
Haji Salim
ahmad-salim@information.gov.bn

GADONG, 21 Mei. - Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) dinobatkan juara Pertandingan Projek Membina Model Struktur Jambatan daripada penyedut plastik sekali gus menewaskan enam buah sekolah menengah yang lain berlangsung di Sekolah Menengah Mengalait di sini.

Tempat kedua disandang oleh Sekolah Menengah Mengalait dan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam. Serasa menduduki tempat ketiga.

Sejumlah tujuh buah sekolah menengah menyertai pertandingan yang



PASUKAN Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) juara Pertandingan Projek Membina Model Struktur Jambatan bersama model jambatan daripada penyedut plastik. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

disempenakan dengan Program Pengayaan tahun 2005 bagi sekolah-sekolah menengah anjuran bersama Unit Pendidikan Khas (UPK) dan Guru-guru Program Pengayaan Sekolah Menengah.

Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Mengalait, STPRI, Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA), Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Maktab Sains Paduka Seri

Begawan Sultan.

Hadiah-hadiah di majlis itu disampaikan oleh tetamu kehormat, Pemangku Penolong Pengarah (DS1), Jabatan Sekolah-Sekolah, Pengiran Haji Idris bin Pengiran Haji Bakar.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil-sijil kepada 25 orang guru-guru rendah dan menengah yang telah menyertai Program Pengayaan Sekolah Menengah yang diadakan pertama kali tahun lepas oleh UPK, Kementerian Pendidikan.

Tujuan pertandingan antara lain ialah membentuk dan meningkatkan kreativiti di kalangan pelajar dengan menggunakan kemahiran berfikir masing-masing, di samping belajar/bekerja secara berpasukan dan meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi serta mengasah sifat kepimpinan pelajar.



CARA-CARA memberus gigi yang betul diajarkan kepada murid-murid Sekolah Rendah Bengkurong. - Gambar oleh Masri Osman.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

BANGAU OH BANGAU

Kadang-kadang terasa jemu
melihat bangau bertinggir
di mana-mana ...!
kedai gunting
stesen minyak
kedai runcit
malah di hujung rumput.

Barangkali bumi ini
manis bak madu
lalu mengaut sebanyak mungkin
datang sehela sepinggang
pulang jadi jutawan terbilang.

Barangkali juga sudah ditakdirkan
bumi ini tempat cari makan
bangau-bangau berterbangan
tidak sekurus dulu
kerana rumput
sudah dipotong.

BISNES

Semalam ...
kuaturkan sebuah perjanjian
mengenai bisnes keduniaan
untuk lipat candas
kau ligat datang.

Hari ini ...
kusediakan lagi satu perjumpaan
mengenai perdagangan akhirat
labanya berlipat ganda
tapi kau tak kunjung tiba.

Mana yang lebih utama
dunia atau akhirat ...!

Maya Brunei

GILA BAYANG

Kuseru namamu
kusebut keturunamu
mungkin kau lebih dekat padaku
jangan kau lari dariku
aku kan sayang kau
aku rindu kau
bangunlah dari baringmu
bayangkan aku di dalam rindumu
ayah berjalan dan berdiri
cari dan satukan aku.

Di serambi bilik, pastikan imajinasimu
kau dan aku duduk di situ
lihat di langit dari celah jendela itu
aku ada di awan biru
bulan bintang dilindungi mendung
aku duduk di sana berayun
tapi kau di Syurga Firdaus
tinggi di atas kayangan, bagaimana
kucapai tangan?
kalau kita bersama di bumi.

Kau tidak dapat lari
aku pasti mengikut
di manapun kau berada
aku tetap setia
kupohon untuk ditakdirkan, biar bersama
mati berdua
tapi kau tidak tahu siapaku, aku saja
angan-angankan kau
di dalam kembara di sinar bahagia
mengusik jiwa dan di dalam rahsia cinta.

Haji Mat Noor Matussin

RUMAH KITA

Di sini rumah kita
hayat kita
ujian kita
maka kita amat perlu sekali
muhasabah diri

adalah sebaik-baik perkara
bagi setiap pasangan suami isteri
yang inginkan rumah tangganya
aman dan bahagia.

Rumah kita
nikmat kita
kesejahteraan kita
kitalah yang bertanggungjawab
kita tanamkan sifat hormat-menghormati
dan saling faham-memahami
antara satu dengan lain
di samping itu kita janganlah lupa
berdoa
beristiqamah
dan bertawakaltuallah
agar kebahagiaan rumah tangga berkekalan
dalam rahmat abadi Tuhan
amin !!!

SALAT II

Muslim
kenallah diri kita ini
segala cinta dan kasih dilabuhkan
penuh pasrah kemurahan dipanjatkan
berzikir, berdoa dan bersalat
salat penyerahan jiwa dan badan
Innassalaati Wamusuiki
Wamahaaya Wamamaati
Lillahi Rabbilalamin.

Muslim
dirikanlah salat
salat itu tiang agama
dengan bersalat mengingati Allah
hati kita menjadi sakinah
Lailaahailallah
Muhammadar Rasulallah.

Rahim M. S.

MENUJU JALAN DIRI

Betapalah derita sendiri mengerti
telah lama dilukai tajam duri
tuntit telah perih mengembara
realiti dihantui segala kecurigaan.

Apalah gemuruh kepalang janji
kehadiran demi kehadiran menggoncang sukma
bersimpul khabar dendaman diri
bermula dari gugusan awan senja.

Kulayangkan perasaan ke wajah senja
yang ungu
pada penghidupan yang luka dan mencabar
membiarkan diri menerima kenyataan
memandang perjalanan semakin jauh
ke dalam diri.

Dari kamar ini yang sering menyaksikan
mencatat pertanyaan hidup atas nama
pencarian
kembali ke pelabuhan menuju jalan diri
dengan keinsafan menghentikan impian Subuh.

MENGUCUP ERTI PENGHIDUPAN

Di pintu-pintu kehibaan kita terpacak
terserlah dengan berita gila sehari-hari
diiringi pengucapan mekar tersusun
untuk menjengah Neraka kecintaan manusia.

Bukan sekali ini bumi resah bergegar
dari penjuru barat gerimis salji
menjamah setenang-tenang hati manusia
kudus suci hingga kelima benua.

Kesepian merupakan ujian kasih yang terpisah
mengucup erti penghidupan yang berdarah
dari kekaburan yang telah sedia diperkatakan
dalam kelembutan hari yang penuh misteri.

Alwi S. M.

ROBOHNYA SERAMBI KAMI

Tanah di sebelah sini
terbilang di seluruh gugusan Melayu
pedagang Timur Tengah dan Barat
bertemu janji di serambi kami.

Di serambi kami
bersantai dagangan ilmu
menyulam hujah kebenaran
lantas terhasil timbunan kitab.

Terpacak gunung kitab
meledakkan lahar ilmu
agama Islam tunggak kehidupan
serambi kami gilang-gemilang.

Naruddin Ar-Raniri mengorak langkah
langkah panglima menghunus ilmu
tinta hitam mewajahi kitabmu
Sirat Al-Mustaqim khazanah gugusan
terjelma di tanah gemilang.

Lima abad meniti usia
telah membina bicara
langkah perajurit menghunus nafsu
tinta merah mewajahi bumi
serambi kami berlonggokan korban.

Hilang ketuk hilang salam
tiba datang menyung bumi
setinggi bukit berlari ke pantai
merempuh segala menghadang
tumbang rebah serambi kami
gegak-gempita goyah patutan
robah juga serambi kami.

MBHJ

SIFAT KEPIMPINAN

Kududuk di depan alat yang canggih
ku dikelilingi oleh teman seperjuangan
ku diarah oleh hamba yang bergelar ketua
kulayan setiap kerenah pelanggan
kudengar segala komen ketua beri.

Nyawa satu tangan ku dua
daku dikerah tugas bertimbun
tak cukup dengan itu!
daku dilempar dengan tugas tambahan.

Bersidang, berbincang yang dirancang
diminta segala keputusan pandangan
masalah diuraikan dibentangkan
namun itu bukannya satu alasan.

Di manakah persoalan yang tiada
berpenghujung
bukan bantahan hanya satu cadangan
apakah sebenar yang dimajukan?
pandai sendirilah saja yang buat keputusan.

TUGAS

Tiap hari ku tidak lari darinya
untuk itu kulakukanya
gagal ataupun sebaliknya
aku tetap terus berusaha
sampai aku puas menikmatinya.

Hari berlalu seperti selalu
aku tidak pernah merasa jemu
ramai yang pasrah apa yang berlalu
ingin ingkar terimalah padamu
akan tetapi itulah hakikatmu
namun kau tak dapat lari dari itu.

Hanya berserah pada Illahi
itu pun terpaksa kulalui
demi untuk masa depan ku ini
untuk diri di kemudian hari
pasrah kulakukan tugas ini.

Briduanda

SYAHDU KAU BUKAN MILIKKU

Awal kujumpa dirimu
mata kita saling beradu
tiada kuduga ada rasa syahdu
senyummu menawan hatiku.

Kini kau jauh dariku
kau bukan milikku
kurasakan cemburu
jika dia di dekatmu.

Walau kau bukan untukku
aku akan selalu berdoa untukmu
semoga kau bahagia selalu
bersama dia pilihanmu
sampai akhir hayatmu.

MAAFKAN DAKU

Maafkan ...
bukan maksud hatiku melukaimu
jika cinta kau harapkan dariku
kupohon maaf darimu
ku tak dapat beri apa yang kau mahu.

Maafkan ...
tiadaku bermaksud mengenepikanmu
bukan pula ku menolokmu
cinta datang bukan dari paksaan
tapi tumbuh dari rasa ketulusan.

Maafkanlah daku
kupergi jauh darimu tanpa permisi
demi menggapai mimpi
yang tiada pasti.

Semoga kau dapat pengganti
yang baik hati
jadi kekasih sejati
sampai akhir hayat nanti.

Deelah

MUKA TEMBOK

Keringat perih yang terjatuh sisa meresap
antara granit
mereka adalah moyangmu yang mengajar
dan mengejar
perjalanan sutera mengaut menulis benua
merdeka
lima alaf berlalu benteng ini tetap menunjang
lereng
membiarkan tapak-tapak berinjakan
di Badaling
tembok perkasa jadi balai tamadun maya
sebuah dunia kutukan menjadi segar meski
nyawa, nafas dan darah terhimpit dalam
susunan peragut.

Kini
apa mau disukat antara 3,000 atau 600
kilometer
tembok benci tertancak di bumi bebal
parut dan kawad duri, peluru dan kamera litar
mengintai mangsa hari pembunuhan
mencari suara-suara keadilan untuk dibedil
sayup dipihit jenolak puaka Ramallah
sebuah dunia kutukan menjadi besar meski
rintih perit berlagu bias di dewan kuburan.

Tragedi menanti tembok menghempap
bayang dan tapak
sementara pentas komedi dipenuhi para badut
air mata yang melimpah adalah sendu tawa
sidang bulatan bangsa tamadun sengaja santai
menyentap kudapan roh berintikan sumpah
teriakan
mata dan mulut berbalut jantung mati
di usungan
paramedik hanya sempat menyalin ludah
terpalit
di tembok menanti langit runtuh bumi pecah.

Z. A. Brunei



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentias Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلیویشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB ber
menunjuk mana-m
jua rancangan

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

	PAGI	Sambungan	PETANG			'Misteri Di Balik Tabir'
R		10.00 RANCANGAN HARI INI	4.00 LAGU KEBANGSAAN	6.31 AZAN MAGHRIB		
A	6.00 PEMBUKAAN/LAGU	10.02 TELENОВОLA-	4.02 TILAWAH AL-QURAN	6.45 SINAR	9.30 RHYTHM FIESTA	
B	KEBANGSAAN	'Daniella'	4.15 RANCANGAN HARI INI	MALAM	10.00 NEWS AT 10	
U	6.02 TILAWAH AL-QURAN	10.50 GADGET AND GISMOS	4.20 SESAME STREET YR. 32	7.00 LIPUTAN SEMASA	10.30 BRUNEI LEAGUE 2005	
	8.15 RAMPAI PAGI -	11.20 LIPUTAN SEMASA	5.20 GILLETTE WORLD OF	7.30 CRB	11.00 SEMINAR HARI	
	Siaran Langsung		SPORT	7.45 AZAN ISYAK	KEBANGSAAN	
8	9.00 BERITA	11.35 DRIVE	5.45 BERITA	8.00 BERITA NASIONAL	11.50 THE PRACTICE YR. 8	
JUN	9.15 RAMPAI PAGI -	12.00 SIARAN TAMAT	6.00 INNOV 8	8.50 DRAMA -	12.40 DOA DAN SIARAN TAMAT	

[illegible]

J U M A A T 10 JUN	PAGI	10.02	GLADITOR ACADEMY		JUMAAT- Siaran Langsung	3.45	AZAN ASAR	7.20	DEKOR
		10.25	WHAT DO YOU THINK ABOUT THAT?			3.50	TAYANGAN GAMBAR CHINA - Sambungan	7.47	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN		PETANG			SPORT PAGES	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.50	BEING EVE	1.30	VISI SUCI	4.35	9.00	FIKIR-FIKIR SR. 4
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.15	PUSAT EHSAN	2.00	TETAMU SUKAN - Little/Dr. Otter'	5.00	9.30	THE GAME PLAN
	9.00	BERITA	11.30	BERITA			5.45	10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.45	JEJAK RASUL SR. 9 - Ulangan	2.30	DIARI KEHIDUPAN	6.00	10.40	KHUTBAH JUMAAT
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.15	GREAT MOMENTS IN SCIENCE AND TECHNOLOGY	3.00	TAYANGAN GAMBAR CHINA - 'Master Wong Vs Master Wong'	6.32	10.55	TELEDRAMA - 'Sepi Angin Ke Kota London'
			12.30	SEMBAHYANG FARDU			6.45		
							MALAM		
						7.00	LIPUTAN SEMASA	12.55	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU		11 JUN		PAGI		KIDS HOUR - 'Bug Alert/Lit' Elvis Jones & The Truckstoppers'		12.21		AZAN ZUHUR		'A Natural History of Ocean'		7.46		AZAN ISYAK	
		6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN					12.45		PANGGUNG PETANG				8.00		BERITA NASIONAL	
		6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.55		CONTROL FREAKS				5.00		KIDS HOUR - 'The Great Book Of Nature'		8.50		HIBURAN Hujung MINGGU -	
		6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.20		DRAMA - 'SAMBAT MALAM HARI' - Ulangan		2.15		DOKUMENTARI		5.45				Siaran Langsung	
		9.00	BERITA	11.30		BERITA		2.45		EXPERIENCE BRUNEI		6.00		10.00		NEWS AT 10	
		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.05		DOKUMENTARI: MENARA IMPIAN - 'Bidang Perguruan'		3.15		CHICAGO HOPE YR. 6 - 'Oh What A Piece Of Work Is Mon'		6.32		10.30		TAYANGAN GAMBAR - 'Baby'	
		10.00	RANCANGAN HARI INI					3.47		AZAN ASAR		6.45		12.00		ARE YOU BEING SERVED	
								4.10		BLUE PLANET -		7.00		12.30		DOA DAN SIARAN TAMAT	
												MALAM					
												7.30					
												DUNIA ASIA					
												INCREDIBLE JOURNEY					

PAGI		'We All Live Here' Sr. 2/ 'Time Blazers'		LEAGUE 2004/2005		MASYARAKAT		7.48		AZAN ISYAK	
A H A D 12 JUN	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.00	KIDS CORNER	1.45	ENGLISH PREMIER	5.05	ANIMATION - 'Maple Town'	8.00		BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	11.15	SUNDAY MATINEE -		LEAGUE 2004/2005 -	5.30	WILDLIFE DIARY	8.50		30 TAHUN
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		'Undercover Angel'	2.40	JUARA - Siaran Langsung	5.45	BERITA			PERKHIDMATAN RBA
	6.15	RAMPAI PAGI -	11.30	BERITA	3.15	RIPLY'S BELIEVE IT OR	6.15	MODERN MANAGEMENT	9.35		TIRAI KELUARGA -
		Siaran Langsung	11.45	SUNDAY MATINEE -		NOT	6.32	AZAN MAGHRIB			'Pendekar'
	9.00	BERITA		Sambungan	3.47	AZAN ASAR		PENGAJARAN DARI	10.00		NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.21	AZAN ZUHUR	4.10	PERTUKARAN	6.45	AL-QURAN	10.30		TIRAI KELUARGA -
		Sambungan				RANCANGAN MOU					Sambungan
	10.00	RANCANGAN HARI INI				(RTB/STV12) 'RAKAN'		MALAM			NYPD BLUE
	10.05	ANIMATION HOUR -	1.15	ENGLISH PREMIER	4.40	KAUNSELING	7.00	TAHUKAH AWDA	12.00		DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N 13 JUN	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG	5.15	SPORT PAGES	7.48	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	RANCANGAN HARI INI	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	5.55	ANIMALIA	8.50	DRAMA - 'Meniti Sinar'
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	SELERA ASEAN	6.32	AZAN MAGHRIB	9.30	RHYTHM FIESTA 2005
	9.00	BERITA	11.30	BODY AND SOUL	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	10.00	NEWS AT 10
			12.00	SIARAN TAMAT		MALAM	10.30	SUKAN GLOBAL
					7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	NILE - 'The Great Flood'
					7.20	SAJIAN ORIENTAL SR. 3	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

S	PAGI		Ulangan		Rusty'		'Tamu'		'Terperangkap'
E	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.15	LIPUTAN SEMASA -	4.40	NEW ADVENTURES OF			
L		KEBANGSAAN		Ulangan		OCEAN GIRLS -	7.30	DOKUMENTARI -	10.00
A	6.02	TILAWAH AL-QURAN	12.00	SIARAN TAMAT		'Hearing The Call'		'Gaya Hidup'	10.30
S	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran			5.10	THE WHOLE STORY	7.48	AZAN ISYAK	
A		Langsung			5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	
	9.00	BERITA		PETANG	6.15	KID SINAR	8.50	BELIA KITA -	
	9.15	RAMPAI PAGI -			6.33	AZAN MAGHRIB		'Prasarana Belia Negara'	11.15
		Sambungan	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	AL ISLAM		DRAMA: BIRO	12.00
	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.02	TILAWAH AL-QURAN			9.30	MENCEGAH RASUAH	
	10.02	TELENOVELA - 'Daniella'	4.15	RANCANGAN HARI INI		MALAM		KOD 486 -	12.45
JUN	10.45	MUTIARA HUTAN SR. 1 -	4.20	KIDS HOUR: 'Button And	7.00	DRAMA SITKOM -			

MEMANG benar kata pepatah Melayu, 'tangan yang menghayun buaian juga mampu menggoncang dunia'. Inilah senario sebenar wanita-wanita kita hari ini. Pada masa kini, wanita merupakan salah satu entiti penting dalam pembangunan ummah. Kredibiliti mereka tidak lagi dipandang rendah kerana keupayaan wanita mampu membuatkan mereka duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum lelaki.

Ketika wakil PELITA BRUNEI sampai ke ruang pejabat, beliau menyambut dengan senyuman mesra sambil menghulurkan tangan bersalaman. Itu-

lah Datin Paduka Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim yang pada masa kini memegang jawatan sebagai Pengarah Biro Pencegah Rasuah. Wanita yang berjiwa cecal ini mempunyai semangat yang tinggi dalam memperjuangkan keamanan negara walaupun beliau mengetahui risiko yang beliau hadapi terlalu tinggi. Dengan berbekalkan semangat yang kental dan dorongan yang kuat memberikan beliau keyakinan yang tinggi dalam meneruskan perjuangan.

Setelah beliau menamatkan pendidikan di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (SOAS) dalam Tingkatan Lima, beliau terus melanjutkan pelajarannya ke peringkat A level di Exeter College, Devon, England. Dengan semangat yang gigih, beliau meneruskan pelajaran di peringkat sarjana sehinggalah mendapat Bachelor of Arts In Law - Leicester

SERIKANDI

Oleh Refa'ah Ali Osman

Polytechnic University pada tahun 1979. Akan tetapi, pada tahun 1995, beliau meneruskan pendidikan peringkat sarjana dan mendapat Master of Arts In Criminal Justice di Brunel University.

Manakala pada tahun 1980, Datin Paduka telah mengikuti kursus asas polis di Police Academy Singapore. Maka bermulalah sejarah beliau sebagai Penolong Penguasa Polis (ASP) di Jabatan Polis Diraja Brunei pada tahun 1980.

"Saya memang meminati bidang ini sejak kecil lagi. Tambahan pula saya meminati profesion yang beruniform," jelas Datin Paduka. Pada tahun 1983 beliau dinaikkan pangkat kepada DSP dan setelah itu pada tahun 1987, beliau dinaikkan pangkat sebagai Superintendent. Manakala pada tahun 1988 Datin Paduka me-

Doa dan usaha pengiring kejayaan

akan tercapai. Begitulah prinsip Datin Paduka di mana beliau berpendapat, kejayaan tidak akan datang tanpa usaha dan semangat, tambahan pula sebagai seorang wanita mestilah menunjukkan kemampuan, di samping menampilkan kesungguhan dalam melakukan kerja.

"Sebelum kita memilih sebarang pekerjaan itu, kita mestilah memikirkan sedalam-dalamnya tentang risikonya. Bagi saya, tidak semestinya wanita kalah dalam semua hal akan tetapi mungkin di bidang lain mereka boleh melakukannya," tegasnya.

"Saya sendiri pada masa ini memegang jawatan ketua yang mana kebanyakan pegawai bawah adalah di kalangan kaum lelaki. Setiap kerja itu jika kita melakukannya dengan bersungguh-sungguh, maka dengan sesiapa pun kita bekerja tidak akan menghadapi masalah," kata Datin Paduka lagi.

Malah, apabila ditanya apakah kejayaan yang beliau perolehi selama ini, beliau dengan kagum menjawab bahawa menja-

di seorang ibu merupakan kejayaan yang besar bagi beliau di mana Datin Paduka dapat membimbing anak-anaknya berjaya dalam bidang akademik walaupun beliau seorang wanita yang sibuk dengan kerjaya.

Bersama suaminya Awang Muhd. Yusoff bin Sheikh Halim, dikurniakan tiga orang anak, dua perempuan dan seorang lelaki. Anak pertama, kini mengambil jurusan Master In Law, di Durham University. Manakala anak keduanya pula sedang mengambil Diploma In Commerce di Brisbane. Sementara anak bongsunya pula masih menuntut dalam menengah empat di Sekolah PDS.

Sehubungan itu, Datin Paduka juga merupakan seorang wanita yang aktif di mana pada masa kini, beliau merupakan Yang Dipertua Persatuan Siswazah Brunei dan Persatuan Netball. Dalam pada itu juga, beliau merupakan seorang wanita yang aktif dalam bidang sukan. Antara sukan yang beliau gemari ialah netball, badminton dan berlari. Selain itu membaca buku dan majalah adalah juga hobinya.

Bagi mencapai sesuatu kejayaan, dorongan dan sokongan adalah perlu. "Dorongan dari diri sendiri dan suami serta anak-anak adalah kunci utama saya dalam mencapai kejayaan. Di samping itu, persefahaman dalam memahami

situasi kerja adalah perlu bagi mencapai matlamat hala tuju," jelas Datin Paduka lagi.

Apabila ditanya mengenai sumbangan beliau terhadap negara, Datin Paduka menjelaskan, "Saya amat bersyukur dengan karier saya pada masa ini, saya dapat memberi sumbangan kepada negara dengan memberikan khidmat sepenuhnya dalam menjaga keselamatan negara dengan menurunkan tahap rasuah di negara kita," jelasnya lagi.

Seterusnya, Datin Paduka menasihatkan kepada kaum wanita khususnya beliau-belia di negara ini, agar tidak melepaskan peluang pekerjaan yang telah diberikan walaupun di peringkat rendah. Beliau juga menekankan supaya bersabar dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala memohon pertolongan. Insya-Allah dengan berkat usaha dan keikhlasan serta kejujuran dalam bekerja kita akan mendapat ganjaran yang direzki oleh Allah Subhanahu Wataala.

"SEBELUM kita memilih sebarang pekerjaan itu, kita mestilah memikirkan sedalam-dalamnya tentang risikonya. Bagi saya, tidak semestinya wanita kalah dalam semua hal akan tetapi mungkin di bidang lain mereka boleh melakukannya," tegasnya.



PENGARAH Biro Pencegah Rasuah, Datin Paduka Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim.

megang jawatan sebagai Penolong Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN) sehinggalah pada tahun 1999 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengarah BKN. 'Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu' begitulah kata pepatah Melayu, rezeki ada di mana-mana akan tetapi tanpa usaha dan doa, cita-cita tidak

Hadiri majlis ilmu

JERUDONG, 27 Mei. - Ceramah agama sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mendapat sambutan yang menggalakkan di mana kira-kira 500 jemaah hadir terdiri ahli-ahli pelbagai majlis kumpulan wanita.

Majlis tersebut berlangsung di Empire Theater bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al Quran yang disampaikan oleh Dayang Norezah binti Haji Md. Deli.

Majlis diteruskan dengan ucapan Yang Dipertua Persatuan Siswazah Brunei, Datin Paduka Dayang Hajah Intan binti Haji Mohd. Kassim. Dalam ucapannya, beliau melahirkan penghargaan dan terima kasih terhadap sumbangan yang telah diberikan bagi menjayakan majlis ilmu itu.

Ceramah agama anjur-

Oleh Refa'ah Ali Osman

an Persatuan Siswazah Brunei bertajuk 'Suci Hati Dari Kacamata Islam' disampaikan oleh Dr. Fatma el-Zahraa Ramadan, penceramah undangan dari Malaysia.

Ceramah tersebut antara lain menerangkan bagaimana hendak melembutkan hati yang keras dengan mengamalkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Selain itu, memperbanyakan hadir ke majlis ilmu dan mengingati Allah Subhanahu Wataala merupakan ubat bagi menghidu dari sebarang penyakit hasad dengki.

Majlis ceramah mendapat perhatian semua golongan yang hadir dan disusuli dengan sesi soal jawab mengenai masalah yang berkaitan.

MDPMAB juara Pertandingan Bahas



PASUKAN Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Biliha (MDPMAB) gembira bersama piala dan hadiah masing-masing setelah menjuarai Pertandingan Bahas Sekolah-sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan Ke-9.

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Mei. - Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Biliha (MDPMAB) menjuarai Pertandingan Bahas Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan Ke-9 dengan mengalahkan Jerudong International School (JIS).

Pertandingan yang diadakan di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei (RTB) merupakan anjuran Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan. Sebanyak 11 buah sekolah menengah menyertai pertandingan dalam pusingan pertama dan hanya empat buah pasukan sahaja yang layak ke pusingan separuh akhir.

Pusingan separuh akhir pertama adalah pertandingan di antara MDPMB dan Sekolah Menengah St. Angela's, manakala pusingan separuh akhir kedua di antara Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSB) dan JIS yang berlangsung pada 18 Mei lalu.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap III Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaq bin Haji Abdullah.

Sementara itu, pembahas terbaik di pusingan permulaan ialah Dayang Jasmine Wong dari JIS, manakala pembahas terbaik di pusingan akhir pula disandang oleh Dayang Hazel Ho dari MDPMB.